


Bil.82



Hari Isnin  
11hb November, 1991

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 13417]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 13475]

### **USUL:**

Anggaran Pembangunan 1992 (Ruangan 13475)

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N, (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titivangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S, (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., p.p.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Maradu).
- „ TUAN HAH AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (**Dungun**).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU H CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Kuala Lumpur).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

**DEWAN RAKYAT**

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 11hb November, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Jamaludin bin Haji Jarjis.

(Soalan No.1 Y.B. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis tidak hadir)

**GSP—EKSPORT PAPANLAPIS  
MALAYSIA KE AMERIKA  
SYARIKAT**

2. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai permohonan bersama dari Kedutaan Indonesia di Washington dan Plywood Tropics USA Inc. (sebuah syarikat yang mengimport papan kayu dari Indonesia) kepada Amerika Syarikat untuk menarik balik Skim Keutamaan Am (GSP) Malaysia:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap perbuatan yang tidak mempunyai semangat kejiranan dan setiakawan ini;
- (b) adakah Malaysia telah membuat bantahan terhadap Indonesia dan kalau ia bila, kalau tidak mengapa;

(c) apakah penjelasan yang dibuat oleh Indonesia terhadap tindakan sebegini dan adakah jaminan telah diberikan bahawa permohonan sebegini tidak akan dibuat tahun depan; dan

(d) adakah permohonan sebegini dibuat oleh Indonesia pada masa lampau dan kalau ia bila, serta nyatakan negara-negara lain yang telah membuat permohonan sebegini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kedutaan Indonesia di Washington terlibat dalam petisyen yang dibuat oleh Plywood USA Incorporated untuk menarik balik keistimewaan GSP bagi papan lapis Malaysia di Amerika Syarikat. Kerajaan Indonesia atau mana-mana Kerajaan lain tidak pernah terlibat dalam apa-apa petisyen untuk mengeluarkan Malaysia dari senarai GSP.

Maklumat diperolehi menunjukkan bahawa petisyen itu adalah usaha Plywood USA Incorporated sepenuhnya bagi melindungi kepentingannya sendiri dan kepentingan syarikat-syarikat tempatan di Amerika Syarikat yang mengimport papan lapis dari negara lain daripada Malaysia dengan alasan bahawa import papan lapis dari Malaysia telah melebihi had yang ditetapkan dan telah mendapat kedudukan pasaran yang besar peratusannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah sistem GSP

Amerika Syarikat terdapat mekanisme untuk mengeluarkan sesebuah negara daripada menikmati keistimewaan GSP ke atas sesuatu barangan jika negara tersebut telah mencapai eksport barangan itu ke Amerika Syarikat bernilai lebih USS93 juta setahun atau jika kedudukan pasarannya di Amerika Syarikat melebihi 50%.

Untuk makluman, eksport papan lapis Malaysia ke Amerika Syarikat bagi tahun 1990 bernilai \$57.4 juta atau USS20.5 dan mencapai kedudukan pasaran kurang dari 5%.

Penyiasatan yang dibuat oleh wakil perdagangan Amerika Syarikat telahpun menolak petisyen tersebut. Ini bermakna bahawa eksport papan lapis Malaysia ke Amerika Syarikat akan terus menikmati keistimewaan GSP.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bolehkah pihaknya menyebut pihak manakah yang sebenar membuat permohonan untuk menarik balik faedah GSP yang diberikan untuk Malaysia kerana laporan yang dikeluarkan bahawa Kedutaan Indonesia di Washington dan Plywood Tropics USA Incorporated terlibat adalah satu front page report, dengan izin, dari keluaran The Star iaitu satu akhbar milikan MCA. Dan kerana ini satu dakwaan yang sangat serius dan tidak ada satu penafian yang dibuat oleh pihak Kementerian yang kerana dakwaan ini boleh menjejaskan hubungan di antara kedua-dua negara. Mengapakah pihak Kementerian tidak membuat penerangan dengan segera dan soalan tadi bahawa pihak manakah sebenarnya yang membuat permohonan sebegini, Kalau Kedutaan Indonesia di Washington tidak terlibat, adakah Plywood Tropics USA Incorporated terlibat atau sesebuah syarikat yang terlibat dalam mengimport papanlapis tetapi bukan nama syarikat tersebut?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormatlah yang ingin memecahkan perhubungan baik antara Malaysia dengan Indonesia. Jawapan saya adalah jelas hanya satu syarikat iaitu Plywood USA Incorporated terlibat. Kedutaan Indonesia tidak terlibat. Hanya satu organisasi sahaja.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri adakah rakyat Malaysia terlibat dengan permohonan untuk menarik balik kemudahan GSP daripada Amerika Syarikat dan apakah tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian atau Kerajaan Malaysia, kalau ada rakyat Malaysia ataupun kumpulan rakyat Malaysia yang terlibat dengan tindakan itu.

**Tuan Chua Jui Meng:** Soalan ini spesifik. Soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat terkeluwardaripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.

*(Soalan No.3 Y.B. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

*(Soalan No.4 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)*

#### **EKUITI KORPORAT CINA— HAKMILIK**

**5. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah pegangan ekuiti korporat Cina, yang dinyatakan sebagai 32.6 peratus dalam tahun 1988 di bawah Kajian Separuh

Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada Jun 1989, telah meloncat 12.3 mata peratusan (12.3 percentage points) dalam masa dua tahun sahaja, kerana Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua pada Jun 1991 telah menyatakan pegangan ekuiti korporat Cina sebagai 44.9 peratus bagi tahun 1990; dan sama ada ianya adalah amat tidak adil dan tidak profesional untuk Kerajaan pada hakikatnya mencampak seluruh pegangan ekuiti kategori Syarikat-syarikat Kuasaan Tempatan (Locally Controlled Companies (LCC) yang dianggarkan mewakili 13.6 peratus dalam tahun 1990 menjelang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima sebagai kepunyaan kaum Cina Malaysia, sementara Bumiputeralah yang mempunyai sebahagian besar daripada pegangan dalam ekuiti LCC.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul);** Tuan Yang di-Pertua, memang benar terdapat perbezaan dalam anggaran hakmilik ekuiti bagi kaum Cina seperti yang ditunjukkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). Perbezaan ini bukanlah disebabkan oleh jumlah pegangan di bawah kategori Syarikat Kawalan Tempatan (LCC) dicampurkan ke dalam ekuiti korporat Cina sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Soal Kerajaan untuk membuat anggaran secara tidak adil atau tidak profesional tidak timbul sama sekali dalam soal ini. Semua anggaran dan perangkaan yang dikemukakan oleh Kerajaan adalah berasaskan methodology dan sumber yang sah yang telah diakui oleh semua pihak kecuali Pembangkang.

Sebenarnya, konsep LCC telah diperkenalkan dalam anggaran pemilikan ekuiti ini berpunca daripada Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad yang telah dijalankan oleh

Jabatan Perangkaan dari tahun 1970 hingga tahun 1983. Selepas tahun 1983, penyiasatan tidak lagi dijalankan oleh Jabatan Perangkaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep LCC ini merujuk kepada sejumlah baki modal saham yang pemilik sebenarnya tidak dapat dibahagikan mengikut mana-mana kaum. Bagaimanapun, dalam proses penyediaan RRJP2, sumber data yang lebih lengkap telahpun dapat diwujudkan di Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC).

Data-data yang didapati dari sumber ROC adalah berpunca secara lurus dari maklumat-maklumat syarikat yang dikemukakan secara langsung oleh syarikat-syarikat yang mendaftar di ROC, berpandukan Akta Syarikat 1965. Data dan maklumat dari sumber ROC ini tidak menggunakan konsep LCC seperti yang terdapat dari Sumber Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad oleh Jabatan Perangkaan. Apa yang jelas ialah sumber dari ROC ini adalah lebih kemaskini dan lengkap bagi menggambarkan kedudukan agihan hakmilik antara kaum-kaum di negara ini.

Berdasarkan kepada penjelasan ini, hasil dari kedua-dua sumber ini tidak boleh dibandingkan secara langsung sahaja, lebih-lebih lagi dengan hanya merujuk bahagian LCC seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak mencampurkan penyertaan LCC dalam ekuiti korporat Cina.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa effect atau kesan kehilangan kategori LCC dalam OPP2 tidak kira apa-apa sebab yang digunakan ialah di mana perangkaan peratus ekuiti yang di bawah LCC dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada Jun 1989 ditambah kepada pegangan ekuiti korporat Cina. Itulah effectnya. Sungguhpun

Yang Berhormat ada berkata bahawa ini adalah oleh kerana semenjak tahun 1983, kategori LCC tidak digunakan lagi untuk Jabatan Perangkaan. Kalau begitu, kenapa dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Jun 1989, dua tahun dahulu, LCC digunakan? Sungguhpun mengikut Yang Berhormat tadi semenjak 1983, kategori ini sudah tidak digunakan lagi. Bukankah ini satu contoh, dengan izin, "statistical juggling and dishonesty"?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini cara apa yang digunakan oleh Kerajaan supaya Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin MCA yang sampai baru-baru ini membantah menggunakan kategori LCC sebagai ditujukan kepada pegangan ekuiti korporat Cina bahawa ini tidak adil, ini tidak patut bahawa sekarang mereka pun menerima, dengan izin, "statistical dishonesty and statistical juggling" ini?

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya telah menjelaskan bahawa LCC ini ialah satu konsep yang diperkenalkan oleh Jabatan Perangkaan semasa mereka membuat kajian ke atas Syarikat-syarikat Berhad di mana sebahagian daripada Syarikat Berhad itu tidak dapat dibahagikan atau diagihkan, di mana kumpulan hendak diletakkan di bawah bumiputera ataupun bukan bumiputera. Jadi, saya sukalah menegaskan di sini bahawa ini bukan satu penipuan statistik yang pernah dijalankan oleh Kerajaan bahkan kita ada mempunyai methodology yang lengkap.

Jabatan Statistik di bawah Jabatan Perdana Menteri boleh disemak pada bila-bila masa menunjukkan angka-angka yang sebenar. Jadi, ini proses yang dijalankan sejak tahun 1983. Saya hendak menafikan sama sekali bahawa Kerajaan mengadakan penipuan statistik dalam soal ini. Jadi, soal ini adalah

soalan yang benar, penggunaan methodology, asas-asas dan angka-angka yang benar ditunjukkan. Kalau Yang Berhormat tidak berpuashati, boleh merujuk kepada angka-angka di Jabatan Perdana Menteri bahkan di Jabatan Statistik yang dengan jelas menunjukkan perangkaan yang diberikan.

Yang keduanya, senang sahaja. Soalan MCA senang sahaja, sebab mereka puashati dengan penjelasan Kerajaan tentang angka yang diberikan, sebab itu mereka menerima angka-angka yang dijelaskan oleh Kerajaan. Itu soal yang paling mudah saya jelaskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat telah menyebutkan tadi bahawa adalah tidak benar yang bumiputera mempunyai sebahagian besar pegangan dalam ekuiti LCC. Kalau tidak benar, berapakah pegangan ekuiti korporat bumiputera?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pegangan ekuiti bumiputera dalam korporat sehingga tahun 1990 ialah 20.3%.

## CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN

6. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk menukar kembali cuti persekolahan penggal III supaya pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah memulakan penggal persekolahan pada awal Januari; dan
- (b) adakah Kementerian Pendidikan membuat kajian tentang pendapat ibubapa dan guru-guru berhubung dengan kedudukan cuti persekolahan penggal III yang ada sekarang.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad);** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menukar kembali cuti dan penggal persekolahan yang sedang diamatkan sekarang.
- (b) Kementerian Pendidikan memang telah mengambil pendapat berbagai pihak, termasuk ibu-bapa sebelum melaksanakan cuti dan penggal persekolahan yang dilaksanakan sekarang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan cuti penggal sekarang, terutamanya penggal ketiga bagi Pantai Timur, musim bulan Disember adalah musim tengkujuh. Jadi, adakah pihak Kementerian sudah membuat kajian dengan teliti supaya masa seumpama ini ialah masa bagi cuti penggal, iaitu cuti penggal sepatutnya berlaku pada bulan Disember dan awal persekolahan pada bulan Januari dan tidak sepertimana sekarang? Adakah pihak Kementerian Pendidikan akan mengkaji balik kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di Pantai Timur apabila sistem cuti penggal yang ada sekarang ini diamalkan?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah Kementerian Pendidikan untuk menukar sistem penggal persekolahan 1989/1990 yang lalu telah dilakukan untuk mengatasi masalah banjir yang sering mengganggu urusan peperiksaan atau pelaksanaan peperiksaan kita, khususnya SPM dan STPM,

#### JENTERA JENTUAI PADI

**7. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** minta Menteri Pertanian

menyatakan dalam usaha mempercepatkan permodenan pertanian:

- (a) apakah usaha Kerajaan membantu meratakan tanah-tanah sawah ala projek Kampung Asam Jawa di Pendang, Kedah untuk kawasan tanaman padi di Kerian; dan
- (b) membantu pesawah-pesawah membuat parit kecil di ladang untuk mengeringkan sawah bagi kemudahan penggunaan jentera jentuai padi.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam);** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada dasarnya, pembangunan tanah-tanah sawah milik petani adalah tanggungjawab petani itu sendiri. Namun demikian, di kawasan Kerian, Pejabat Projek IADP Kerian, Sungai Manik mengenalpasti kawasan yang perlu diratakan dan dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan untuk menjalankan kerja-kerja meratakan tanah sawah terbabit. Kos meratakan tanah adalah ditanggung bersama oleh pihak projek sebanyak 25% dan bakinya oleh pemilik-pemilik tanah berkenaan.
- (b) Kaedah yang sama juga digunakan bagi membuat parit kecil di ladang untuk mengeringkan sawah bagi kemudahan penggunaan jentera jentuai padi. Pihak projek akan mengenalpasti keperluan membuat parit kecil ladang dan akan bekerjasama dengan PPK untuk membina parit kecil ladang tersebut.

**Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:** Soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa usaha-usaha meratakan tanah ini adalah satu usaha

yang sangat baik untuk mempercepat kemajuan bertanam padi? Jadi, kalau kita harapkan peladang-peladang yang serba kekurangan untuk melaksanakan kerja ini, lambat sangatlah akan mencapai kejayaan. Manakala kita di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini menumpukan pembangunan di luar bandar. Saya mengharapkan sangat Kerajaan memberi bantuan sepenuhnya kepada peladang-peladang dan operasi yang lebih besar daripada kemampuan L.P.P dan lain-lain agensi yang ada sekarang ini adalah minimum, gerakan untuk merata tanah ini boleh dikatakan secara kecil-kecilan sahaja. Kita ingin melihatkan satu usaha yang lebih besar dan lebih cepat untuk meratakan sawah padi dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya Yang Berhormat.

**Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:** Soalnya, adakah satu usaha daripada Kementerian Pertanian menolong peladang-peladang ini secara yang lebih meluas lagi untuk meratakan tanah sawah mereka?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sentiasa meneliti perkara ini dan sentiasa meningkatkan usaha untuk membantu petani-petani yang terdapat di seluruh negara. Walau bagaimanapun, padangan Ahli Yang Berhormat dapat diambil perhatian.

## LARANGAN MEROKOK DI HOSPITAL/KLINIK

**8. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauhmanakah Kementerian beliau telah berjaya melaksanakan larangan merokok semua hospital dan klinik Kerajaan dan adakah larangan ini akan dipanjangkan kepada semua hospital dan klinik swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, larangan merokok telahpun dilaksanakan di semua hospital dan klinik Kerajaan serta lain-lain kemudahan kesihatan termasuk pejabat-pejabat di bawah Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Daripada maklumbalas yang diperolehi setakat ini, pelaksanaan larangan merokok ini adalah boleh dikatakan memuaskan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa orang pelawat dan pesakit yang masih menghisap rokok di beberapa bahagian hospital dan klinik terutamanya di bahagian luar bangunan dan koridor. Langkah-langkah susulan seterusnya sedang dirancang untuk memperbaiki lagi keadaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telahpun berbincang dengan badan-badan tertentu seperti Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Persatuan Hospital-hospital Swastabagi melaksanakan larangan merokok yang serupa kepada hospital-hospital dan di klinik swasta.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada kuatkuasa dan larangan merokok sudah berapa ramai kena denda.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, larangan merokok ini bukan berdasarkan atau bersandarkan kepada undang-undang yang ada, sebab kita hanya menasihatkan orang ramai supaya jangan merokok. Undang-undang yang ada ialah undang-undang yang hanya kena-mengena dengan bangunan-bangunan tertentu seperti panggung wayang dan sebagainya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang kita tahu larangan merokok ini sudah lama diisytiharkan oleh Kerajaan. Kerajaan telah mengadakan usaha secara besar-

besaran pada suatu ketika dahulu dengan signboard rokok semua sekali. Tetapi saya ingin tahu kalau maksud Kerajaan untuk hendak mengharamkan dan menghapuskan amalan merokok ini, mengapakah kilang-kilang rokok masih dipertingkatkan dan kuota-kuota tembakau pun masih tinggi. Apakah tidak ada hubungkait di antara kedua ini dan bagaimana cara kalau sekiranya hospital kita buat, kilang nyamuk pun kita buat?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengaitkan soalan ini dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, soalan Yang Berhormat itu patut ditujukan kepada Kementerian yang lain.

## ESTET PERINDUSTRIAN

**9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah estet perindustrian yang telah diwujudkan bagi penempatan kilang-kilang dan kawasan manakah yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai estet perindustrian dalam RME di seluruh negara;
- (b) apakah bentuk atau jenis perindustrian tersebut; dan
- (c) apakah kriteria yang diambil kira oleh Kerajaan untuk mewujudkan estet-estet industri tersebut.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 161 estet perindustrian telah diwujudkan. Jumlah tanah yang telah dibangunkan ialah seluas 13,282 hektar. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam kawasan perindustrian baru seluas 11,102 hektar

dijangka akan dimajukan di seluruh negara dan pembahagian mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Luas tanah (hektar)</i>
Selangor	5,400
Kuala Lumpur	230
Negeri Sembilan	200
Melaka	400
Kelantan	80
Terengganu	60
Pahang	220
Johor	2,600
Sarawak	300
Sabah dan Labuan	340
Perlis	64
Kedah	750
Pulau Pinang	600
Perak	550

Jenis industri yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan perindustrian yang dirancang adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti:

- (i) sumber semulajadi di kawasan tersebut;
- (ii) industri-industri sokongan yang wujud di persekitaran kawasan tersebut;
- (iii) infrastruktur yang telah dibangunkan; dan
- (iv) kos faktor-faktor yang lain seperti kos tanah dan buruh yang akan menentukan faedah persaingan industri tersebut.

Walaupun bagaimanapun, adalah dimaklumkan kawasan perindustrian yang akan dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) kawasan perindustrian yang khusus dari segi jenis industri

yang akan dibangunkan seperti foundry, kejuruteraan dan yang berasaskan kayu;

- (ii) membantu pembangunan industri sokongan termasuk industri kecil dan sederhana supaya dapat meningkatkan pertalian dengan industri besar;
- (iii) mewujudkan kawasan perindustrian yang khusus dengan dilengkapi kemudahan pendidikan dan pembangunan, pengujian, latihan, pelupusan bahan-bahan buangan beracun dan perkhidmatan.

Kriteria-kriteria yang diambil kira dalam pembangunan kawasan perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah:

- (i) tahap pencapaian perindustrian masakini;
- (ii) cadangan program pembangunan perindustrian di setiap negeri; dan
- (iii) program pembangunan infrastruktur yang dirancang di setiap negeri.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, siapa yang menentukan kawasan perindustrian?

Yang kedua, kenapa kawasan perindustrian, contohnya seperti Sri Iskandar yang mempunyai asas yang cukup, highway ada, api ada, air ada tetapi masih lagi ketinggalan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tanah di dalam bidangkuasa negeri, negeri pada asasnya yang membuat keputusan untuk menempatkan kawasan-kawasan perindustrian di negara kita.

Untuk soalan yang kedua, kenapa suatu kawasan yang spesifik iaitu Sri Iskandar masih kekurangan daripada pelaburan industri, saya suka me-

nyatakan ini terpulang kepada negeri-negeri untuk membuat tarikan kemasukan pelaburan ke kawasan-kawasan di dalam negeri mereka.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membantu negeri-negeri yang miskin di dalam menyediakan infrastruktur perindustrian, kerana kalau keadaan ini terus dibiarkan maka berlaku ketidakeimbangan di dalam pengagihan kawasan-kawasan industri dan perindustrian.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan bercadang untuk membangunkan semua kawasan di negara kita iaitu termasuklah kawasan timur, kawasan di Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa Kabinet telah membuat satu keputusan iaitu memberikan lebih banyak peruntukan untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur di kawasan yang termiskin.

#### PENCEMARAN SISA TOKSIK— KESALAHAN

10. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes kesalahan membuang sisa toksid yang terdapat di negara ini sejak tiga tahun yang lalu. Berikan butiran terperinci mengenainya seperti tempat, bentuk kesalahan, nama syarikat dan apa pula bentuk hukuman yang dikenakan; dan
- (b) apakah Kementerian mempunyai cukup pegawai penguatkuasaan untuk memastikan kesalahan seperti di atas dapat dikawal dan diambil tindakan. Jika tidak, apakah cadangan Kementerian untuk mengawal masalah pencemaran dan pembuangan sisa toksid secara haram ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 1989, setakat ini adalah sebanyak dua kes sahaja.

Kedua-dua kes kesalahan tersebut berlaku di kawasan perindustrian Shah Alam, Selangor Darul Ehsan oleh Syarikat Tetuan Swilynn (M) Sdn. Bhd. dan Corro Coat (M) Sdn. Bhd. Masing-masing telah dikenakan kompaun sejumlah \$1,000 bagi tiap-tiap syarikat.

Bagi jawapan (b), Jabatan Alam Sekitar sedang berurusan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi pengambilan kakitangan tambahan untuk mempertingkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan. Kementerian sedang mengambil langkah untuk mempertingkatkan pengurusan dan penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) meningkatkan program pendidikan dan siberan maklumat;
- (ii) menggalakkan penggunaan teknologi bersih; dan
- (iii) menggalakkan penggunaan semula bahan buangan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, bagaimana sisa-sisa toksid perindustrian yang dikeluarkan oleh negara ini sebanyak 380,000 cubic meter setiap tahun diletakkan dan dibuang sekarang oleh pihak swasta? Adakah pihak Kementerian berkenaan mengambil apa-apa langkah untuk memonitorkan pembuangan sisa-sisa toksid tersebut?

Kedua, kadangkala walaupun penduduk-penduduk tempatan ingin membuat aduan, tetapi tidak tahu ke manakah mereka akan kemukakan aduan mereka itu. Saya pernah menulis surat kepada Kementerian berkenaan, tetapi sampai 6 bulanpun, tidak pernah terima jawapan. Maka adakah Kementerian berkenaan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat aduan pencemaran alatn sekitar, khasnya dari segi pembuangan sisa-sisa toksid? Jika ya, bilakah projek ini mungkin akan dilaksanakan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk menjawab soalan,

- (i) Sisa-sisa toksid atau bahan buangan terjadual yang dimaksudkan dalam Akta tersebut, buat masa sekarang dikendalikan oleh setiap kilang-kilang yang mengeluarkannya. Setakat ini kita masih dalam peringkat kajian sebelum melaksanakan cadangan membina satu pusat pelupusan bahan buangan terjadual.
- (ii) Cadangan ini adalah baik dan saya rasa boleh diambilkira atau dikaji sama ada pusat untuk aduan ini patut dibuat dan di mana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, Kementerian menggalakkan orang ramai membuat aduan melalui hot line yang kita sediakan. Hot line-hot line ini masih digunakan dan bolehlah pihak orang awam berhubung dengan pegawai-pegawai di Jabatan Alam Sekitar melalui hot line itu.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar adanya berita kapal-kapal asing yang membawa bahan sisa toksid ke negara ini dan apakah tindakan ataupun

langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan sekiranya ada?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Jawapannya, tidak. Tidak ada kapal-kapal yang membawa sisa-sisa toksid ke negara ini kerana dari segi polisinya, kita tidak membenarkan sisa-sisa toksid ini memasuki negara kita.

#### BIRO PENGADUAN AWAM— ADUAN

11. **Che Ibrahim bin Mustafa** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kes-kes yang dirujuk kepada Biro Pengaduan Awam dapat diselesaikan;
- (b) kes-kes bagaimanakah yang tidak dapat diselesaikan setelah dirujuk; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka lebih banyak pusat-pusat Biro Pengaduan Awam ini untuk memudahkan rakyat membuat aduan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Menurut rekod-rekod Biro Pengaduan Awam (BPA), kadar penyelesaian yang dicapai pada sesuatu tahun adalah dalam lingkungan 60% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun itu. Untuk makluman, kadar penyelesaian bagi tahun 1989 ialah 63% dan untuk tahun 1990 ialah 55%.
- (b) Kes-kes yang diterima tetapi tidak dapat diselesaikan dalam tahun semasa akan terus diuruskan sehingga selesai. Untuk makluman, setelah sesuatu kes diselesaikan, ia akan dijeniskan sama ada berasas atau

sebaliknya berdasarkan kepada basil semakan BPA. Ini bererti bahawa penyelesaian sesuatu kes tidak bererti bahawa pihak pengadu mendapat apa yang dikehendakinya.

- (c) Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat cawangan BPA di peringkat negeri atau kawasan. Walau bagaimanapun, Program Litaran BPA yang dilancarkan pada tahun 1989 akan terus dikekalkan. Program tersebut memudahkan orang ramai membuat aduan kepada pegawai-pegawai BPA dan mengendalikannya stesyen harian di kawasan-kawasan yang dilawatnya. Sistem Litaran itu merupakan usaha Kerajaan untuk mendekati rakyat terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

#### PULAU JARAK—TANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

13. **Datin Ling Chooi Seng** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada pilihanraya umum yang lalu, Kerajaan mengisytiharkan secara lisan bahawa penangkapan ikan laut dalam di sekeliling Pulau Jarak dihadkan hanya lebih jauh daripada 5 km. Kalau ya, mengapa sebuah bot menangkap ikan pada zon 5.8km dari Pulau Jarak telah ditangkap dan ditahan selama 16 hari dan didenda \$2,000.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat-syarat pelesenan, penangkapan ikan di sekeliling Pulau Jarak ialah 5 batu nautika dari pantai bagi vesel bermuatan

kurang daripada 40 GRT dan 12 batu nautika dari pantai bagi vesel bermuatan melebihi 40 GRT (Gross Tonnage). Walau bagaimanapun, Jabatan ada menerima rayuan daripada pemilik vesel melebihi 40 GRT untuk menangkap ikan dalam kawasan di luar daripada 5 batu nautika dari Pulau Jarak.

Setelah dibincang dan mengambilkira beberapa aspek, Jabatan tidak bersetuju dengan cadangan kelonggaran syarat ini dan perkara ini telah dimaklumkan kepada nelayan-nelayan yang terlibat melalui Pejabat Perikanan Negeri Perak. Berhubung dengan kes vesel menangkap ikan yang ditangkap pada 18.6.1991, vesel penangkapan ini bermuatan melebihi 40 GRT dan ditangkap 'di kawasan 5.6 batu nautika. Kawasan yang dibenarkan bagi vesel penangkapan ikan bermuatan lebih 40 GRT ialah 12 batu nautika dari Pulau Jarak-tetapi dalam kes ini ia ditangkap dalam kawasan 5.6 batu nautika.

**Datin Ling Chooi Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tempoh biasanya untuk menahan bot yang ditangkap itu sebelum mereka dilepaskan dan berapa orang pegawai yang diberi kuasa untuk mengkompaun kesalahan itu. Bot itu ditahan selania 16 hari dan saya difahamkan bahawa pada masa itu pegawai yang diberi kuasa untuk mengkompaun tuan punya bot itu telah bercuti ke seberang laut, dan oleh kerana itu tidak ada pegawai yang lain diberi kuasa untuk membuat keputusan. Adakah ini benar? Kalau tidak ada, mengapa bot itu ditahan selania 16 hari?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mana bot orang yang membuat kesalahan itu ditahan selania 16 hari, tidak ada kena-mengena dengan pegawai yang berkuatkuasa untuk mengkompaun ataupun untuk memberikan keputusan tentang kesalahan itu. Maka saya sukalah menjelaskan bahawa bot yang ditangkap

itu telah melakukan satu kesalahan mengikut Akta dan syarat-syarat pelesenan, maka perkara itu perlu disiasat dan diputuskan. Ini kadang-kadang mengambil masa yang pendek dan kadang-kadang mengambil masa yang panjang. Dalam kes ini ia telah mengambil masa selama 16 hari.

## KADAR BAYARAN POS

**14. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) atas alasan apakah setem-setem pos akan dinaikkan sekali ganda sebaik sahaja Jabatan Pos diswastakan pada Januari, 1991 nanti; dan
- (b) siapakah ataupun syarikat manakah yang akan menerajui Jabatan berkenaan apabila ianya diswastakan nanti.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), kali terakhir pindaan ke atas kadar bayaran pos di buat ialah pada 1hb Januari, 1983.

Pada masa ini, Kementerian saya sedang mengkaji pindaan ke atas kadar bayaran pos. Hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk keputusan.

Untuk menjawab soalan (b), Jabatan Perkhidmatan Pos akan diswastakan melalui kaedah perbadanan, dengan izin, corporatisation. Ini bermakna Jabatan Perkhidmatan Pos akan bertukar menjadi sebuah syarikat yang sahamnya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah dijanjikan oleh Perdana Menteri bahawa langkah penswastaaan Kerajaan tidak akan merugikan rakyat ataupun pengguna dan kita tahu bahawa Pejabat

Pos akan diswastakan pada Januari 1992 ataupun diperbadankan. Mengapakah tindakan Kerajaan sekarang hendak menyemak semula kadar-kadar setem yang dikenakan? Sepatutnya sama ada mengekalkan kadar yang ada sekarang ataupun diturunkan. Saya ingin tahu, mengapakah Kerajaan mengambil langkah yang demikian?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, penswastakan sedang berlaku di tanahair kita dan bukan di lain-lain negara, tetapi kita berhubung dengan beberapa negara berkenaan dengan pos. Mereka menaikkan beberapa harga yang tinggi. Oleh kerana itu, Jabatan Perkhidmatan Pos rugi setakat ini. Dan untuk makJuman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, suka saya memberi sedikit penjeJasan bersejarah yang lebih baik, berbanding dengan negara-negara yang lain, Kadar bayaran pos di Malaysia adalah di antara yang terendah di dunia,

Sebagai contoh, kadar bayaran pos di negara-negara lain bagi sepucuk surat kelas pertama yang had beratnya sehingga 20 gram iaitu:

Thailand/Brunei	30 sen
Singapura	30 sen
Indonesia	31 sen
New Zealand	62 sen
Amerika Syarikat	80 sen
United Kingdom	83 sen
Australia	89 sen
Negeri Jepun	\$1.24 sen

Pem'ngkatan kos operasi JPP yang utama yang merangkumi kos emolumen, pengangkutan mel, barang-barang berhubung dengan percetakan setem dan alatulis, susut nilai, pencen, ganjaran dan macam-macam semuanya naik sahaja, tetapi bayaran setem jangan naik, Saya dukacitalah, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru sendiri tahu beberapa kali kita naikkan gaji, tetapi bayaran pos tak boleh naik. Di

suatu hari akan datang barangkali kita sendiri kena hantar surat kita. Oleh kerana itu, saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, itupun kita belum naikkan lagi, kita fikir sahaja boleh naik atau tidak.

Dalam keputusan Kongres Kesatuan Pos Sedunia di Washington pada tahun 1989, meminta kita di mana Malaysia merupakan sebagai salah sebuah negara ahli telah menaikkan kadar bayaran terminal, bayaran yang dikenakan kepada negara yang menghantar lebih banyak mail yang baru mulai 1hb Januari 1991, Akibat daripada keputusan itu, Malaysia telah mengalami kerugian yang lebih besar dalam bentuk bayaran terminal kepada negara-negara lain. Jadi, inilah keterangan-keeterangan yang saya suka berikan kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau kita suka juga mendapat gaji lebih, pencen lebih dan sebagainya, tetapi jangan naikkan kadar setem pos, lebih baik kita tutuplah Post Office,

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat bahawasanya rakyat tidak bersungut sangat kalau dinaikkan harga setem Perkhidmatan Pos ini kerana kita dapati perkhidmatan swasta sekarang ini begitu maju sekali. Ertinya persoalan bahawa persoalan bayaran sedikit naik tidak menjadi persoalan pokok, tetapi soal kecakapan yang diharapkan dari segi Perkhidmatan Pos ini, Jadi, sesudah diswastakan nanti, apakah pihak Pejabat Pos telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang sedia ada supaya khidmat ini lebih cekap dan dapat bersaing dengan pihak swasta yang lain.

**Dafo' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya selepas 1hb Januari 1992 apabila kita menswastakan Jabatan Perkhidmatan Pos, jadi mereka akan mendapat suatu kebudayaan baru, dengan izin, a corporate culture. Melalui itu mereka boleh juga menjalankan semua tugas-

tugas mereka dengan satu sikap baru. Saya percaya pada masa itu, seperti jabatan-jabatan yang lain iaitu Jabatan Telekom dan Tenaga Nasional dan lain-lain boleh juga mereka mendapat lebih keuntungan daripada keuntungan itu jikalau mereka memohon untuk menaikkan kadar, itu ada di dalam kuasa Jumaah Menteri dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Saya boleh menjaga perkaraitu. Kelemahan-kelemahan yang berlaku sekarang boleh diatur semula dengan sikap dan harapan baru, insya Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Scng.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)*

#### SEKOLAH TAMIL—BANGUNAN TIDAK MEMUASKAN

16. **Dr T. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyalakan:

- (a) maklumat tentang bilangan sekolah Tamil yang berada ddalam keadaan fizikal yang tidak memuaskan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mempertingkatkan mutu kemudahan fizikal di sekolah-sekolah untuk meningkatkannya; dan
- (b) memandangkan prestasi akademik di sekolah-sekolah Tamil adalah rendah, apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkannya.

18-12-91

6. **Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa keadaan S.R.J.K. (T) di ladang-ladang dan di luar bandar sangat buruk dan tidak memuaskan, baik pun dari segi bangunan, ataupun alat-alat perleng-

kan seperti meja, kerusi dan sebagainya. Apakah rancangan Kementerian untuk membetulkan keadaan ini. Apa langkah telah dan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan isu mengenai sekolah-sekolah yang mendapat bantuan Kerajaan, oleh itu saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang (Soalan hari ini), dan Yang Berhormat dari Telok Intan (18-12-1991).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan menyedari bahawa terdapat sebahagian dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang bangunannya berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Bagi kita mengatasi masalah ini, Kementerian sentiasa menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah termasuklah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperlengkapkan sekolah-sekolah tersebut. Peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ini adalah sama dengan peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah lain. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan \$2.2 juta kepada Sekolah Rendah

Jenis Kebangsaan (Tamil) dan dalam Rancangan Malaysia Keenam pula Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$1,020 juta kepada sekolah-sekolah rendah termasuklah juga kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Pada tahun ini, sehingga bulan Oktober 1991 sahaja, Kementerian Pendidikan telahpun mengeluarkan peruntukan sebanyak \$1.3 juta kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Keutamaan akan diberi kepada sekolah yang dalam keadaan yang mendesak dan bergantung kepada pruntukan yang ada. Kerajaan tidak membeza-bezakan di antara berbagai jenis sekolah dalam memberi peruntukan untuk pembangunan sekolah itu. Peruntukan dari segi jawatan dan bilangan guru terlatih misalnya, adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh JPA (Agensi Pusat) dan digunakan untuk semua jenis sekolah.

- (b) Menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi akademik di semua sekolah rendah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Antara langkah-langkah berterusan yang sedang dijalankan ialah:
- (i) memberi penekanan kepada aspek penyeliaan terhadap pengajaran-pembelajaran oleh Guru Besar, Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri;
  - (ii) memberi kursus in-house training oleh Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah, Jabatan Pen-

didikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan kepada guru-guru sandaran tanpa latihan, khususnya berhubung dengan pengajaran-pembelajaran di bilik darjah;

- (iii) memberi kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru terlatih dalam matapelajaran tertentu seperti bahasa Inggeris, matematik, pemulihan dan teknologi pendidikan;
- (iv) langkah juga diambil untuk memperbaiki keadaan fizikal sekolah di mana perlu kita mewujudkan keadaan yang sesuai untuk pengajaran-pembelajaran;
- (v) berusaha juga membekalkan guru-guru terlatih yang cukup kepada semua sekolah terutamanya di kawasan luar bandar.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian di atas usaha mereka untuk memperbaiki keadaan sekolah Tamil, dan keutamaan diberi kepada yang mendesak. Saya mengalami masalah ini dalam kawasan saya Parit, telah dua tahun, sebuah sekolah Tamil rendah di Glanelly Estate yang bersekolah boleh dikatakan tempat yang cukup daif kerana kebakaran sekolahnya yang terawal, dan sehingga ini belum digahiti lagi. Saya pohon penjelasan dan merayu juga supaya sekolah rendah yang telah terbakar ini, muridnya yang belajar sekarang di tempat yang daif, yang memerlukan keutamaan, yang mendesak dan saya pohon supaya masalah ini mendapat tindakan yang segera daripada pihak Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu permohonan, bukan soalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, bolehkah memberikan butiran yang lebih lanjut tentang sekolah Tamil yang ada dalam keadaan yang uzur, terutamanya di mana negerikah yang mana terdapat banyak bilangan sekolah Tamil dalam keadaan uzur?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, adakah pihak Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menguruskan perkara seperti yang ditimbulkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut kerana ada banyak sekolah Tamil yang berada dalam keadaan yang sedemikian tetapi tidak ada tindakan segera dan tegas yang telah diambil?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memberi angka yang telah dipohonkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana saya nyatakan awal tadi kita tidak membezakan jenis-jenis sekolah rendah yang diberi bantuan. Kita memberikan pertimbangan atas semua sekolah rendah yang ada di negara kita. Seperti saya nyatakan tadi, ia memerlukan peruntukan-peruntukan yang ada di Kementerian supaya kita menguruskan gantian bilik darjah dan juga menambah bilik-bilik darjah yang diperlukan, oleh kerana pada masa kini pendaftaran pelajar-pelajar di sekolah rendah khususnya di Darjah 1 kian tahun kian bertambah,

Menjawab soalan kedua, kita tidak perlukan satu jawatankuasa khusus untuk menjalankan tugas ini kerana dalam Kementerian, kita ada satu bahagian yang dikenal sebagai Bahagian Penyelidikan Perancangan di mana kita menjalankan program-program untuk mengkaji keadaan sekolah-sekolah di seluruh negara kita dari Negeri Perlis

hingga Negeri Sabah. Ini adalah cara kita mempertimbangkan kemudahan-kemudahan yang perlu dan pada masa kini, kita menjalankan usaha di mana kita menggantikan bilik darjah kita kalau perlu serta juga menambahkannya kerana periumbuan pelajar-pelajar kita di peringkat sekolah rendah pun kian meningkat.

#### KEGUNAAN BAHAN MENTAH PERTANIAN

17. **Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah usaha-usaha dan langkah pihak Kerajaan bagi menggalakkan dan memastikan penggunaan bahan-bahan mentah pertanian tempatan dalam industri pemprosesan makanan dan operasi pengeluaran masing-masing bagi menghasilkan nilai tambah ke luaran yang lebih tinggi.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menggalakkan pertumbuhan industri yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan sebagai input di dalam proses pengeluarannya, termasuk bahan-bahan mentah pertanian dalam industri makanan. Kerajaan berpendapat bahawa dengan penggunaan bahan-bahan tersebut secara optima, ia bukan sahaja dapat menghasilkan nilai ditambah yang tinggi tetapi memesatkan lagi pertumbuhan kedua-dua sektor tersebut iaitu pertanian dan pembuatan.

Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan pada masa ini telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan sektor pembuatan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan menerusi Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Insentif-insentif tersebut adalah seperti berikut iaitu:

(i) *Taraf Perintis:*

Di bawah galakan ini, sebanyak 29 jenis produk berasaskan hasil

pertanian yang kebanyakannya melibatkan industri pemprosesan makanan telah disenaraikan sebagai industri yang layak untuk menerima galakan ini.

(ii) *Pengurangan Pendapatan Larasan:*

Pengurangan sebanyak 5% pendapatan larasan diberi kepada syarikat perkilangan termasuklah yang memproses hasil pertanian.

(iii) *Elaun Cukai Pelaburan:*

Elaun Cukai Pelaburan ke atas perbelanjaan modal sebanyak 20%, diberikan kepada syarikat-syarikat yang mana hasil keluarannya mempunyai sekurang-kurangnya 50% kandungan tempatan.

(iv) *Pengurangan Pendapatan Larasan Untuk Eksport:*

Melalui gatakan ini, pendapatan larasan syarikat akan dipotong sebanyak 5% dari nilai bahan-bahan asli Malaysia yang digunakan di dalam pembuatan barang-barang yang dieksport.

Selain daripada galakan cukai yang telah dinyatakan, Kerajaan juga telah menyediakan Pelan Tindakan Teknologi yang mana lapan jenis produk dari hasil pertanian perlu diberi keutamaan di dalam peningkatan teknologi/teknologi baru. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan lagi produktiviti di sektor yang berkenaan, khususnya pemprosesan lapan produk yang telah dikenalpasti. Produk-produk tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Hasil segar;
- (ii) Penyediaan makanan bina-lang;
- (iii) Pemprosesan daging;
- (iv) Pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran;
- (v) Pemprosesan ikan;
- (vi) Sos;

(vii) Edible fats and oils, dengan izin; dan

(viii) Pemprosesan gula dan keluaran confectionary.

Berdasarkan kepada galakan-galakan yang telah disediakan, ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa menjalankan usaha-usaha dan langkah-langkah tertentu untuk menggalak dan memastikan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan dalam sektor industri termasuk penggunaan bahan mentah pertanian dalam industri pemprosesan makanan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak galakan-galakan yang positif yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengapakah masih lagi banyak teknologi-teknologi pemprosesan makanan yang berasaskan bahan makanan tempatan tidak diambil oleh pengusaha-pengusaha yang mana pihak MARDI masih lagi menunggu bertahun-tahun untuk disambut oleh usahawan-usahawan tempatan. Adakah ini disebabkan tidak adanya satu mekanisme yang menghubungkan di antara dua Kenementerian ini iaitu Kementerian Pertanian dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua ialah, setakat mana sekarang dapat kita kurangkan bil import makanan yang diproses yang dahulunya menyumbang kepada \$3,000 juta bil import makanan setahun yang ditanggung oleh negara.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan bahagian yang kedua, bil import makanan telahpun dikurangkan tetapi saya tidak ada statistik pada saya pada hari ini tetapi telah dikurangkan dengan banyak. Harapan Kerajaan ialah bahawa dalam masa beberapa tahun yang akan datang

kita boleh menghapuskan defisit dalamimbangan perdagangan atau mercantile account di aspek pengimportan makanan.

Yang kedua, mengenai teknologi, seperti saya katakan tadi, pada masa kini kita menggalakkan industri yang berasaskan kepada pertanian dan makanan untuk mempertingkatkan teknologi mereka. Darisegi soal sama ada industri-industri tempatan telah mengambil teknologi daripada tempatan, sukalah saya berkata di sini, daripada sebanyak \$5.3 bilion yang dilaburkan dalam industri makanan umpamanya di antara tahun 1981 sehingga bulan Ogos tahun ini, sebanyak \$3.3 bilion ialah pelaburan daripada pelabur domestik iaitu orang-orang kita sendiri yang melabur dalam industri makanan. Ini bermakna teknologi sudahpun digunakan melalui MARDI atau institusi-yang lain untuk memajukan sektor ini.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Insentif yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah merupakan insentif yang umum yang diberikan kepada semua industri. Soalnya sekarang ialah bidang proses industri makanan ini menggunakan bahan-bahan tempatan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi satu galakan yang lebih kerana kita menggunakan bahan tempatan dan, seperti yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa kebanyakan pengusaha industri ini adalah terdiri daripada pengusaha-pengusaha lempatan. Jadi, kalau kita boleh memberi insentif yang begitu lumayan kepada syarikat-syarikat yang besar atau multinational corporations, mengapa kita tidak boleh memberi insentif yang lebih istimewa kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang menggunakan bahan-bahan tempatan untuk dieksport?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita sudah

memberikan banyak insentif kepada industri-industri makanan dan yang berasaskan kepada pertanian. Kalau Yang Berhormat mengikuti jawapan saya yang asal, saya sudah menunjukkan kita ada insentif-insentif yang dikhususkan kepada industri tersebut seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada masa kini kita tidak bercadang untuk menambahkan kepada list yang begitu panjang, seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

*(Soaian No. 18 Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir)*

#### TV 4—PROJEK PENSWASTAAN RTM

**19. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV 4 ialah sebahagian projek penswastan RTM yang akan diberikan kepada Melewar Corporalion Berhad yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata terutama golongan miskin kerana siaran TV 4 berkabel itu hanya untuk golongan elit dan hotel-hotel sahaja sedangkan siaran TV untuk semua lapisan rakyat masih belum mencukupi dan rancangan-rancangan terhad.

Setiausaha Parlimen **Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan yang mudah tetapi dalam bentuk bahasa yang cukup panjang, Yang Berhormat dari Klang menyoal dengan susunan kata yang menimbulkan banyak sangkaan, anggapan dan andaian yang salah dan tidak berasas dan saya kira mencerminkan kekeliruan beliau.

Jawapan bagi soalan beliau ialah bukan. *(Ketawa)*

## KILANG PADI BUMIPUTERA DI KEDAH—BANTUAN

**20. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan LPN untuk menolong lebih kurang 20 kilang-kilang padi sederhana dan kecil yang dipunyai oleh bumiputera di Kedah yang pada masa ini terpaksa ditutup kerana keputusan bekalan padi untuk di kilang daripada LPN. Berapa buakkah kilang-kilang besar di Kedah yang dimiliki oleh bumiputera.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 16 buah kilang di Kedah terlibat di dalam bantuan sokongan dari LPN yang menyertai Skim Upah Kisar. Di bawah skim ini kilang-kilang tersebut bergantung kepada lebih bekalan padi Kompleks-kompleks LPN. Oleh kerana jumlah padi yang dibeli oleh kompleks LPN adalah berkurangan pada Musim II tahun 1991 ini disebabkan oleh kekurangan pengeluaran padi di Kawasan Jelapang Padi di Kedah, maka bekalan padi kepada kilang-kilang padi yang menyertai skim tersebut tidak dapat dibekal padi yang secukupnya. Walau bagaimanapun, LPN dengan sedaya upaya mengagih-agihkan bekalan tersebut kepada kilang-kilang berkenaan bagi membolehkan kilang-kilang tersebut terus beroperasi.

Terdapat sebanyak 12 buah kilang besar dan 56 buah kilang bersaiz sederhana yang dimiliki oleh orang-orang bumiputera di negeri Kedah.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membekalkan kepada saya secara bertulis 16 buah kilang-kilang yang diberi kuasa untuk membeli padi ini dan siapa pengurusinya dan juga pemegang-pemegang ekuitinya sekali yang sebenar?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 1, 3, 4, 12, 15, 18 dan 21 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)*

## LESEN PERKHIDMATAN OPERASI PAGER

**1. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah sebenar syarikat tempatan yang memajukan lesen perkhidmatan operasi pager, mobile phone dan trunk phone kepada syarikat asing;
- (b) nyatakan nama dan syarikat asing yang terbabit dan tindakan terhadap mereka yang terbabit; dan
- (c) apakah siasatan jawatankuasa khas Kementerian sudah selesai menjalankan siasatan dan apakah penemuannya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:**

- (a) Untuk menjawab soalan pertama, sehingga kini, siasatan yang dijalankan oleh Kementerian ini menunjukkan 3 buah syarikat telah mengatur semula ekuiti mereka bagi membolehkan penglibatan syarikat asing di dalam operasi paging sistem.
- (b) Untuk menjawab soalan 2, pihak Kementerian sedang menyiasat syarikat-syarikat bumiputera yang telah menyusun semula syarikat mereka bagi membolehkan penglibatan syarikat asing, dan sehingga maklumat-maklumat tersebut diperolehi,

kita tidak dapat memberikan nama-nama syarikat tersebut.

- (c) Untuk menjawab soalan 3, apabila saya menerima aduan seumpama ini, saya akan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jawatankuasa tersebut akan meneliti permohonan-permohonan lesen yang berkenaan dan menulis kepada pemegang-pemegang lesen bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai pegangan ekuiti mereka masa kini, berbanding dengan ketika pemberian lesen kepada mereka sebagai sebuah syarikat bumiputera. Sehingga penyiasatan ini selesai, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.

### **PENGALIRAN TENAGA MAHIR KE LUAR NEGERI**

**3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah pengaliran tenaga mahir ke luar negara;
- (b) bolehkah Kerajaan menetapkan tempoh perkhidmatan tenaga mahir di dalam negara; dan
- (c) tidakkah Kerajaan bercadang mengenakan cukai perpindahan bagi tenaga mahir yang berhijrah ke luar negara.

#### **Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Selaras dengan prinsip demokrasi yang diamalkan, rakyat Malaysia adalah bebas untuk keluar dari negara ini bagi tujuan-tujuan tertentu seperti belajar, melancong, berniaga mahupun

bekerja. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil langkah-langkah yang secara langsung menyekat atau menghalang pergerakan warganegara Malaysia ke luar negeri. Kerajaan juga menyedari bahawa tindakan mereka ini sebahagian besarnya didorong oleh faktor ekonomi. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan memperbaiki taraf hidup rakyat serta memperbanyakkan peluang-peluang pelaburan dan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan lebih lumayan dan berprospek lebih baik. Peluang-peluang yang lebih baik dalam negara bukan sahaja akan mengurangkan pengaliran keluar rakyat Malaysia, tetapi juga akan mendorong warganegara Malaysia di luar negeri kembali semula ke negara ini.

- (b) Kerajaan tidak boleh menetapkan tempoh perkhidmatan kumpulan tenaga mahir dalam negara kerana negara kita adalah bebas untuk bekerja di mana-mana sahaja. Misalnya seorang pegawai Kerajaan dalam bidang profesional boleh meletakkan jawatannya untuk menceburi bidang baru sama ada di dalam atau di luar negeri. Kerajaan tidak boleh menghalang beliau kecuali pemegang biasiswa Kerajaan yang terikat dengan kontrak.

Bagi pekerja mahir sektor swasta pula, mereka langsung tidak terikat dengan Kerajaan dan mereka tidak boleh dikenakan sebarang sekatan atau syarat kecuali pegawai asing diambil dari luar negeri.

- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan cukai perpindahan kepada rakyat Malaysia, termasuk yang dikategorikan

sebagai tenaga mahir, yang akan keluar bekerja di negara lain.

#### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE IRAN

**4. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berikutan dengan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Islam Iran baru-baru ini:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mengundang secara rasmi Presiden Iran untuk melawat Malaysia; dan
- (b) apakah Kerajaan tidak bimbang terhadap pengaruh Syiah dan resolusi Islam di Malaysia pada masa akan datang berikutan dengan terjalannya kerjasama dua hala ekonomi yang semakin erat antara kedua negara.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato<sup>1</sup> Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Sebagai sebuah negara yang mencintai keamanan dan untuk mewujudkan masyarakat yang makmur dan ekonomi yang pesat membangun maka adalah menjadi dasar luar Malaysia untuk mengadakan perhubungan baik dengan semua negara yang mempunyai aspirasi dan azam yang sama. Oleh yang demikian Malaysia menyambut baik cadangan mana-mana ketua negara asing untuk melawat Malaysia bagi meningkatkan peralihan yang telah sedia ada. Jika sekiranya terdapat keinginan dari mana-mana ketua negara untuk melawat Malaysia pada satu masa yang sesuai Kerajaan akan menimbulkannya.

- (b) Sejak kebelakangan ini, kerjasama dua hala ekonomi di antara Republik Islam Iran dan Malaysia semakin erat. Memang menjadi hasrat kedua-dua buah negara Islam ini supaya pertalian tersebut akan terus diper-

kukuhkan dari semasa ke semasa, atas dasar tidak mencampuri dalam segala hal ehwal dalam negara masing-masing.

Kita berharap sikap pragmatik yang ditunjukkan oleh Kerajaan Iran sekarang untuk berbaik-baik dengan negara-negara luar lanpa menekankan penyebaran ideologi dalam perhubungannya dengan negara-negara Islam, akan terus diamalkan secara jujur. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan akan leka tentang sebarang pengaruh dalam masyarakat Malaysia, tidak kira dari mana-mana pihak yang boleh memecah-belahkan masyarakat dan menjejaskan keselamatan serta kestabilan negara. Sebaliknya Kerajaan tetap bertindak tegas mengawasi setiap perkembangan dalam negara demi mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara sepertimana saya tegaskan tadi.

#### PUSAT KESIHATAN DI KOTA BELUD

**12. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) senarai Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik Desa yang telah dikenalpasti untuk diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 bagi daerah Kota Belud dengan pecahan angka mengikut tahun bermula pada tahun 1992, 1993, 1994, 1995 dan 1996; dan
- (b) bilakah pembinaan Klinik Desa Kg. Mangkulat dalam daerah Kota Belud (yang telah dikatakan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-6 oleh Kementerian di satu masa dulu) akan dilaksanakan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

- (a) Pusat-pusat Kesihatan yang sedang dilaksanakan mengikut tahun dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi daerah Kota Belud adalah:

Klinik Desa Rampaian Laut  
1991

Klinik Desa Kaung 1991

- (b) Selain dari itu ada tiga Klinik Desa yang telah dikenalpasti untuk pelaksanaan dengan perolehan tanah dahulu sebelum pembinaan kerana belum mempunyai tapak:

Klinik Desa Rosak

Klinik Desa Kuala Abai

Klinik Desa Mengkulat

Pembinaan Klinik Desa Mengkulat akan dilaksanakan selepas perolehan tanah diselesaikan.

#### **PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN**

**15. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah bentuk dan jenis jaminan PLUS telah berikan bagi memastikan bahawa akan selalu adanya kewangan yang mencukupi untuk menjaga Projek Utara-Selatan di dalam keadaan yang memuaskan dan dapat diterima.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Jaminan Syarikat PLUS Berhad selaku pemegang konsesi dalam melaksanakan projek Lebuhraya Utara telahpun termaktub di dalam Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Malaysia. Kerajaan juga telah mengkaji dan berpuas hati dengan kedudukan kewangan PLUS seperti modal ekuiti, pinjaman dari bank-bank perdagangan serta support loan yang diberikan oleh Kerajaan kepada PLUS iaitu bahawa

Syarikat PLUS Berhad mempunyai kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan dan menyelenggara projek ini dengan sempurna. Selain daripada itu PLUS juga telah mengemukakan satu Jaminan Penyelenggara (Maintenance Bond) bernilai sebanyak \$20juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini PLUS sedang melaksanakan projek ini dengan memuaskan.

#### **PERKHIDMATAN SELEPAS JUALAN**

**18. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah aduan yang diterima mengenai perkhidmatan selepas jualan daripada tahun 1989 hingga kini dan masalah yang dihadapi oleh Kementerian bagi melindungi pe pengguna dalam perkara ini.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian telah menerima sebanyak 438 aduan berhubung dengan masalah perkhidmatan selepas jualan di seluruh negara sejak tahun 1989 hingga 15 Oktober, 1991. Daripada jumlah ini, ianya telah berjaya menghasilkan 25 kes dengan nilai rampasan sebanyak \$35,591.65 dan jumlah denda yang dikenakan ialah berjumlah \$8,550.00. Kebanyakan aduan yang diterima ialah berhubung dengan urusniaga kereta motor, alat-alat elektrik dan perabut.

Di antara masalah yang dihadapi oleh Kementerian di dalam usaha memberi perlindungan kepada para pengguna mengenai perkhidmatan selepas jualan ini adalah seperti berikut:

- (i) Para pengadu sendiri enggan tampil ke hadapan untuk

mengemukakan masalah mereka. Apa yang berlaku ialah mereka seringkali menyuarakan masalah ini melalui media massa dan laporan yang disiarkan adalah terlalu umum untuk dikenalpasti tempat dan jenis kesalahan. Dalam hubungan ini, parapengguna masih tebal dengan sikap tidak apa mereka;

- (ii) aduan yang dikemukakan adalah lebih merupakan "miscommunication" antara pengguna dan peniaga dan tidak merupakan kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian. Lanya perlu diselesaikan di antara kedua-dua belah pihak yang terlibat;
- (iii) sikap pengguna yang tidak ingin mengambil berat tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna. Mereka tidak memahami akan konsep "buyers beware" seperti yang diperjuangkan di negara-negara lain. Seperti contoh, jika mereka ingin membeli sesuatu barang, mereka lurus membeli barang tersebut tanpa membaca atau memahami fakta-fakta waranti yang diberi bersama-sama barang itu; dan
- (iv) para pengguna cepat terpengaruh dan terpedaya dengan "gimmicks" yang dikeluarkan melalui iklan dan lain-lain alat sebaran am oleh para pengeluar sesuatu barangan. Taktik ini telah banyak mendorong para pengguna untuk membeli barang-barang yang sebenarnya mereka tidak memerlukannya. Hanya selepas membeli barang-barang

tersebut mereka sedar akan kesilapan tersebut dan ini akan mendatangkan masalah kepada para pengguna itu sendiri.

Kememerian telah dan akan sentiasa berusaha untuk terus mendidik dan melindungi para pengguna supaya mereka tidak diperdayakan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, di samping menjaga kepentingan para peniaga di negara ini. Apa yang peming ialah semua pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing agar negara ini sentiasa mengamalkan amalan perdagangan yang sihat dan adil.

#### **PENSYARAH UNIYERSITI MELETAKKAN JAWATAN**

**21. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kedudukan keruncingan tenaga pensyarah di semua universiti di dalam negeri sekarang;
- (b) apakah dasar Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini di dalam tempoh jangka panjang; dan
- (c) apakah dasar pengambilan pensyarah luar negara yang dilaksanakan sekarang bagi mengatasi kekurangan tenaga pensyarah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7.11.91.

#### **AJARAN SESAT**

**22. Dr Nawawi bin Mat Awin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah setakat ini kumpulan-kumpulan dari masyarakat Islam yang dikesan mengikuti ajaran-ajaran sesat;

- (b) sama ada Kerajaan berpendapat ajaran-ajaran sesat bukan sahaja menjejaskan akidah malahan melumpuhkan kekuatan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam; dan
- (c) apakah strategi, program dan tindakan yang terperinci dan bersungguh-sungguh yang disusun dan dilaksanakan untuk mendorong rakyat supaya tidak terpengaruh dengan ajaran dan kepercayaan yang karut-karut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman);**

- (a) Kumpulan-kumpulan yang telah dikenalpasti menyebarkan ajaran sesat adalah sebanyak 44 kumpulan.
- (b) Sememangnya kumpulan yang menyebarkan ajaran dan amalan yang menyeleweng itu bukan sahaja merosakkan akidah umat Islam tetapi boleh melemahkan politik dan ekonomi masyarakat Islam dan menggugat perpaduan masyarakat di negara ini.
- (c.) Antara langkah yang telah dan sedang diambil bagi memerangi ajaran-ajaran yang menyeleweng dan sesat adalah seperti berikut:
  - (i) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan penyiasatan yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri;
  - (ii) mengadakan suatu rangkaian kawalan sebagai sumber mendapatkan maklumat di peringkat-peringkat kariah, daerah dan negeri;
  - (iii) menyusun program dakwah dan penerangan melalui kelas-kelas di masjid-

masjid dan surau-surau kepada belia-belia, rancangan-rancangan radio dan TV dan melalui penerbitan-penerbitan; dan

- (iv) membantu pihak berkuasa agama Islam negeri dalam kerja-kerja penyiasatan dan pendakwaan bagi mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang di negeri-negeri.

**UNIYERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA—PELAJAR  
BUKAN ISLAM**

**23. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan penuntut-penuntut bukan beragama Islam yang kini menuntut ilmu secara rasmi di Universiti Islam Antarabangsa (International Islamic University).

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sesi 1990/91, terdapat lebih kurang 3 peratus daripada keseluruhan pelajar-pelajar Universiti Islam Antarabangsa yang terdiri dari pelajar-pelajar bukan beragama Islam.

**INDUSTRI MAKLUMAT KEPADA  
KELUARAN DALAM NEGARA  
KASAR**

**24. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang disumbangkan oleh Industri Maklumat (Komputer) di negara ini bagi tahun 1990 dan September 1991; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan sedang diambil ke arah perluasan industri bermaklumat untuk jangka panjang oleh Kementerian ini.

**Setiausaha Paripnren Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Pada masa ini sumbangan dari industri maklumat kepada KDNK adalah sangat kecil. Walau bagaimanapun, ianya dijangka meningkat di masa hadapan. Dalam tempoh RM6, langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan penggunaan sektor awam, penekanan akan diberi kepada pembangunan standard, pengkalan maklumat dan rangkaian data serta menggalakkan kesedaran mengenai kepentingan teknologi maklumat.

Kerajaan sedar bahawa tahap keupayaan tempatan dan peluang penyertaan syarikat tempatan di dalam industri maklumat adalah masih tidak memuaskan di dalam pelabur-pelabur asing masih menguasai industri tersebut dari segi hakmilik dan teknologi. Sungguhpun demikian, Kerajaan dari masa ke semasa memperkenalkan langkah-langkah dan strategi-strategi untuk memperluaskan industri tersebut. Di antara langkah tersebut ialah mengagihkan sumber-sumber yang lebih banyak untuk mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang berkaitan dengan industri maklumat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, industri maklumat telah dikenalpasti sebagai salah satu dari bidang utama yang akan dimajukan seperti yang terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Kerajaan juga akan mempergiatkan usaha ke arah menggalakkan pengwujudan rantaian yang lebih luas di antara industri ini dengan lain-lain sektor ekonomi supaya penglibatan syarikat tempatan dan nilai ditambah sektor ini dapat dipertingkatkan. Di samping itu, Kerajaan juga dari masa ke semasa memberi penekanan yang tinggi terhadap aspek pendidikan dan latihan dalam bidang yang berkaitan dengan industri maklumat. Dengan ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ke

arah memperluaskan industri maklumat sentiasa diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan.

### PENGGUNAAN AGAMA BAGI KEPENTINGAN POLITIK

25. **Tuan Joseph Voon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menggunakan agama untuk kepentingan politik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap mana-mana pihak yang memutarbelitkan isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan negara termasuklah penggunaan isu-isu agama bagi kepentingan politik. Tindakan tegas telah dan akan diambil terhadap mereka yang terlibat berlandaskan undang-undang dan peraturan yang ada agar perpaduan dan keharmonian masyarakat tidak terjejas dan keselamatan awam dan negara sentiasa terpelihara.

### SEKOLAH LUAR BANDAR DI SARAWAK—KEMUDAHAN INPRASTRUKTUR

26. **Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keindahan infrastruktur dan bangunan di sekolah-sekolah kampung desa di Sarawak; dan
- (b) sama ada terdapat langkah-langkah positif yang akan diambil untuk meningkatkan taraf pendidikan sekolah-sekolah di Sarawak; kalau ya, bila, kalau tidak, mengapa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sentiasa berusaha memperbaiki kemudahan infrastruktur dan bangunan di sekolah-sekolah luar bandar di negeri tersebut. Antara projek dan program yang dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) Projek Kerja Kecil Pengubahsuaian dan menaik-tarafkan sekolah-sekolah menengah dan rendah di luar bandar.
  - (ii) Program Pendidikan Rendah yang melibatkan 408 projek seperti projek gantian, tambahan dan pembinaan sekolah baru.
  - (iii) Program Pendidikan Menengah yang melibatkan 96 projek seperti projek gantian, tambahan dan pembinaan sekolah baru.
  - (iv) Program Tambahan Dalam RME seperti membina rumah guru, asrama dan bilik darjah.
  - (v) Projek Pembekal Tilam di tiga belas buah sekolah menengah dengan peruntukan berjumlah \$812,439.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan taraf pendidikan di semua sekolah rendah khususnya di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak, seperti di negeri-negeri lain. Beberapa langkah berterusan telah dan sedang diambil bagi tujuan meningkatkan taraf pendidikan di negeri tersebut. Antara langkah tersebut ialah:
- (i) Menempatkan lebih ramai guru terlatih di sekolah-sekolah luar bandar.

- (ii) Menjalankan kursus bagi mutu pelajaran tertentu seperti bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia (penulisan), pemulihan dan matematik supaya pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah lebih efektif.
- (iii) Memberi kursus kepada Guru Besar dan guru-guru terutamanya bagi sekolah-sekolah kecil dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru.
- (iv) Mengadakan kemudahan fizikal di sekolah mengikut keperluan supaya murid-murid dapat belajar dalam keadaan yang lebih selesa.

#### **LALULINTAS DI KUALA LUMPUR**

**27. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah lalulintas dalam Kuala Lumpur; dan
- (b) langkah-langkah pembaikan lalulintas dan pengangkutan bagi Kuala Lumpur seperti yang diumumkan tetapi telah digugur kemudiannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):**

- (a) Langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah lalulintas dalam Kuala Lumpur meliputi tiga aspek kerja seperti berikut:

Aspek (I) Pelaksanaan Projek Pembangunan Jalan Raya

Di bawah aspek ini, jalan-jalan raya utama di dalam Kuala Lumpur akan dipertingkatkan

untuk memudahkan pergerakan lalulintas. Jalan-jalan raya yang dikenalpasti adatah seperti yang berikut:

- (i) Jalan Kepong;
- (ii) Jalan Kuchai Lama;
- (iii) Jalan Perkasa;
- (iv) Jalan Puchong (dari Taman Puchong ke sempadan Wilayah Persekutuan);
- (v) Jalan Segambut; dan
- (vi) Jaian Damansara.

Disamping ini, jalan-jalan raya baru akan dibina untuk menyalurkan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan pertumbuhan baru. Di antara cadangan jalan raya baru yang telah dikenalpasti ialah:

- (i) Jalan Eastern Route dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang di sebelah timur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (ii) Jalan Lingkaran Tengah II (dahulu dinamakan Outer Ring Road) di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor;
- (iii) Jalan Northern Route dari Jalan Pahang ke Jalan Ulu Kelang yang akan melalui Taman Air Panas dan Taman Setiawangsa; dan
- (iv) Jalan East-West Link dari Jalan Cheras (Taman Connaught) ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban (Jalan ini akan dibina di bawah Projek Penswastan Jalan/Jejambat di Kuala Lumpur).

#### Aspek (II) **Projek-projek Pengangkutan Awam**

Di samping itu memperbaiki perkhidmatan bas sedia ada di dalatn Kuala Lumpur, sistetn-

sistem pengangkutan awam yang baru telah dicadangkan dan sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan. Sistem-sistem pengangkutan awam tersebut, di antaranya ialah:

- (i) MONOREL—  
bagi permintaan perjalanan dalam pusat bandaraya Kuala Lumpur.
- (ii) LRT atau/dan METROLINK—  
bagi permintaan ulang alik kerja (commuting) dalam Kuala Lumpur dan komubasinya.
- (iii) RAILBUS (KTM)—  
bagi permintaan ulang alik kerja (commuting) dari luar Kuala Lumpur.

#### Aspek (III) **Pengurusan Lalulintas**

Beberapa rancangan di bawah aspek kerja ini telah dibuat dan di antaranya ialah:

- (i) menaikkan taraf sistem kawalan lampu isyarat lalulintas berkomputer yang sedia ada ke sistem kawalan yang lebih dinamik. (Peringkat pertama cadangan ini telah baru dilaksanakan);
  - (ii) melaksanakan sistem jalan-jalan sehala di mana-mana kawasan yang perlu; dan
  - (iii) melaksanakan pembaikan jangka pendek kepada persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat lalulintas jika perlu.
- (b) Pihak Kerajaan akan meneruskan projek pengangkutan awam iaitu Projek Monorel memandangkan masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur semakin mendesak.

**EAST ASIA ECONOMIC GROUP—  
TENTANGAN AMERIKA**

**28. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan reaksi Malaysia kepada pertentangan Amerika Syarikat kepada East Asia Economic Grouping (EAEG) yang dicadangkan oleh Malaysia.

23.11.91

**I. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan cadangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (KEAT); dan
- (b) setakat ini berapa negara yang menyatakan persetujuan atau penentangan terhadap konsep KEAT ini dan nyatakan mereka.

26.77.97

**II. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kalaulah pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh sekali untuk merealisasikan penubuhan KEAT/EAEG, tidakkah pihak Kerajaan bercadang pula untuk menubuhkan GEDI (Gagasan Ekonomi Dunia Islam) dengan mengumpulkan negara-negara umat Islam serantau untuk kepentingan ekonomi bersama. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan jika tidak, apakah halangan-halangnya dan sila nyatakan cara-cara untuk mengatasinya.

29.77.97

**28. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah alasan-alasan yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk menentang gagasan EAEG di masa ianya mula

dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah sikap ini berubah apabila Vice President Dan Quayle membuat kenyataan bahawa Amerika Syarikat hendak menjadi ahli EAEG. Negara-negara ASEAN manakah yang didakwa oleh Dan Quayle sebagai menentang gagasan ini.

79.72.97

**10. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam menjadikan cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Group- EAEG) sebagai inisiatif ASEAN. Oleh kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagangan utama Malaysia dan juga kawasan-kawasan lainnya, apakah langkah yang sedang dibuat untuk menentang hangkangan pihak Washington terhadap cadangan itu. Bolehkah konsep EAEG menjadi kenyataan walaupun dengan bangkangan kuat dari pihak Amerika Syarikat. Bolehkah cadangan tersebut diubahsuai supaya ianya dapat diterima oleh pihak Amerika Syarikat.

**Tuan Chua Jui Meng:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 24.10.1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Melaka pada 13hb. November 1991; Yang Berhormat dari Marang pada 26hb. November 1991; Yang Berhormat dari Padang Terap pada 29hb. November 1991 dan Yang Berhormat dari Hulu Selangor pada 19hb. Disember 1991, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group-EAEG. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

## INFLASI

**29. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah positif sedang diambil untuk mencegah inflasi mungkin meningkat menuju hujung tahun ini dan hadapan.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telahpun dijawab pada 22 Okiober 1991 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

## IKLAN TELEVISYEN

**30. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah hasil dari iklan yang diperolehi oleh TV1 dan TV2 bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini. Adakah beliau sedar TV1, TV2 dan TV3 telah memuatkan iklan yang berlebihan. Adakah rancangan untuk menghapuskan iklan rokok dan minuman keras dari kaca TV.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Jumlah hasil yang diperolehi daripada siaran menerusi TV1 dan TV2 bagi tempoh 9 bulan pertama 1991 adalah seperti berikut:

	TV1 (\$ Juta)	TV2 (\$ Juta)	Jumlah (\$ Juta)
Januari	5.573	7.928	13.501
Februari	4.277	7.837	12.114
Mac	6.725	7.587	14.312
April	9.425	7.985	17.410
Mei	8.455	8.243	16.698
Jun	7.106	7.932	15.038
Julai	7.846	8.947	16.793
Ogos	7.152	9.531	16.683
September	8.116	10.110	18.226
JUMLAH	66.675	76.100	140.775

Sungguhpun iklan merupakan satu-satunya sumber pendapatan terbesar RTM dan TV3, pihak Kementerian sentiasa mengawasi masa siarannya supaya ianya tidak menjejaskan mutu

rancangan sehingga menjemukan penonton. Pada masa ini pihak Kementerian telah menetapkan supaya siaran iklan tidak melebihi 10 minit bagi setiap jam siaran dan ianya terpakai untuk semua rangkaian TV dan Radio, termasuk TV3.

Dalarn menyiarkan iklan-iklan, RTM menggunakan garis-garis panduan seperti berikut bagi mengelakkan selingan iklan-iklan yang berlebihan:

- (i) Bagi rancangan-rancangan yang mengambil masa lebih dari 1 jam, selingan iklan tidak melebihi 3 kali (iaitu awal, pertengahan dan akhir rancangan) dengan jumlah masa tidak melebihi 10 minit.
- (ii) Bagi rancangan-rancangan yang memakan masa 30 minit, selingan iklan tidak melebihi 2 kali (awal dan akhir rancangan) dengan memakan jumlah masa tidak melebihi 5 minit.

Tetapi bagi rancangan Berita Nasional (TV1/TV2) dan Berita Perdana (TV3) pada pukul 8.00 malam, satu panduan khusus sudahpun dikeluarkan iaitu masa iklan dihadkan setakat 4 minit sahaja, dan itupun terbatas kepada 2 kali commercial break. Commercial break pertama ialah selepas 15 minit pertama siaran dan commercial break yang kedua adalah sebelum sudut sukan dalam Berita.

Garis panduan tersebut tidak menetapkan jumlah iklan dalam sesuatu selingan, tetapi mengawasinya dari segi jumlah masa yang digunakan bagi menyiarkan iklan-iklan melalui satu rancangan.

Pada masa ini pihak Kementerian membenarkan iklan-iklan jenama rokok tersebut dikeluarkan dengan syarat seperti berikut:

- (i) Barangan, selain daripada rokok, yang diiklan mestilah jelas dan boleh didapati di pasaran.

- (ii) Perkhidmatan yang diiklankan mestilah jelas dan disertakan dengan alamat perniagaan yang senang untuk dihubungi.

Kementerian ini telahpun mengharamkan siaran iklan-iklan rokok dan tidak pernah membenarkan siaran iklan minuman keras. Oleh hal yang demikian, isu mengenai cadangan Kementerian ini untuk menghapuskan iklan rokok dan minuman keras tidak lagi berbangkit.

Amalan membenarkan iklan-iklan jenama adalah sejajar dengan amalan free enterprise dan merupakan salah satu sumber hasil RTM.

Penghapusan iklan-iklan rokok oleh Kementerian ini adalah memadai dan Kementerian berpendapat pengharaman iklan jenama-jenama rokok adalah tidak berapa adil kerana pada masa yang sama mereka juga memberi perkhidmatan dan mengeluarkan barang-barang sejenama yang lain.

### **PENSYARAH UNIYERSITI MELETAKKAN JAWATAN**

**31. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah efek-efek yang menyebabkan pensyarah-pensyarah ini meninggalkan universiti-universiti tempatan dan memasuki atau memilih pekerjaan di dalam sektor swasta atau berhijrah ke negara lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri berkenaan dengan masalah-masalah yang nyata ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7.11.91.

### **PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR—KAJIAN**

**32. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang mengkaji semula Pelan Struktur Kuala Lumpur sesuai dengan kedudukan politik, ekonomi dan sosial masa kini untuk mencapai tahap pembangunan seimbang bagi semua kaum di Wilayah Persekutuan pada masa ini dan masa-masa yang akan datang.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Pelan Struktur Kuala Lumpur yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diwartakan dan mula digunapakai pada bulan Ogos 1984. Pelan ini mengandungi dasar-dasar umum dan cadangan pembangunan sehingga tahun 2000. Bagi menyesuaikan Pelan Struktur Kuala Lumpur dengan perubahan kedudukan politik, ekonomi dan sosial semasa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengemaskinikan dasar-dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur secara berterusan.

Pada masa yang sama DBKL juga menyediakan Pelan-pelan Tempatan dan Pelan-pelan Tindakan bagi kawasan-kawasan pembangunan tertentu secara yang lebih terperinci. Pelan-pelan tempatan yang disediakan ini sentiasa mengambilkira keadaan semasa bagi mencapai tahap pembangunan yang seimbang.

### **DISIPLIN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH**

**33. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah punca-puncunya yang menyebabkan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Apakah program-program yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama mengenai isu keselamatan dan disiplin pelajar di sekolah telahpun dijawab sekali gus pada 7.11.1991. Oleh itu tidak ada apa-apa tambahan ingin dinyatakan, Terima kasih.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang

bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." [8hb November, 1991]

**Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli** Yang Berhormat, untuk hendak memberi peluang kepada ramai Ahli-ahli berucap, saya terpaksa menghadkan ucapan-ucapan Yang Berhormat pada hari ini sehingga empat hari lagi. Yang Berhormat-Yang Berhormat ada empat hari lagi, yang dua hari lagi itu ialah jawapan-jawapan dari Menteri-menteri. Oleh yang demikian, jika saya hadkan kepada 25 minit seorang, pada fikiran saya sudah mencukupi dengan kerana 25 minit itu Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh mengeluarkan fikiran-fikiran, maknanya tidak terjejas kepada isi-isinya.

Yang Berhormat dari Parit Sulong, sila sambung, minta 25 minit ya!

3.35 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba.

Sewaktu mengakhiri ucapan saya pada hari Jumaat yang lalu, saya mengatakan bahawa Ketua Pembangkang atau Ahli dari Tanjong nampaknya tidak sehebat lakonannya dalam drama "anti MCA" di Dewan yang mulia ini. Kalau waktu berdrama beliau kelihatan seperti satu gergasi yang berlidah api sewaktu membahaskan Belanjawan, beliau kelihatan indah seperti sebuah arca air batu. Kalau kita nak tahu, arca air batu adalah ice sculpture. Memang indah, tetapi semakin lama semakin cair dan hilang begitu sahaja.

Saya tidak hairan, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan seperti ini. Kerana itulah sebenarnya DAP. Suaranya sahaja yang berdegar-degar. Suaranya sahaja yang berdentam-dentum bagai meriam buluh. Sekejap menjerit fasal projek Tanjong I. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang diharubirukan. Speaker Dewan Undangan

Negeri diharu-birukan. Busut dikatakan bukit dan bukit pula disangkakan gunung. Tak jemu-jemu, cucuk sana, cucuk sini. Lepas itu ada projek Tanjong II. Sama juga halnya. Ada drama dan ada gambar-gembur. Lepas pilihanraya umum, ada pemimpinnya yang kononnya letak jawatan. Tetapi, sehari dua lepas itu ambil balik jawatan. Macam anak-anak main guli. Sekejap kata 'cop'. Sekejap kata 'tui'. Parti inilah yang mempunyai nafsu besar untuk memerintah negara kita, tetapi tetap gagal selepas pilihanraya demi pilihanraya. Biar pun DAP mendabik dada ke seluruh pelusuk tanahair, kononnya dialah juara rakyat jelata, projek Tanjong Inya tetap tak sampai ke mana. Projek Tanjong II nya juga tak sampai ke mana-mana. Sekarang, parti ini asyik ghairah dengan projek Tanjong III. Tetapi saya yakin seperti kata orang Pulau Pinang, 'Pi mai pi mai tang tu juga'.

Namun begitu, saya hairan macam mana agaknya ada juga puak-puak golongan politik yang dipimpin oleh orang yang bijak pandai sanggup diperdayakan oleh DAP. Dalam pilihanraya umum yang lalu, parti yang berkenaan sanggup menubuhkan "political venture" dengan DAP. Lebih jauh dari itu, Presiden parti tersebut juga sanggup mencanangkan kepada seluruh rakyat jelata bahawa jika tidak bersama dengan DAP, partinya pasti akan kecundang dalam pilihanraya. Sekarang apa sudah jadi? Kerjasama dengan DAP sudah jelas terbukti, pilihanraya pun sudah selesai. Tetapi parti itu juga tetap sama nasibnya dengan DAP. Tetapi parti ini ataupun mungkin juga Presidennya kelihatan tak serik-serik. Baru-baru ini sewaktu pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak, Presidennya juga pergi ke Sarawak untuk membantu Pembangkang menubuhkan Barisan Nasional 3 di Sarawak. Namun begitu, parti yang didokongnya, termasuk DAP, pun kecundang. Inilah bukti bahawa hanya pihak yang sederhana sahaja, seperti Barisan Nasional, UMNO dan

kawan-kawannya sahaja, yang akan berjaya memerintah negara selama ini....

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa oleh kerana masa 25 minit sahaja, saya minta maaflah kepada sahabatsaya.

Saya tidak akan meminta sebarang apology dari sesiapa pun untuk mendedikasikan masa yang agak panjang mengenai DAP dalam ucapan Belanjawan kali ini. Saya sebenarnya mula mengenali DAP sejak tahun 1969 lagi. Sekarang apabila saya mengenali gelagatnya di Dewan yang mulia ini, sayasemakin yakin DAP pasti tidak akan dapat memerintah negara ini. Apatah lagi bila waktu keemasan di Dewan yang mulia ini digunakan untuk sandiwara seperti baru-baru ini. Namun begitu, kepada rakyat jelata seluruhnya DAP tergamak mendabik dada dan berkata kononnya dialah patriot bangsa dan kononnya dialah parti yang multi bangsa.

Sandiwara DAP arahan bersama Ahli dari Tanjong dan arahan bersama Ahli dari Kota Melaka di Dewan yang mulia ini membuktikan DAP bukannya sebuah parti yang patriotik. Sandiwara yang nampaknya hanya berkisar pada tema "anti MCA" itu adalah bertentangan dengan dakwaan bahawa DAP adalah sebuah parti yang multi bangsa. Kalau multi bangsa, kenapa cuma MCA jadi sasaran utamanya?

Jika benar-benar DAP itu sebuah parti multi bangsa, kenapa seorang bekas pemimpinnya yang bernama Goh Hock Guan pernah menegaskan pada 20 Jun 1972 bahawa:

"DAP telah bertukar menjadi sebuah parti chauvinist yang hanya memperjuangkan kepentingan-kepentingan kaum Cina sahaja di bawah

pimpinan Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang."

Selanjutnya Goh Hock Guan menegaskan bahawa:

"Di antara contoh dasar chauvinist DAP ialah mengenai pelajaran Cina dan kampung-kampung baru yang diperjuangkan secara habis-habisan meskipun ia sedar bahawa perjuangan itu bukan merupakan satu perjuangan nasional bagi kepentingan seluruh kaum di negara ini."

Tuan Yang di-Pertua, kalau DAP benar-benar sebuah parti yang multi bangsa dan tidak perkauman, mengapakah pada 27 Mac 1969 seorang pemimpinnya, Khoo Su Giap pernah menyeru Kerajaan Perikatan ketika itu supaya jangan memecah-belahkan rakyat jelata Malaysia kepada bumi-putera dan bukan bumi-putera.

Saya kenal asal-usul DAP, seluruh rakyat jelata yang rasional juga kenal asal-usul DAP. Kalau Singapura tidak dipisahkan dari Malaysia, mustahil akan lahir DAP. DAP lahir dari rusuk kanan sebuah parti yang kini hidup di negara asing. Ketika berada dalam Malaysia, pemimpinnya selalu dan terlalu lantang dengan isu Malaysian Malaysia. Sebenarnya "ibu kandung" DAP mengembangkan sayapnya ke tanah Semenanjung ini dalam Pilihanraya Umum tahun 1964 dengan satu tujuan semata-mata mahu mengambilalih saham kekuasaan MCA dari Perikatan ketika itu.

Bercakap mengenai konsep Malaysian Malaysia, saya teringat bahawa sewaktu membahaskan Belanjawan tahun hadapan, Ketua Pembangkang telah mengungkit-ungkit soal konsep bangsa Malaysia. Dia juga bertanya sama ada para pemimpin UMNO benar-benar percaya kepada konsep bangsa Malaysia tersebut kerana katanya, konsep itu bertentangan dengan asas kewujudan UMNO sebagai sebuah parti yang exclusive untuk orang Melayu.

Sebenarnya apa yang ditegaskan oleh Ahli dari Tanjong menerusi konsep bangsa Malaysia itu adakah konsep Malaysian Malaysia. Konsep inilah yang menggarisbawahkan penubuhan DAP dalam tahun 1966. Seperti apa yang ditegaskan oleh Pengerusi DAP Kebangsaan, Dr. Chen Man Hin, dalam kata-kata aluannya untuk buku *The Time Bombs in Malaysia* pada 27 Mei 1978, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"The DAP was formed by patriotic Malaysians in 1966 to blaze out the path towards a democratic socialist, Malaysian Malaysia".

Konsep Malaysian Malaysia yang diperjuangkan oleh DAP memang sukar untuk dirujuk. Tetapi ia boleh dikutip menerusi berbagai kenyataan pemimpin ibu kandung DAP ataupun pemimpin DAP sendiri. Jadi, sebelum kita memutuskan sama ada DAP itu benar-benar terdiri dari golongan patriotik dan multi bangsa, eloklah cuba kita lihat apakah itu konsep Malaysian Malaysia DAP.

Saya terpaksa menyelami konsep ini dengan lebih jauh kerana dalam konteks Wawasan 2020, bangsa Malaysia adalah amat prominent. Setiausaha Agung DAP bertanya sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk meminda Perlembagaan negara, untuk memberikan istilah bangsa Malaysia satu pentafsiran dan kewujudan dari segi Perlembagaan kononnya sebagai mentafsir warganegara Malaysia yang patriotik yang merupakan matlamat Wawasan 2020.

Terdahulu dari itu Setiausaha Agung DAP itu telahpun menegaskan bahawa:

"Bangsa Malaysia tidak bererti negara tetapi satu bangsa Malaysia baru yang menempatkan identiti kaumnya di bawah identiti bangsa Malaysia."

Setiausaha Agung DAP itu juga tidak menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai apakah yang beliau sifatkan sebagai bangsa Malaysia. Bagaimanapun, bekas Setiausaha Penerangan

Kebangsaan DAP, Encik Farn Seong Than yang juga pernah mengganggotai Dewan yang mulia ini satu ketika dahulu, telah dilaporkan oleh Berita Harian 3 Ogos 1978 seperti berikut:

"Taraf bumiputera dan bukan bumiputera yang terdapat di negara ini adalah tidak sesuai lagi setelah negara mencapai kemerdekaannya yang ke-21 (iaitu pada ketika membuat kenyataan). Demi rancangan jangka panjang masa hadapan Kerajaan, DAP mencadangkan agar rakyat Malaysia dikenali sebagai bangsa Malaysia sahaja".

Jadi, kalaulah kenyataan bekas Setiausaha Penerangan DAP ini boleh dijadikan sandaran dan dijadikan penghurai kepada bangsa Malaysia yang dibayangkan oleh Ahli dari Tanjong Isnin lalu, ini bermakna bahawa sebuah bangsa Malaysia hanya boleh wujud apabila taraf bumiputera dan bukan bumiputera sudah dihapuskan.

Jadi, apakah penghapusan taraf bumiputera ini sebagai salah satu pindaan Perlembagaan yang diharapkan apabila Ahli dari Tanjong bertanya:

"Adakah Kerajaan umpamanya bersedia untuk meminda Perlembagaan Malaysia untuk memberikan istilah bangsa Malaysia pentafsiran dan kewujudan dari segi Perlembagaan sebagai mentafsir warganegara Malaysia yang patriotik yang merupakan matlamat Wawasan 2020?"

Saya harap bukan pindaan inilah yang diperlukan oleh beliau kerana masalah bumiputera dalam Perlembagaan negara adalah termaktub dalam Perkara 153, salah satu, dengan izin, entrenched provision di dalam Perlembagaan negara.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jika itulah kehendak Ketua Pembangkang, maka tidak salahlah jika saya tegaskan bahawa konsep bangsa Malaysia yang disuarakan itu sebenarnya adalah konsep

Malaysian Malaysia yang memang terus-menerus diperjuangkan oleh DAP hingga ke hari ini. Dalam hubungan ini, semua pihak memang sedia maklum bahawa konsep itu adalah diwarisi oleh DAP dari parti ibu kandungnya beberapa tahun yang lalu. Ini terbukti apabila dalam salam perpisahannya, Setiausaha Agung "parti ibu kandung" DAP pernah mengatakan pada ISOgos 1965 bahawa:

"Mereka juga berpendapat mereka boleh memberhentikan Malaysian Malaysia dari tercapai sekiranya Singapura terkeluar dari Malaysia."

Kenyataan ini bermakna bahawa walaupun parti tersebut sudah menjadi asing dengan keterasingan Singapura dari Malaysia, konsep Malaysian Malaysianya akan tetap diperjuangkan. Siapakah pejuang konsep tersebut sekarang jika tidak DAP? Jadi, jelaslah kepada kita bahawa DAPlah pewaris Malaysian Malaysia yang dipelopori oleh parti ibu kandungnya itu.

Hakikat di atas disahkan lagi oleh Dewan Masyarakat terbitan Februari 1975 seperti berikut:

"Sebenarnya pemisahan Singapura dari Malaysia pada 8 Ogos 1965 itu sama sekali tidak menamatkan kempen Malaysian Malaysia. DAP yang lahir sebagai "anak PAP" hasil daripada pemisahan itu terus memperjuangkan matlamat PAP itu. DAP pun menyuarakan tuntutan hak-hak yang sama untuk masyarakat bukan Melayu di Malaysia."

Untuk mengimbas kembali apakah sebenarnya yang dikatakan sebagai konsep Malaysian Malaysia DAP itu, izinkah saya meminjam kata-kata Utusan Melayu 16 Julai 1965. Malaysian Malaysia yang dimaksudkan adalah menurut Utusan Melayu:

"Penentangan terhadap kedaulatan Raja-raja; penentangan terhadap hak-hak keistimewaan Melayu; penentangan terhadap agama Islam

sebagai agama rasmi; dan penentangan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi."

Seorang negarawan dan seorang patriot bangsa Malaysia keturunan Cina, Mendiang Tun Tan Siew Sin pernah mengingatkan seluruh kaum rakyat Malaysia khususnya keturunan Cina tentang bahaya Malaysian Malaysia seperti di atas. Menurut akhbar Utusan Melayu 8 Julai 1965, Mendiang Tun Tan Siew Sin mengingatkan bahawa:

"Rakyat Malaysia khususnya orang-orang Cina supaya sentiasa berhati-hati terhadap tindak-tanduk golongan orang Cina di negara ini yang berpura-pura menjadi juara orang-orang Cina dengan menyuarakan tentangan terhadap hak-hak istimewa orang-orang Melayu."

Kata Mendiang Tun Tan Siew Sin lagi:

"Orang-orang ini berpura-pura untuk memperjuangkan nasib Malaysia, tetapi pada hakikatnya mereka ini adalah berusaha hendak menghancurkan Malaysia bagi kepentingan mereka sendiri."

"Kita tidak mahu jaguh-jaguh seperti ini yang bertujuan semata-mata untuk menimbulkan kacau-bilau dan pecah-belah bukan sahaja di kalangan orang-orang Cina, tetapi juga Malaysia seluruhnya."

Begitulah kata-kata warisan Tun Tan Siew Sin. Tetapi jika kenyataan di atas mahu dipertikaikan, izinkan saya meminjam pula kata-kata mendiang Khaw Kai Boh, seorang lagi pemimpin MCA yang ulung dalam Berita Harian 16hb April, 1969:

"Sikap DAP anti Melayu dengan sendirinya akan merosakkan kepentingan seluruh orang Cina di masa depan. Kalau DAP meneruskan dasar yang anti Melayu itu, tidak syak lagi huru-hara dan pergaduhan kaum akan

berlaku di negara ini". Walaupun DAP tidak berterus-terang menyatakan anti Melayu, tetapi rakyat faham dasar perjuangannya hendak menghapuskan Raja-raja, hak-hak orang Melayu dan kecemanya terhadap MARA."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulas kenyataan-kenyataan di atas kerana seluruhnya amat jelas dan nyata. Sebenarnya banyak lagi contoh-contoh petikan kenyataan mengenai Malaysian Malaysia DAP ini.

Pada saya, umpamanya terdapat satu buku propaganda, dengan izin, *The Battle for Malaysian Malaysia* di mana antaranya memainkan statistik bahawa satu ketika dahulu rakyat Melayu cuma lebih kurang 30% di negara ini, dan bukan Melayu lebih 60%. Statistik itu dipaparkan tanpa sebarang ulasan. Tetapi, soalan yang tersirat amat jelas iaitu mengapakah UMNO yang menunjangi kekuasaan negara. Juga terdapat kata-kata yang meragui penggunaan tulisan "Jawi" serta kata-kata yang mempersoalkan kenapakah slogan kempen Bahasa Kebangsaan suatu ketika dahulu adalah "Bahasa Jiwa Bangsa". Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dipersoalkan kerana secara Perlembagaannya Bahasa Kebangsaan itu adalah bahasa Melayu. Maka pihak yang mempersoalkannya khuatir, apabila bahasa Melayu jadi Bahasa Kebangsaan maka seluruh pengguna bahasa tersebut akan menjawai orang Melayu. Inilah di antara konsep Malaysian Malaysia yang sudah pasti kini diwarisi oleh DAP, parti yang mendakwa patriotik, yang mendakwa sebagai sebuah parti yang tidak perkauman.

Oleh itu, saya sekadar berharap waspadalah terhadap DAP seperti yang ditegaskan oleh kenyataan-kenyataan di atas.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun, hendak buat apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya habiskan ucapan saya. Saya juga harap tidak akan terdapat mana-mana pihak dalam DAP, termasuk ahlinya dari Bayan Baru, yang akan mengatakan bahawa kenyataan-kenyataan di atas adalah rhetorica kosong belaka. Dalam pada itu, saya mahu sahabat saya dari Kok Lanas, umpamanya akan insaf, apatah lagi saudara-saudara saya dari Rantau Panjang ataupun Ntlan Puri.

Saya terpaksa membuat imbasan yang panjang lebar ini mengenai DAP dan konsep Malaysian Malaysianya kerana nampaknya parti tersebut akan membarakan lagi api Malaysian Malaysia menerusi cabaran pertama Wawasan 2020 yang antara lainnya akan menyebut perkataan 'bangsa Malaysia'. Jadi, untuk menyekat kemaraan suara dan bara api Malaysian Malaysia DAP kali ini, saya harap semua Komponen Barisan Nasional dan Kerajaan sendiri akan terus-menerus menjelaskan kepada rakyat jelata tentang segala cabaran strategik Wawasan 2020 itu.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi jika pihak DAP masih mahu membarakan konsep Malaysian Malaysianya, izinkan saya sekali lagi untuk menyandarkan ucapan saya kepada ucapan mendiang Tun Tan Siew Sin di Dewan yang mulia ini pada 1 Jun, 1965 iaitu lebih 26 tahun yang lalu. Ucapan beliau yang telah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia di bawah tajuk, dengan izin, 'The concept of a Malaysian Malaysia was born on the day the Alliance was born', antara lain menyatakan seperti berikut:

Katanya, walaupun pihak yang mempersoalkan Malaysian Malaysia ketika itu mendakwa sebagai menerima Perkara 153 tanpa sebarang reservation. Tun Tan Siew Sin menjelaskan bahawa Perkara 153 bukannya ciptaan Kerajaan Perikatan. Ianya tidak muncul dengan

jeritan Merdeka pada 31 Ogos, 1957. Sebaliknya perkara itu, kata Tun Tan Siew Sin diwarisi bukan sahaja dari Perjanjian Persekutuan 1948, malahan dasar yang termaktub dalam Perkara 153 itu merupakan dasar Kerajaan sebelum perang dunia yang kedua yang kemudiannya dirangkumkan ke dalam Perjanjian Persekutuan 1948 dengan cara yang lebih komprehensif.

Kemudian Tun Tan Siew Sin menegaskan bahawa Perikatan tidak akan dapat dibentuk sekiranya seluruh pemimpin-pemimpinnya ketika itu tidak percaya kepada konsep Malaysian Malaysia. Konsep Malaysian Malaysia, kata Tun Tan Siew Sin seterusnya telahpun dilahirkan pada hari yang sama dengan kelahirannya Perikatan. Oleh itu, sambung beliau, 'jika wujud Malaysian Malaysia di negara ini sekarang dan kepujiannya amat diperlukan maka kepujian ataupun credit itu adalah milik Perikatan, dan bukannya milik PAP (ataupun DAP).

Saya sebagai seorang ahli UMNO, Tuan Yang di-Pertua....

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat. Kepong bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai seorang ahli UMNO dan anggota Barisan Nasional amat terharu dan bangga dengan kenyataan patriot bangsa seperti di atas yang menjelaskan bahasa konsep Malaysian Malaysia sudah wujud di negara ini dan pengamal konsep itu adalah Perikatan. Kenyataan mendiang Tun Tan Siew Sin itu adalah hakikat yang itu. Ini terbukti apabila Perlembagaan Barisan Nasional sendiri yang lahir sebagai satu "extension" kepada Perikatan memang mencerminkan konsep ini. Contohnya Perkara 5 Perlembagaan Barisan Nasional memaktubkan bahawa tujan-

tujuan Barisan Nasional adalah seperti berikut:

- (a) memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatupadu.

Oleh itu saya harap supaya pihak DAP dan kunci-kuncunya sedar bahawa Barisan Nasionallah pejuang dan pengamal Malaysian Malaysia di negara ini sekarang. Konsep ini dilahirkan atas landasan kesediaan setiap pihak di negara ini untuk mengiktiraf dengan seikhlas-ikhlasnya hakikat sejarah serta tamaddun Melayu di negara ini. Konsep ini dilahirkan oleh Barisan Nasional atas hakikat tolerensi, kefahaman serta keinsafan yang luhur terhadap Malaysia serta realiti dan sensitivitinya. Barisan Nasional melahirkan Malaysian Malaysia menerusi pemeliharaan Perlembagaan negara.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, konsep Malaysian Malaysia ala-Barisan Nasional ini akan hanya mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang tulen lagi ideal, jika tidak ada pihak yang asyik bersandiwara seperti DAP, Sebuah bangsa Malaysia akan hanya wujud menerusi kefahaman dan keinsafan terhadap segala sensitiviti sejarah dan warisan yang silam. Sebuah bangsa Malaysia akan hanya wujud di dalam petnikiran yang tidak berangkakan kolonialis. Sebuah bangsa Malaysia akan wujud apabila segala, dengan izin, "entrenched provisions" di dalam Perlembagaan negara yang melandasi segala kata muafakat seluruh kaum menjelang kemerdekaan tidak diperkotak-katikkan. Satu bangsa Malaysia akan wujud jika segala dasar yang berlandaskan "entrenched provisions" itu tidak dipersenda-sandakan dan tidak diprasangkakan sebagai menindas dan berat sebelah. Sebuah bangsa Malaysia akan hanya wujud jika seluruh pihak, termasuk DAP, dengan ikhlasnya bekerja keras ke arah kejayaan Wawasan 2020.

Begitulah, Tuan Yang di-Pertua, huraian saya mengenai bangsa Malaysia dan konsep Malaysian Malaysia. Saya harap pihak DAP akan faham dan insaf bahawa dalam satu situasi yang unik seperti Malaysia ini, kita harus bersyukur dengan apa yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Perikatan dan Barisan Nasional. Mereka telah berjaya menjadikan kepelbagaian kaum di negara kita sebagai sumber kekuatan dan kefahaman negara yang paling utama.

Seterusnya apabila membincangkan Wawasan 2020, sebenarnya kita membincangkan masalah kebangkitan dan kesejahteraan jenerasi muda di negara ini. Apabila kita membincangkan masalah orang-orang muda, pastinya kita tidak boleh lari dari bertanggungjawab kepada golongan beliadi negara ini. Perkara ini amat relevant kerana menurut perangkaan 1980....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya minta sedikit lagi kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah 25 minit itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bolehlah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mas.  
4.03 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan berhubung dengan Belanjawan 1992 yang amat berimbangan, lagi sungguh sederhana,

iaitu satu Belanjawan yang menjadi bukti betapa Kerajaan Barisan Nasional ini bukan sahaja peka terhadap cabaran-cabaran yang kita menghadapi di dalam dan dari luar negeri, bahkan menjadi satu dokumen yang turut menyatakan sikap timbangrasa Barisan Nasional terhadap golongan-golongan yang kurang berada sampailah kepada pemeliharaan alam sekitar. Maka siapa yang mengambil berat mengenai alam sekitar ini sudah menjadi satu kenyataan yang ler-pampang.

Sukacita saya berterus terang di sini bahawa golongan-golongan yang membising berkaitan dengan alam sekitar, seperti Greens dan Earth First, lebih baiklah memperjuangkan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar di negara mereka sendiri. Dengan izin, they should make sure their countries have enough greens and begin their campaigns at their home first and do not worry about how we manage our God-given tropical forests. We know what we are doing. They don't!

Sikap apa ini yang mahu menjaga tepi kain orang? Zaman White Rajas sudah lama luput dari lembaran sejarah. Apa itupun mereka belum menyedari Tuan Yang di-Pertua? Apa mereka tidak mengetahui betapa rapat penghidupan kita dengan alam semulajadi? Dengan izin, kita adalah "Nature"s Gentlemen".

Pada kita bumi Tuhan adalah ibu pertiwi, sama seperti ibu kandung yang melahirkan kita dan melindungi lagi memelihara kita. Merekalah yang mengganas bumi dan kemanusiaan. Maka itulah yang saya sifatkan mereka sebagai cencaru makan petang. Sudah sekian lama kita menjaga dan menjunjung alam semulajadi dan alam sekitar, tiba-tiba orang-orang Greens dan Earth First muncul hendak memperjuangkan kepentingan pertiwi! Lain orang makan angka, lain orang pula yang mahu mereka kenakan getahnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuka cerita serba sedikit berkaitan kawasan saya yang menagih perhatian Dewan yang mulia ini, yang justeru dicerobohi gerombolan-gerombolan lain, bukan Greens dan Earth First, tetapi yang lain pula.

Kawasan Parlimen Bukit Mas barangkali unik di segi penempatan atau lokasinya kerana terletak di antara dua negeri, iaitu Kesultanan Brunei Darussalam dan Daerah Temburongnya pada bahagian Barat dan bahagian tengah sedangkan pada Timur Laut pula adalah Sabah.

Oleh yang demikian, saban tahun Bukit Mas sulit dengan masalah-masalah sempadannya itu dan saban tahun, kami di sana mengharapkan perhatian Dewan yang mulia ini dan Kerajaan yang bertanggungjawab ini.

### **Sempadan Sarawak dan Sabah**

Tuan Yang di-Pertua, sempadan Sarawak dan Sabah di Merapok/Sindumin kurang dikawal secara yang sewajarnya dan kerana tidak terdapat kawalan yang ketat untuk mengawal kemasukan imigran daripada Sabah ke Sarawak, maka kerap berlaku kemasukan imigran tanpa pas dan kini mereka bekerja pada beberapa buah syarikat-syarikat balak di Lawas.

Mereka bukan sahaja merebut peluang-peluang pekerjaan daripada rakyat tempatan, malahan mencetuskan berbagai-bagai masalah sosial, khusus akibat kegagalan mereka untuk menyesuaikan diri dengan adat resam tempatan sehingga selalu menjadi pergaduhan yang melibatkan imigran-imigran ini dengan rakyat tempatan dan pada kawasan pedalaman yang sukar diawasi pihak-pihak keselamatan dan pihak-pihak berwajib, gadis-gadis tempatan menjadi sasaran mereka sehingga sudah ketara masalah moral yang kurang disenangi rakyat di kampung-kampung itu.

Kawasan saya ini merupakan jiran tetangga Sabah dan kami di Bukit Mas sungguh khuatir jangan-jangan kami turut menghadapi masalah-masalah yang didatangi imigran seperti yang berlaku di Sabah.

Maka saya memohon Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan-tindakan dengan seberapa segera untuk mengawasi dan membendung masalah imigran ini serta mengusir mereka yang tidak mempunyai permit-permit kerja yang sah.

Berhubung dengan masalah ini, saya mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan yang telah mengenakan bayaran ke atas pekerja-pekerja asing dan saya harap langkahnya itu akan dilaksanakan dengan sempurna. Di samping itu, saya juga ingin menyarankan supaya Kementerian Dalam Negeri mengadakan peraturan-peraturan yang lebih ketat di sempadan Merapok/Sindumin dengan membekalkan sedikit wang untuk membina sebuah Kompleks Pejabat Imigresen pada sempadan di bandar Merapok.

Itu sahaja jalan untuk mengawasi kemasukan imigran-imigran haram dari Sabah ke Sarawak. Kerajaan juga harus membina kawat pada sempadannya agar kita dapat mengawasinya secara yang berkesan kalau berlaku keadaan-keadaan yang mencemaskan keselamatan.

### **Sempadan Sarawak dan Brunei**

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kompleks Pejabat Imigresen juga perlu dibina pada sempadan Sarawak dan Brunei, iaitu di Trusan/Temburong yang sehingga kini tidak mempunyai sebarang pejabat Imigresen untuk mengawasi kemasukan pelancong-pelancong dari Brunei ke Sarawak, khusus dari Daerah Temburong di Brunei ke Daerah Trusan di Sarawak. Kawalan keselamatan pada kawasannya terlalu longgar dan ini barang mungkin menjadi berbahaya pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, sukacita sekiranya Kementerian Dalam Negeri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini apakah ia sudah bercadang menguruskan pengawalan pada sempadan Sarawak/Brunei ini dan, jika lidak, saya mencadangkan supaya ia mempertimbangkan dengan sepaling wajar yang mungkin untuk menubuhkan Kompleks Pejabat Imigresen di sana. Sementara itu, sebagai Ahli Parlimen kawasan Bukit Mas, saya menghulurkan pelawaan kepada pegawai-pegawai Kementerian yang berkenaan untuk datang ke sempadan ini dan meninjau kedudukan keselamatan padanya demi kepentingan keamanan dan keselamatan rakyat di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kompleks Imigresen telah ataupun sedang didirikan pada sempadan Limbang/Brunei, iaitu di Tendungan dan untuknya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Langkah itu ketara, langkah yang bijak dan hasilnya pula jumlah pelancong yang datang dari Brunei ke Sarawak pada hari minggu telah bertambah.

Sehubungan keperihalan ini, saya ingin menegaskan satu masalah khas yang dihadapi oleh para pedagang di antara Limbang dan Miri, iaitu berkaitan dengan pengangkutan barang-barangan melalui jalan darat yang terpaksa melalui Brunei Darussalam.

Sebelum ini, barang-barangan dibawa melalui laut di antara Limbang dan Miri dan aturcaranya mudah sekali. Kini, setelah terdapat jalanraya, memang lebih murah untuk membawa barang-barangan di antara Limbang dan Miri melalui jalan darat dengan melintas negara Brunei Darussalam. Walaupun barang-barangan dagangan ini bukan untuk eksport, malangnya tidak terdapat sebarang dokumen yang sesuai untuk membuktikannya dan akibat masalahnya, sebilangan pedagang masih ragu-ragu untuk menggunakan jalan darat itu.

Maka saya menyarankan agar Kementerian yang berkenaan memberi perhatian yang segera kepada masalah ini dan menghubungi Pengarah Kastam Sarawak untuk mengatasi masalahnya. Saya yakin dan percaya lebih ramai pedagang-pedagang akan menggunakan jalan darat ini bila sahaja masalahnya diatasi.

### **Masalah-masalah Nelayan di Kawasan Bukit Mas**

Bukan tujuan saya untuk membenteng satu demi satu masalah kawasan saya di Dewan yang mulia ini. Namun, Tuan Yang di-Pertua, apakah daya saya melalaikan masalah-masalah rakyat Bukit Mas yang kebetulan masih dihindangi berbagai-bagai masalah. Maklumlah kami ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kita baru mencapai pengayuh, orang sudah sampai ke seberang.

Inilah masalah-masalah nelayan Bukit Mas pula, khusus di Limbang, Kampung Limpaku Pinang, Lawas, Awat-Awat, Sundar, Kuala Lawas dan Punang, iaitu kampung-kampung nelayan yang pasti tidak diketahui oleh anggota-anggota Greens dan Earth First yang mahu mengajar kita bagaimana melindungi hutang tropika ibu pertiwi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana daerah Limbang/Lawas sebegitu hampir dengan nagara Brunei Darussalam, nelayan-nelayan kita ini sentiasa menghadapi gangguan pihak Jabatan Marin Brunei bila sahaja mereka menangkap ikan di Teluk Brunei. Dan gangguan-gangguan ini menyulitkan jadual nelayan-nelayan kita itu sehingga berkesan buruk pada pendapatan mereka.

Jika langkah-langkah yang wajar tidak dilakukan untuk membantu nelayan-nelayan ini, saya sungguh khawatir kedudukannya nanti benar-benar menjadi segan berdayung, perahu hanyut. Tambahan masalah yang mereka

hadapi ini dibebankan pula dengan kawasan perikanan yang terhad. Sudahlah masalah dari Jabatan Marin Brunei mendatang dari satu penjuru, dari penjuru lain datang pula sekatan-sekatan dari Jabatan Marin Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. Bukankah itu tidak munasabah?

Kerana Labuan dan Sabah adalah sebahagian Malaysia, tentulah lebih munasabah sekiranya nelayan-nelayan yang mencari makan di antara Lawas/Labuan atau Lawas/Sipitang tidak diganggu oleh Jabatan-Jabatan Marin dari negeri Labuan dan Sabah. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan agar Kementerian yang berkenaan menyampaikan masalah-masalah ini kepada Kerajaan negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan lain-lain yang sehubungan, harus memberi perhatian kepada Bukit Mas untuk membantu memperolehi alternatif-alternatif bagi kebijakan nelayan-nelayan ini. Saya turut mencadangkan supaya Perikanan Lautan Dalam diperkenalkan kepada nelayan-nelayan ini dengan bantuan pihak-pihak yang berkenaan agar kedudukan ekonomi dan taraf hidup mereka dapat dipertingkatkan.

Kawasan lautan di Teluk Brunei kebetulan merupakan kawasan yang indah permai dan saya percaya alam semula jadinya sesuai sungguh untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan.

### **Pusat Latihan Belia di Ranggau Limbang**

Tuan Yang di-Pertua, apalah salahnya kalau saya merenungkan kembali pada ucapan saya di Dewan yang mulia ini setahun yang lalu, iaitu pada perbahasan Belanjawan yang lalu ketika mana saya telah memohon untuk sebatang jalan

sepanjang 7 kilometer dibina dari pekan Limbang sampai ke pantai di Ranggau pada Teluk Brunei. Harapan saya masih kukuh bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi peruntukan yang wajar bagi pembinaan jalan raya ini. Sebabnya ialah cita-cita saya untuk memperlihatkan sebuah pusat latihan belia dibina di Ranggau, iaitu sebagai pusat latihan belia di tepi laut yang barang berguna untuk belia-belia dari kawasan utara Sarawak dan mungkin juga dari Labuan dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (International Offshore Financial Centre) adalah satu lagi pembayang kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Langkahnya itu merupakan langkah yang sangat bijak. Namun begitu, kita tidak harus mengalpakan bahawa pembangunan adalah bagai gergaji dua mata dan peningkatan kemajuan lazimnya diiringi masalah-masalah sosial. Tidak syak kemajuan yang akan dinikmati di Labuan akan meniris kepada kawasan saya dan kita harus menyediakan payung sebelum hujan menimpa. Apakah kiranya Kementerian Belia dan Sukan melayan cadangan saya untuk sebuah pusat latihan belia dibina di Ranggau demi kepentingan para remaja, khususnya lepasan Tingkatan III dan Tingkatan V, yang sebilangannya kelihatan semakin hari semakin terdorong ke arah budaya buruk seperti menghidu 'glue' dan meminum ubat batuk untuk melayan nafsu. Masalah ini perlu dicegah sebelum ia merebak dengan lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan sepanjang 7 kilometer yang dicadangkan ini mempunyai satu lagi hikmat. Siapa sahaja yang pernah ke Ranggau dan menikmati keindahan alamnya pasti akan menyetujui cuma sebatang jalan itu yang diperlukan untuk membentangkan Ranggau sebagai sebuah pusat peranginan yang berdaya

menarik pelancong dari Brunei dan Labuan. Dia bukan impian, Tuan Yang di-Pertua. Masa hadapan yang cerah itu, justeru saya dapat melihat sekarang. Saya nampak ianya sebagai pusat peranginan dan pelancongan. Yang perlu hanyalah tindakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar disertai tindakan Kementerian Belia dan Sukan untuk membuka kawasannya sejajar dengan Dasar Masyarakat Penyayang dan Malaysia Cergas dengan generasi yang sihat dan makmur.

### **Pelancongan Taman Negara Mulu**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah memohon supaya Singapore Airlines (SIA) mengadakan hubungan penerbangan terus ke Kuching. Itu juga satu langkah yang amat baik dan terima kasih turut diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lelah memberi dorongan dan kerjasama ke arah langkah yang meningkatkan kemajuan Sarawak sebagai destinasi pelancong. Inilah satu lagi bukti kecantikan musyawarah dan muafakat Kerajaan Barisan Nasional dan yang seharusnya dipertimbangkan dengan seberapa dayanya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri seperti Sabah dan Kelantan. Mengenangkan keindahan alam Sarawak adalah seperti membayar nafas ke dalam Venus de Milo.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sekali penglihatan tertumpas kepada bumi kenyalang tidak mungkin manusianya terpelihara dari cinta yang sejati dan abadi. Apatah lagi Sarawak bagaikan gadis jelita yang menunggu dilamun, dengan hutan tropikanya yang nyaman dan berkesepian. Gua-guanya Niah dan Mulu yang menyergam, menggerun dan bermisteri, sekayu-kayunya yang mencabar mereka yang berani menyahut panggilan untuk menduga kehandalan berdayung. Air terjun yang menghembuskan debu-debu

air ke udara untuk menciumi pipi penghuni rumah-rumah panjang, budaya-budaya yang warna-warni. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua sendiri juga kepingin untuk berada di Sarawak kini. Alangkah indahnya Sarawak! Negeri saya itulah yang sebenarnya dicari-cari sebagai destinasi pelancong yang senang dengan pengembaraan.

Sehubungan dengan itu dan setelah keindahan Sarawak ini sudah semakin dikelahui ramai, apalah kiranya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memperuntukkan dana yang mencukupi melalui Kerajaan Negeri untuk memajukan beberapa kawasan larian pelancong di Negeri Sarawak. Saya juga menyaran supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga memberi peruntukan untuk tahun 1992 untuk memajukan kemudahan-kemudahan yang tersebut ini di Taman Negara Mulu iaitu:

- (1) Pembinaan sebatang jalan raya dari Nanga Medamit di Bukit Mas di Nanga Tarikan untuk memudahkan para pelancong sampai ke Taman Negara Mulu melalui Limbang;
- (2) Pembinaan sebuah kem yang sesuai untuk penginapan para pelancong yang ingin bermalam di sana. Yang terdapat kini cuma sebuah pondok yang boleh menempatkan antara 10 dan 12 orang.
- (3) Peningkatan kemudahan-kemudahan di Kem 5 di Taman Negara Mulu dengan membina rumah-rumah tambahan yang mempunyai kemudahan-kemudahan penajisan (sanitation) yang wajar. Yang terdapat pada masa kini cuma sebuah pondok yang boleh menampung antara 20 sehingga 25 orang; dan
- (4) Penubuhan sebuah klinik perubatan di Kem Induk Mulu iaitu base camp untuk melayan kes-kes kecemasan. Klinik Desa yang paling dekat di masa ini terletak

di Long Panai yang memakan masa tiga jam untuk dihubungi melalui perahu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan saya baru sahaja membawa 50 orang yang termasuk pegawai-pegawai kanan Kerajaan dari daerah Limbang ke Taman Negara Mulu iaitu pada bulan Julai dan yang kami mengalami di sana hampir-hampir menjadi huru-hara kerana kemudahan-kemudahan yang terhad itu tiba-tiba perlu digunakan bersama-sama lain kumpulan yang berjumlah 125 orang.

Alam sekitar dan suasana di Taman Negara Mulu adalah yang ditagih rindu insan. Ia indah nyaman, bagai syurga dikumpulkan dalam pelukan pengasih. Dan sudah pastilah saya ingin menjemput sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Tuan Yang di-Pertua sendiri supaya berlega dan bersenang di sana bila sahaja masa lapang. Akan tetapi, kemudahan-kemudahan yang terlalu terhad dan teramat ringkas itu mengganggu belaian mesra saya. Walaupun jumlah pelancong yang ke sana masih kecil, kemudahan-kemudahan yang tersedia sudahpun melampaui kemampuan untuk menampung keperluan mereka.

Untuk perhatian Kementerian yang berkenaan, pada tahun 1989, 3,287 orang telah melawat Taman Negara Mulu. Jumlahnya meningkat kepada 4,271 orang pada tahun 1990 dan bagi separuh tahun yang awal 1991, iaitu dari Januari sampai ke Jun, jumlah bertambah sehingga 8,644 orang, yang terbahagi kepada 4,317 orang pelancong asing dan 4,327 orang pelancong tempatan.

Bayangkan apa yang akan terjadi pada tahun depan sekiranya kemudahan-kemudahan pada Taman Negara Mulu tidak dilambatkan. Jamin huru-hara! Kerana itulah saya segan menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat ke sana buat sementara waktu, tambahan pula bila dikenangkan kita menuruti dasar Kepimpinan Melalui Teladan.

Politik Sarawak sedikit hebat, Tuan Yang di-Pertua. Seandainya saya mengakhiri ucapan saya pada perbahasan Belanjawan ini tanpa menyentuh serba-sedikit mengenai politik negeri Sarawak, ia tentulah seperti bernasi tanpa berulam. Sebuah rekod telah tercipta pada masa 28hb September, 1991, ketika Barisan Nasional 3 diaungerahkan kemenangannya yang melazat pada pilihanraya negeri, Kemenangan yang dikecapi itu bertambah sedap bila dinyatakan ia merupakan kemenangan Politik Pembangunan ke atas Politik Ekstrimis dan Perkauman. Ia turut menjadi kemenangan Politik Musyawarah dan Muafakat ke atas Politik Konfrantasi. Tidak syak sama sekali bahawa Sarawak telah menyerahkan mandat yang mantap pada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang kami kasihi, untuk memimpin Sarawak buat lima tahun yang menyusul. Tidak kelihatan sebarang keraguan terhadap daya dan keutuhan kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** (*Bangun*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong pula, bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kedua-duabangun. Ya.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas. Saya amat tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat mengenai sedikit sebanyak politik Sarawak. Dalam ucapan tadi, siapakah yang dikatakan ekstrimis dan yang

mengamalkan perkauman itu. Sckian, terima kasih.

**Tuan Michael Lisa Kaya:**Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah ucapan daripada Ahli Yang Bcrhormat Barisan Nasional selalunya amat menarik dan yang kedua, soalan Yang Berhormat tadi, siapakah golongan yang selalu melaung-laungkan politik ekstrimis itu, terus-terang saya cakap di sini iaitu selain daripada Democratic Action Party (DAP) yang sudah lemas di Sarawak, memang PBDSlah (Parti Bansa Dayak Sarawak).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat diingatkan, ada dua minit lagi.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Rakyat Sarawak sudah berterus-terang mengenai sikapnya terhadap DAP yang lelah ditewaskan sampai tidak berbekas, bagai dipancung tanpa dibelai ampun oleh rakyat dan roketnya diledakkan sehingga menjadi debu.

Mengenai Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), ia bukan sahaja gagal beroleh semula 15 kerusi yang olehnya ditawan pada tahun 1987, malahan kini sudah menjadi tempang, bagai beruang yang cedera parah, setelah Setiausaha Agung dan salah satu pemimpin tertinggi parti perkauman itu terlentang di tumpaskan undi rakyat.

Kini, setelah terbukti sikap rakyat terhadap parti perkauman yang menenlang arus ini, maka kita sama-sama perlu bertanya, apakah' ia boleh dibiarkan meletakkan kaki kirinya ke dalam Barisan Nasional, sedang kaki kanannya menentang kita dari belakang? Inilah sikap yang sepaling klasik yang dikatakan "Bunga disunting, perlu ditendang'.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya juga menyaran kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya meneruskan

hasrat beliau yang telah disampaikan waktu melawat Sarawak dan berucap di Bandar Limbang musim pilihanraya Negeri pada bulan September tahun ini. Yang Amat Berhormat telah berjanji bahawa beliau akan membawa ke mesyuarat Bahsan Nasional Pusat dan mengkaji semula kedudukan Parti yang berada di Barisan Nasional pada peringkat Pusat dan menjadi pembangkang di peringkat Kerajaan Negeri. Oleh kerana saya sendiri ada di masa Yang Amat Berhormat berucap, saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dapat meneruskan hasrat yang wajar ini demi menjaga perpaduan di kalangan rakyat di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Nilam Puri.

4.26 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan yang kita kasihi, as-sheikh Anwar Ibrahim, insan katnil.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, setelah 9 tahun menyertai UMNO, maka beliau sekarang telah sampai ke tahap yang agak tinggi dalam hierarchy untuk menjadi Perdana Menteri. Menteri Kewangan kita adalah seorang yang agak istimewa kerana selepas 6 bulan menyertai UMNO telah diangkat menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kemudian selepas itu, dalam masa yang singkat menjadi Menteri Belia dan Sukan. di mana di Kementerian ini dapatlah beliau mendekati golongan belia dan mengetahui kerenah, perangai dan kehendak belia. Kemudian, tidak berapa lama lagi beliau dipindahkan pula ke Kementerian Pertanian, di mana di Kementerian ini dapatlah Yang Berhormat dari Permatang Pauh itu mendekati para petani dan menyyclami hidup para

nelayan dan mengetahui kehidupan orang kampung secara lebih dekat. Tidak berapa lama pula dia pindah ke Kementerian Pelajaran di mana di sini beliau agak menjadi juara, beberapa pindaan dibuat dan Universiti Islam Antarabangsa tertubuh di mana beliau menjadi Presidennya. Selepas itu untuk melengkapkan lagi pengetahuan orang yang kita kasihi ini, dia dilantik pula menjadi Menteri Kewangan dan sekarang dapat mempersembahkan Belanjawan untuk tahun 1992. Dengan berbagai pengalaman di beberapa Kementerian ini, saya agak hampir tepatlah bisikan-bisikan yang diberi kepada kawan-kawan sebelum menyertai UMNO bahawa beliau dapat menjadi Perdana Menteri dalam masa 9 tahun selepas menyertai UMNO.

Sekarang telahpun 9 tahun, sudah tentulah bisikan-bisikan itu barangkali hampir menjadi kenyataan dan oleh kerana barangkali hendak membuktikan 9 tahun menyertai UMNO untuk menjadi Perdana Menteri, maka beliau akan menunjukkan kalibernya yang lebih baik untuk membuktikan bahawa janganlah lebih 10 tahun, kalau tidak 9 tahun pun untuk menjadi Perdana Menteri. Bisikan-bisikan itu sudah tentulah mereka yang tidak rapat dengan beliau tidak dengar, tetapi kami yang lebih rapat dengan beliau. Seperti dalam Perhimpunan Agung UMNO, bekas Naib Yang Dipertua PAS, Ustaz Nakhaie Haji Ahmad memberitahu bahawa beliau menyertai PAS dahulu kerana disuruh oleh Presiden ABIM di waktu itu. Saya juga tidak terkecuali di antara orang yang menggalakkan untuk menyertai PAS pada waktu itu ialah Presiden ABIM. Kita harap serampang dua mata yang dipasangkan itu akan mencapai hasil, iaitu untuk menjadi Perdana Menteri dalam masa yang singkat - insya Allah. Itulah mukadimah terhadap Menteri Kewangan yang kita kasihi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, dalam Belanjawan itu, beliau mengemukakan di antaranya

untuk melahirkan masyarakat berilmu dan masyarakat berakhlak. Kita tahu bahawa dari sudut sejarah politik, sama ada sejarah negara, kita kena akui sudut sejarah, walaupun kita tidak sukai kepada seseorang itu, kami dari awal mengakui bahawa Perdana Menteri pertama adalah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Soal katni suka atau tidak suka kepada dia, dia adalah Perdana Menteri. Begitu juga Perdana Menteri yang kedua adalah Tun Abdul Razak dan yang ketiga Tun Hussain Onn dan yang keempat sekarang Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed.

Soal suka atau tidak suka, soal lain, tetapi Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed adalah Perdana Menteri. Itulah ungkapan kita yang cuba menghayati masyarakat berilmu.

Be-gitu juga soal hiraki dalam Kabinet, kita kena akui bahawa Menteri Kewangan yang dahulunya sebelum Tun Daim Zainuddin ialah Tengku Razaleigh Hamzah dan selepas itu Tun Daim Zainuddin dan sekarang as-Sheikh Anwar Ibrahim.

Kita tidak boleh dalam sesuatu kupasan kita, kita memuji Menteri Kewangan sebelum kita, kita menghentam, kita belash Menteri Kewangan sebelum Tun Daim Zainuddin, seolah-olah Ahli Parlimen Gua Musang itu tidak pernah menjadi Menteri Kewangan. Andainya ada kepincangan yang dilakukan di zaman Menteri Kewangan iaitu Ahli Parlimen dari Gua Musang, sudah tentulah semua Menteri Kabinet dan Perdana Menteri turut bertanggungjawab kerana Kabinet Malaysia menjalankan kerja mereka dalam bentuk collective responsibility. Tetapi kita lihat sama ada dalam Dewan ini atau dalam Perhimpunan Agung UMNO, Ahli Parlimen Gua Musang dibelash begilu dahsyat.

Kita pelik, kenapakah kita membalash orang yang tidak berkuasa? Bagi kami dari PAS, kalau kami tentang, kalau nak gentleman, kami tentang mereka

yang berkuasa. Kalau setakat teusng Tok Penghulu, kita bukanlah seorang hero. Kita menentang orang pencen seumpama Tengku Razaleigh Hamzah, apalah ertinya? Sepatutnya kita mengkritik orang yang sedang membuat dasar, orang yang sedang menjalankan kerjanya sekarang. Sebab menurut Islam, orang yang paling berani menentang kemungkaran ialah mereka yang berani menyatakan kebenaran di hadapan raja yang zalim, bukan di hadapan orang pencen yang dikatakan zalim.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kok Lanas bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Nilam Puri, semenjak bekas Menteri Kewangan dahulu, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Ahli Parlimen dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan dan sehingga sekarang bermati-matian pemimpin-pemimpin sekarang menghentam beliau. Adakah setakat ini telah terbukti apa-apa kesalahan jenayah yang dilakukan oleh bekas Menteri Kewangan itu? Itu saya hendak tanya Ahli Parlimen Nilam Puri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya pun dahulunya orang yang menentang bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah. Tetapi sampai setakat ini kita tidak melihat tuntutan-tuntutan kita supaya sesuatu kes yang dituduh itu dibawa ke mahkamah ataupun dibuat Suruhanjaya Diraja, itu tidak dilakukan sehingga hari ini seperti kes BMF dan sebagainya. Tuduhan hanya bertaraf tuduhan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang ini, kami di Kelantan sebagai sebuah Kerajaan Pembangkang, tetapi kami akui bahawa kami berada di dalam

Persekutuan Malaysia, berada di bawah Perdana Menteri yang kita kasihi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, negeri yang penduduknya 1.3 juta sekarang ini dan 95% berbangsa Melayu dan beragama Islam, maka kalau kita hendak mencapai sesuatu dasar untuk faedah bumiputera, kalau Kelantan diketepikan, maka dasar itu akan menjadi kosong semata-mata. Sebab di situlah penduduk bumiputera yang padat, di situlah ahli-ahli perniagaan dan mereka yang rajin berusaha untuk mencapai cita-cita yang dikehendaki oleh pemerintah.

Bagi kita, kita boleh berpolitik, kita boleh menghentam satu sama lain. Misalnya dalam Perhimpunan Agung UMNO, yang mereka hantam ialah Kerajaan Negeri Kelantan, Bar Council dan juga Raja-raja. Tak apalah, mungkin itu kita berpolitik, kita boleh mengkritik-menghentam, tetapi hati sanubari kita mesti bercakap.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Nilam Puri sebab sebentar tadi saya dengar dia kata dalam Perhimpunan Agung UMNO kita menghentam Raja-raja. Jadi, apa beza di antara memberi pandangan secara terang dengan menghentam?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih. Memberi pandanganlah. Memberi pandangan terhadap Kerajaan Kelantan, memberi pandangan terhadap Bar Council, memberi pandangan terhadap penglibatan Raja-raja. Saya, bukan saya kata saya setuju atau tidak setuju. Boleh kita bincang, boleh kita menghentam antara satu sama lain, tetapi

hati sanubari kita mesti bercakap. Apakah kita, dalam kita menjalankan kerja-kerja kita kita bercakap melalui suara kita yang zahir ini ataupun melalui hati sanubari kita? Misalnya....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri bangun lagi.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya hendak minta penjelasan sedikit lagi. Yang Berhormat Nilam Puri kata tadi apabila kita memberi pandangan ataupun mengkritik, sama ada mengikut hati kita ataupun tidak, mana dia tahu apa yang ada dalam hati kita?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hati itu diterjemahkan melalui tindakan. Jadi, tindakan itulah yang melambangkan daripada suara hati.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam tindakan kepada negeri Kelantan, yang paling sedih sekarang ini musim lengkujuh. Di negeri Pantai Timur selalunya bulan Disember/Januari akan ditimpa banjir. Perkara yang tak sepatutnya dilakukan, misalnya selepas sahaja kemenangan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan, Barisan Nasional tewas, tergamak mereka memindahkan kapal korek yang bekerja siang dan malam untuk menjaga muara Sungai Kelantan dan muara Sungai Golok. Dan sekarang ini kapal korek itu dipindahkan ke Johor, sedangkan kapal korek itu digunakan di antaranya untuk mengatasi banjir. Sekarang kapal korek itu ttdak ada, katanya hendak diperbaiki, tetapi sudah sampai setahun tak dihantar. Andainya hujan lebat berlaku di negeri Kelantan, di Hulu Kelantan dan sebagainya, maka tebing-tebing di muara Sungai Kelantan itu ditimbusi pasir, air tidak dapat berjalan dengan baik, maka banjir besar akan berlaku di negeri Kelantan dan yang akan tenggelam nanti termasuklah Ahli PAS, 46, UMNO (Baru), kucing, kerbau,

lembu, itik dan sebagainya. Sebab itulah dalam kita berpolitik, sama ada Pembangkang ataupun Kerajaan, kita bolehlah sekadar mana yang kita fikir tidak menyiksa manusia, sebab bagi saya ianya terlalu zalim bila kapal korek yang mengorek muara ini juga dilarikan. ini, . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya ingin minta penjelasan, mungkin kapal korek yang dimaksudkan itu diperlukan segera di Johor, itulah sebabnya dihamar ke Johor. Soalannya, apakah Kerajaan Kelantan tidak boleh membeli kapal-kapal korek tersebut?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kami tak ada duit. Sebab cukai kami semua diambil oleh Kerajaan Pusat. (*Tepuk*) Jadi....

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain (Tasik Chenderoh):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tasek Chenderoh bangun.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Boleh.

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain:** Saya hendak minta penjelasan sedikit, sama ada betul atau tidak, pendapatan revenue Kerajaan Negeri Kelantan tebih kurang \$60 juta, bayar gaji setahun hampir \$40 juta, dan di dalam Budget yang lalu \$15 juta diperuntukkan kepada Yayasan Islam, tinggal lebih kurang \$5 juta sahaja untuk pembangunan. Adakah ini benar?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak benar, sebab pembangunan di samping yang sedikit itu, Kerajaan Pusat pun beri. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Keenam sudah diluluskan lebih \$2

ribu juta. Tetapi kapal korek yang ditarik ini tak bolehlah. Jadi, walaupun dihantar ke Johor, sepatutnya Kerajaan Pusat hendaklah mengganti sebab perkara ini perkara kemanusiaan dan kita bimbang. . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun pula.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini last saya beri jalan, sebab banyak lagi ucapan saya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya merasa simpati dengan sahabat saya dari Nilam Puri. Saya cuma hendak bertanya, kalau tak ada duit, sewaktu pilihanraya dahulu berjanji hendak beri orang-orang tua \$100.00, road-tax free dan sebagainya. Macam mana ini, janji pilihanraya dengan keadaan sebenarnya tak betul?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Itu betul, kalau kami memerimah di peringkat Pusal. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara-perkara ini jikalau ianya diketahui di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu, sekali lagi Malaysia akan dikecam di peringkat sidang antarabangsa dan resolusi-resolusi akan dikeluarkan terhadap Malaysia yang mana mereka tidak memenuhi kehendak human rights dari segi pembangunan mereka kepada masyarakat.

Begitu juga soal baja, Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa mengeluarkan \$3.9 juta, kita jual \$3 sekampit, akhirnya dapatlah pulangan hasil lebih kurang tidak sampai pun \$1 juta tetapi manakah peruntukan \$10 juta yang diluluskan oleh kita pada tahun yang lalu tidak diberi kepada Kelantan. Saya harap baja itu dihantarlah ke negeri lain untuk dibuat tangga naik ke atas rumah.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini sekali lagi, masalah petani, masalah nelayan ini masalah human rights, masalah kita bersama janganlah dikira PAS, UMNO, sebab para petani ini, orang-orang miskin ini, mereka berhak mendapat. Kita bimbang, kita menganiayai orang-orang miskin ini, mereka berdoa kepada Allah s.w.t. untuk diturunkan bala, bila bala Allah s.w.t. turunkan, dia tidak kira kena kepada sesiapa, PAS, UMNO, Scmangat 46, HAMIM, DAP semuanya kena. Kemudian kita juga mendengar iaitu Joint Development Authority yang dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk mencari gali minyak, kenapakah ibu pejabatnya tidak dibina di Kota Bharu sebaliknya mereka memilih Songkla sebagai pusat pembinaan mereka. Kalau dibina di Kota Bharu, paling kurang rakyat Negeri Kelantan dapat menikmati segala kemudahan kerja dan sebagainya tetapi nampaknya, kera dihutan disusukan, rakyat tempatan disamsukan.

Kemudian kita kena lihat pula bahawa perkembangan ekonomi yang akan berlaku di negara Kampuchea dan Vietnam di mana negeri ini telahpun dan akan menjadi aman dengan perubahan-perubahan politik yang berlaku di Kampuchea dan di vietnam. Sudah tentulah daerah ini akan maju pada masa yang akan datang. Negeri yang terdekat dengan Vietnam dan Kampuchea ialah Negeri Kelantan dan Terengganu. Kita harapkan supaya Kerajaan dapat memikirkan supaya pelabuhan-pelabuhan dapat dibina di Kelantan untuk aktifkan ekonomi yang akan berlaku pada masa yang akan datang, perkembangan di Vietnam dan Kampuchea.

Seterusnya grant kepada Kerajaan Negeri Kelantan, kita mengucapkan lahniah kepada Pak Sheikh kita yang menjanjikan untuk dikaji semula, mengikut grant penduduk. Saya mencadangkan supaya jumlah penduduk ataupun grant kepada jumlah penduduk ini dikaji semula kerana kalau diberi

mengikut penduduk, negeri yang ketinggalan akan seterusnya ketinggalan. Negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu akan terus ketinggalan kalau diberi peruntukan mengikut jumlah penduduk. Oleh itu ia hendaklah dikaji untuk diberi mengikut taraf sosio ekonomi, bukan mengikut taraf penduduk.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Ahli Parlimen dari Nilam Puri, berapa sebenarnya Kerajaan Kelantan hendak, sebab kita hendak timbangkan sekarang. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Baru masuk beberapa hari sahaja, nanti jadi Menteri dahulu. (*Ketawa*)

Jadi, kita harap supaya diberi pertimbangan mengikut taraf sosio ekonomi, bukan mengikut taraf bilangan penduduk, sebab kalau ikut bilangan penduduk, negeri yang kaya akan bertambah kaya seperti Negeri Selangor, Johor, Perak, Pulau Pinang, penduduknya ramai, negerinya kaya, kalau grant Kerajaan Pusat diberi mengikut bilangan penduduk, maka negeri-negeri ini akan dapat banyak maka mereka akan bertambah maju.

Perkara selernya, ialah siaran radio daripada Thailand yang ibu pejabat pemancarnya terletak dekat dengan sempadan Negeri Kelantan. Kenapa pihak RTM gagal membantah siaran radio ini sedangkan sekarang ini Kerajaan Thailand telah melanggar perjanjian antarabangsa berkenaan dengan siaran penerangan. Mereka memancarkan siaran televisyen mereka sehinggalah boleh sampai hingga ke Besut. Kerajaan Malaysia boleh berbuat demikian jikalau mereka memindahkan stesyen TV mereka ke Rantau Panjang,

boleh kita pancarkan ke selatan Thai. Tetapi kita yakin perbuatan Kerajaan Thai memancarkan siaran televisyen, siaran radio mcrccka ke negeri kita tidak lain kerana mereka bimbang masalah umat Islam di selatan Thai kerana penduduk-penduduk di sini, mereka lbih minat mendengar rancangan-rancangan agama yang dikelolakan oleh RTM. Kita harap pihak RTM dapat membantah dengan keras supaya pencerobohan hak penyiaran ini dapat dipatuhi oleh Kerajaan Thai dan Kerajaan Malaysia hendaklah bertegas dalam dasar-dasar luarnya.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua memberi masa kepada saya injury time.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu tidak boleh, sebenarnya Yang Berhormat ada masa lima minit lagi. Teruskan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Boleh, insya Allah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali;**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Nilum Puri, macam mana sikap Kerajaan Negeri Kelantan bila Siam menceroboh Kelantan membuat per-tunjukan fesyen dan dedah aurat baru-baru ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ia telah dijawab sudah, kami membantah keadaan ini kepada pihak Wisma Putra tetapi Wisma Putra ini agak lambat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soal Kementerian Dalam Negeri iaitu satu kes yang dituduh menimpa atau yang sedang menimpa kepada seorang wanita dan suaminya Mary Anne Arokiadas yang nama Islamnya Siti Khadijah Mary Anne binti

Abdullah dan Kanapiran a/l Ramadasy ataupun Mohamad Amin Kanapiran bin Abdullah.

Saya mendapat fail yang tebal, bagaimana Mary Anne buat aduan kepada pihak Polis dan sampai sekarang tindakan-tindakan masih lagi ditahap yang minimum. Mary Anne yang anaknya berjumlah lapan orang, kalau dilihat rupa anaknya ini berbagai-bagai rupa. Ada muka Melayu, ada muka Benggali, ada muka India. Dan beliau memberitahu bahawa....

**Seorang Ahli:** Muka Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Muka Timbalan Menteri tidak ada.

Dia telah dilacurkan selama lapan tahun lebih dan beliau mendiami di berek Balai Polis Selama. Soalnya, tuduhan yang begini berat yang dikenakan kepada pihak Polis, kenapa pihak Kementerian Dalam Negeri tidak bertindak. Kalau ianya fitnah, hendaklah bersihkan imej Polis itu, sebab tuduhan-tuduhan kalau dibacakan semuanya adalah terlalu berat. 10 criminal charges yang beliau dakwa tetapi sampai sekarang pihak Polis tidak mengambil tindakan dan Suruhanjaya Penyiasat ataupun apa-apa badan untuk menyiasat hal itu tidak berlaku. Lapan tahun beliau dilacur sama ada di Rumah Rehat, di kedai-kedai kopi di Lunas dan sebagainya. Video lucahnya dijual merata tempat, walaupun saya tidak tengok tetapi saya dibentahu oleh orang yang tengok, yang dia pasti Mary Anne Arokiadas, tetapi bukan daripada Pasir Mas (Ketawa).

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali;**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat);** Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, walaupun Yang Berhormat tidak tengok, bila diberitahu itu, apa rasa Ahli

Yang Berhormat dari Nilam Puri (*Ketawa*).

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Rasa hendak tengok (*Ketawa*). Tetapi oleh kerana kita patuh kepada undang-undang, maka kita tidak jadi tengok perkara-perkara lucu ini. Tidaklah seperti di Pasir Mas itu.

Kemudian beliau terlibat duduk di berek lapan tahun di Balai Polis, pegawai Polis yang terlibat adalah terlalu ramai, lapan anaknya muka yang berlainan. Setakat ini mereka masih gagal untuk check mencari siapa budak atau bapa kepada setiap budak itu. Kemudian anaknya yang berumur lima tahun di interview oleh beberapa orang, saya rahsiakan nama itu, anaknya sendiri memberitahu bagaimana ia telah diletakkan pistol dikepalanya dan anaknya melihat bagaimana ibunya dirogol. Kalau umur 5 tahun sudah tentulah dia tak erti bohong. Dia baru berumur 5 tahun dan dia menceritakan bagaimana emaknya itu dirogol daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ada juga percubaan pihak tertentu untuk memurtadkan Mary Anne Arokiadas. Mereka cuba memurtadkan beliau untuk memisahkan antara Mohamad Amin dengan Siti Khadijah ini dan tuduhan itu dikenakan kepada orang besar polis, orang kuat polis. Kita harap perkara ini kalau fitnah, sila dakwa Mohamad Amin di mahkamah. Kalau ianya benar, kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan sehebat-hebatnya kepada mereka yang terlibat melakukan jenayah pelacuran, perogolan dan pengedar video lucu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh soal MARA. Walaupun MARA ini kami daripada Pembangkang, kami juga ingin mengambil bahagian

kerana MARA bukan hak UMNO. MARA ditubuhkan untuk membantu bumiputera. Ramai di kalangan kawan-kawan saya dapat biasiswa MARA. Walaupun mereka pergi ke luar negeri dengan biasiswa MARA, mereka balik menjadi pemuda-pemuda PAS untuk menentang Kerajaan Barisan Nasional. Itulah istimewanya Malaysia. Apa fasal? Tak adil. Selagi Islam tak terlaksana, tetap tidak adil. Apa fasal ianya berlaku pergolakan? Kita ingin tahu. Kenapa Pengarah MARA ditukar, kemudian diterima balik, kemudian ada usaha hendak tukar pula? Benarkah Pengerusi MARA bercita-cita untuk memiliki kereta berharga \$600,000 seperti yang didakwa di mana-mana yang kami dengar, iaitu beliau ini ingin mewah yang menyebabkan pihak Menteri Kewangan telah bertindak memotong beberapa peruntukan kepada MARA kerana kalau peruntukannya lebih, maka ia akan digunakan oleh Pengerusi MARA yang tak jauh daripada saya....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila gulung ya!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dua minit lagi untuk menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Batu Berendam bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tak beri peluang lagi sebab ini masa menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kenapa pula claud Pengerusi MARA diturunkan daripada \$1,500 kepada \$1,350....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya hendak tahu di mana Yang Berhormat dapat informations ini? Saya rasa kalau Yang Berhormat tidak ada bukti, tak payah sebutlah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kami orang PAS ada spy di setiap penjurong (*Tepuk*), termasuk di rumah-rumah Yang Berhormat itu kadang-kadang ada spy kami. Kenapa elau Pengerusi MARA diturunkan, elau Timbalan Pengerusi MARA diturunkan? Adakah apa yang berlaku di MARA ini pukul anak sindir bapa? Ini yang kita hendak ketahui. Ada pula mengatakan bahawa tindakan hendak diambil kepada Pengerusi MARA kerana ada ura-ura beliau hendak menjualkan sekeping tanah untuk menyelesaikan masalah perniagaan Timbalan Perdana Menteri... ..

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bolch dapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Puchung.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hendak menggulung. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah cukup, Yang Berhormat. Saya sudah beri isyarat tadi, minta maaf.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Baiklah.

4.53 ptg.

**Dr. V. David (Puchung):** Tuan Yang di-Pertua, jika kami melihat Belanjawan bagi tahun 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah jelas bahawa beliau ingin menarik minat rakyat luar bandar dengan

memberi mereka beberapa beg-bcg gula-guta. Tetapi jika anggaran-anggaran perbelanjaan ini dibaca dengan teliti, adalah jelas bahawa keinginan beliau ini tidak mempunyai asas.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi kita kian bertambah dari masa ke masa. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia atau MIER telah membuat kajian baru-baru ini dan menurut laporan Insililul ini kadar inflasi Malaysia adalah lebih kurang 5% dan ini diramalkan naik lagi jika langkah-langkah sesuai tidak dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menstabilkan ekonomi dan juga mencegahnya dari menjadi lebih panas.

Tuan Yang di-Pertua, jurang perbezaan antara tabung simpanan dan pinjaman adalah 5% dan 8% masing-masing dan keadaan ini akan meningkatkan kadar inflasi. Sebelum menamatkan perbelanjaan di kalangan rakyat, Kerajaan hendaklah mengkaji semula perbelanjaannya sendiri dan menetapkan sama ada ianya perlu atau tidak. Sebagai contoh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Projek Menara Kuala Lumpur di Bukit Nanas, Kuala Lumpur baru-baru ini. Projek ini dilaporkan memerlukan tabung berjumlah \$250 juta. Kami berpendapat bahawa projek ini merupakan suatu usaha ke arah pembaziran wang rakyat dan tabung yang diperuntukkan bagi projek ini boleh digunakan untuk membina beberapa kemudahan-kemudahan awam yang perlu. Butir-butir mengenai kemudahan-kemudahan ini akan dibincangkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sila rujuk Maksud Bekalan 26, Anggaran Perbelanjaan 1992, Kementerian Pendidikan telah diberi peruntukan sebanyak \$7,959,762.10 bagi tahun 1992. Ini adalah lebih kurang 18% dari jumlah Perbelanjaan Mengurus, iaitu \$45,446,759,660. Dari amalan ini, hanya \$1,256,514,810 sahaja dikhaskan bagi pembangunan, tetapi kebanyakan peruntukan Kementerian ini akan digunakan bagi Perbelanjaan Mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, statistik-statistik baru-baru ini menunjukkan bahawa wang berjumlah \$1,600 juta telah dihantar ke luar negeri pada tahun 1990 sebagai yuran tuisyen penuntut-penuntut anjuran Kerajaan dan swasta di universiti-universiti dan kolej-kolej di negara-negara asing. Ini adalah perbelanjaan tabung awam yang paling membazirkan. Memandangkan Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah sesuai supaya memberi peluang kepada semua penuntut-penuntut tempatan mendapat tempat di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan, Kerajaan hendaklah menubuhkan lebih lagi institusi pengajian tinggi dalam negara supaya menjimat pengaliran keluar matawang asing negara dan juga memberi peluang-peluang kepada mereka yang berminat menerusi pengajian tinggi di institusi-institusi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sila lihat Maksud Bekalan 45, Anggaran Perbelanjaan 1992. Menteri Kewangan telah bersetuju memperuntukkan hanya \$91,000,863 sahaja bagi Kementerian Sumber Manusia untuk tahun 1992. Kami juga mengambil perhatian bahawa Majlis Latihan vokasional Kebangsaan (MLVK) diberi \$3,567,800 di bawah Butiran 020500 dan Jabatan Kilang dan Jentera diberi \$1,822,700 di bawah Butiran 040300.

Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli-ahli Yang Berhormat turut sedar bahawa pembangunan sumber manusia dan keselamatan pekerja adalah asas perkembangan negara. Walaupun masyarakat telah menyaksikan masalah kebakaran di Sungai Buloh, tetapi Kerajaan tidak berusaha meluaskan skop operasi Jabatan Kilang dan Jentera dengan memperkukuhkan sistem penguatkuasaannya.

Jadi, adalah jelas Kerajaan tidak mengambil berat tentang keselamatan pekerja-pekerja di negara ini khususnya yang berkhidmat dengan perusahaan-perusahaan merbahaya.

Tuan yang di-Pertua, pengenalan levi atas pekerja asing di antara \$360 hingga \$2,400 setahun bergantung kepada taraf kemahiran pekerja yang berkenaan tidaklah mencukupi bagi mengatasi masalah penafian peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan. Kami sedar bahawa langkah pengenalan levi ini tidak akan membawa sebarang hasil ke arah menghalang amalan-amalan buruh yang tidak berpatutan oleh pihak majikan. Kerajaan hendaklah mengenakan syarat di mana pekerja asing ini harus dibayar gaji yang sama seperti yang diterima oleh pekerja tempatan. Dengan mengikuti cara ini, Kerajaan akan menentukan bahawa pekerja-pekerja tempatan tidak akan menafikan peluang pekerjaan oleh sumber buruh asing yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong cadangan Menteri Kewangan bagi membantu orang cacat dengan memberi pelepasan cukai kepada individu yang membeli alal-alat keperluan untuk diri mereka atau untuk isteri, ibu-bapa atau anak-anak mereka dan juga memberi pelepasan cukai tambahan kepada anak-anak orang cacat. Ini adalah haluan positif ke arah penubuhan masyarakat penyayang.

Kami merakamkan penghargaan atas cadangan Menteri Kewangan menghapuskan duti harta pesaka pada masa pemindahan milik harta tersebut kepada waris atau pentadbir. Tidak boleh dinafikan bahawa kematian seorang ahli keluarga yang disayangi adalah suatu peristiwa yang paling menyedihkan dan beban duti harta pesaka akan mengingatkan perasaan kesedihan ini. Jadi, langkah menghapuskan duti tanah pesaka adalah langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, kami ingin memperingatkan Kerajaan berhati-hati atas penyalahgunaan kemudahan ini oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai sebarang prinsip moral berkenaan pemindahan harta kepada waris atau pentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Wawasan 2020 Perdana Menteri kita bertujuan mencapai penyelesaian bagi segala masalah-masalah material negara ini dan kenyataan Wawasan ini dibesar-besarkan di media massa, tetapi rakyat Malaysia sedar bahawa Wawasan 2020 ini adalah satu anggaran teori sahaja dan ianya suatu khayalan sahaja. Kerajaan cuba menutup ketidakbolehannya tentang beberapa masalah yang dihadapi tiap-tiap hari oleh rakyat jelata atas pembentangan Wawasan 2020 ini bagi mengganggu perhatian terhadap masalah-masalah yang sedia ada.

Media massa di bawah kawalan Kerajaan telah membesar-besarkan kewujudan Wawasan 2020 ini supaya memberi harapan palsu kepada rakyat bahawa segala hal-ehwal negara adalah diurus dengan baik dan jujur, tetapi keadaan sebenarnya adalah bertentangan dengan pesanan media massa ini. Kerajaan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mahu pun dalam bidang politik atau moral atas beberapa peristiwa yang telah berlaku sepanjang masa ini.

Kerajaan telah juga tidak mengambilkira terhadap kuasa Parlimen. Kami ingin memberitahu Kerajaan bahawa badan Parlimen adalah badan tertinggi yang mengambil keputusan atas segala hal-ehwal negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berharap memperkenalkan suatu Rancangan Jangka Panjang sebelum 30 tahun tanpa mengambilkira keutamaan-keutamaan Parlimen di masa akan datang. Jadi, adalah jelas bahawa Kerajaan dengan memperkenalkan Wawasan 2020 ini telah merampas dan menceroth kuasa badan Parlimen di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkumpul di Dewan yang mulia ini akan menipu diri mereka jika mereka menerima penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Wawasan 2020 beliau akan

mencapai perpaduan negara dan gabungan kaum.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan pada tahun 1971 ingin mencapai tujuan-tujuan yang sama, tetapi apa yang telah berlaku oleh sebab sebenarnya ialah Dasar Ekonomi Baru ini menelurkan polarisasi kaum, rasuah yang begitu hebat dan pencabulan atas nama penyusunan digubah semula sebagai "penyusunan semula masyarakat".

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada pada masa ini ialah satu masyarakat Malaysia yang bersekat-sekat disebabkan oleh pengedaran kekayaan negara yang tidak patut. Orang kaya menjadi lebih kaya dan orang miskin menjadi lebih miskin. Pengurangan jurang perbezaan antara golongan rakyat kaya dan yang miskin masih tertinggal sebagai suatu cerita dongeng sahaja. Kami yang ada dari kumpulan pihak Pembangkang sedar bahawa usaha-usaha mana-mana pihak bagi menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan tidak akan membawa keputusan positif jika kelayakan, kebolehan dan pengalaman tidak diberi pengiktirafan dan galakan. Rancangan-rancangan ganjil dan menarik seperti Wawasan 2020 ini tidak mempunyai sebarang makna jika isu-isu asas seperti kelayakan dan kebolehan tidak diambilkira oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia menghadapi masalah-masalah yang sedia ada seperti kekurangan perumahan, tidak berkemampuan memperoleh bekalan elektrik, bekalan air paip, kemudahan perubatan dan sebagainya. Rakyat memerlukan keputusan yang cepat bagi masalah-masalah seperti ini - bukan anggaran-anggaran dan ramalan-ramalan teori bagaimana kita akan mencapai taraf negara maju dalam tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat pengumuman bahawa satu

Lapangan Terbang Antarabangsa baru akan dibina di kawasan Sepang, Selangor. Rakyat diberitahu bahawa kos pembinaan lapangan terbang ini adalah \$20 juta ataupun dalam Persidangan UMNO ada dibawa masalah ini, iaitu berjumlah \$30 juta. Jumlah ini adalah lebih kurang jumlah Belanjawan selama enam bulan bagi seluruh negara. Jadi, adalah jelas bahawa rakyat yang membayar cukai mempunyai hak mengetahui segala aspek perbelanjaan projek ini seperti jumlah tiap-tiap tawaran yang diterima oleh Kerajaan, sebab-sebab satu tawaran diterima dan mengapa yang lain ditolak dan sebagainya. Kerajaan hendaklah memikul tanggungjawab yang begitu berat ini dengan tepat dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan membuat tuntutan bahawa oleh daripada 60% kawasan-kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang dan kampung-kampung sedang mempunyai kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan air paip, elektrik dan sistem pembetulan najis, tetapi kami turut sedar bahawa ada lagi beberapa ladang getah dan kelapa sawit di seluruh negara yang tidak mempunyai taraf kemudahan asas seperti yang saya katakan tadi. Apa yang kami tidak faham ialah di Bandaraya Kuala Lumpur, kita melihat beberapa lampu berwarna-warni yang berseri atas pokok-pokok di tepi jalan, tetapi penduduk-penduduk rumah setingan masih menunggu bekalan elektrik di rumahnya, walaupun tempat-tempat ini berhampiran dengan bangunan-bangunan mewah di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Petua, kami semua turut sedar bahawa Bandaraya Kuala Lumpur menghadapi hujan lebat, beberapa tempat rata-rata rendah di kawasan Bandaraya seperti Brickfields, Pantai Dalam, Jalan Kelang Lama, Sentul Pasar dan Petaling diserangi oleh akibat banjir. Keadaan seperti ini dengan serta-merta akan menyebabkan masalah kesesakan lalulintas yang begitu teruk.

Dan perbarisan lalulintas ini adalah lebih kurang empat atau lima kilometer. Tiap-tiap kenderaan mengikuti bumper kenderaan yang di hadapan dengan pemandu-pemandu kurang sabar membunyikan hon keretanya dengan seberapa kuat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, semua penduduk-penduduk yang tinggal di Lembah Kelang menyedari tentang masalah kesesakan lalulintas tiap-tiap hari sepanjang minggu dari pintu rumah kita hingga pintu masuk pejabat. Keadaan seperti ini bukan sahaja telah membazirkan masa kerja yang begitu berharga, tetapi telah juga menyebabkan kemalangan-kemalangan teruk kerana pemandu-pemandu yang kurang sabar melanggar peraturan-peraturan lalulintas.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh mengeneipkan sahaja masalah ini kerana ianya menjadi lebih teruk tiap-tiap hari. Tindakan-tindakan segera haruslah diambil bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan awam di Lembah Kelang. Kami ingin melihat keputusan ke arah ini dengan kadar cepat dan Kerajaan tidak dapat menangguhkan penyelesaian masalah ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita meslilah menerima realiti kenderaan-kenderaan persendirian tidak dapat diberi laluan bebas di jalanraya bandar-bandar, giliran sekatan-sekatan atas pcrjalan dan kemasukannya ke dalam kawasan-kawasan bandar hendaklah dikuatkuasakan dengan serta-merta. Tetapi ini boleh menjadi keputusan jika sengaja Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan secara meningkatkan taraf dan skop perkhidmatan pengangkutan awam di Ibu Kota tanpa sebarang kelewatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Bandau.

*55.15ptg.*

**Tuan George Sangkin (Bandau);**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut berdiri untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan tahun 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November lalu di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyentuh mengenai behcrapa pekara yang saya rasa ada kaitan dan pengaruh ke atas Belanjawan ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menyediakan satu Belanjawan yang kelak akan menjadi asas pengurusan dan pembangunan negara kita. Syabas juga saya tujukan kepada semua lapisan pegawai di Kementerian beliau ke atas penyediaan Kertas kerja Belanjawan ini.

Di dalam kita mengatur langkah ke arah mencapai Wawasan 2020 dan merealisasikan Belanjawan ini, kita haruslah peka dengan cabaran-cabaran yang merintanggi usaha kita sama ada cabaran-cabaran itu merupakan cabaran ekonomi dalaman ataupun, dengan izin, domestic economy atau ekonomi antarabangsa, dengan izin, international economy ataupun isu dalaman yang kecil yang mungkin dianggap tidak begitu mencabar.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh secara ringkas scenario politik dan ekonomi dunia yang secara langsung ada kaitan dan pengaruh perdagangan antarabangsa negara kita. Dan daripada pengetahuan kita mengenai perubahan scenario politik dan ekonomi dunia itu akan dapat membantu para perancang negara kita untuk merancang secara strategic, dengan izin, ke arah mana harus perdagangan antarabangsa kita tujukan.

Laporan Ekonomi telah mencatatkan rekod defisit akaun semasa di dalam perdagangan import-eksport kita yang akan meningkat kepada \$11.8 bilion pada tahun 1991 ini yang merupakan 9.6% daripada KNK. Irii menunjukkan bahawa suatu tindakan perancangan yang teratur dan strategic harus dilakukan bagi memperbaiki kedudukan imbangan itu. Eksport negara kita meliputi beberapa benua yang penting dan seluruh benua-benua tersebut telahpun banyak perubahan-perubahan imbangan kuasa politik dan ekonomi antarabangnya.

Misalnya Amerika Utara dikatakan mengalami pemulihan ekonomi selepas Perang Teluk, namun pemulihan itu tidak diparas yang menggalakkan. Di Eropah pula, dunia akan melihat timbulnya kumpulan negara-negara Eropah pada tahun 1992 yang akan menimbulkan soalperlindungan yang kemudian menghindarkan peningkatan eksport. Eropah Timur pula memerlukan bantuan antarabangsa untuk membangun negara mereka yang dijangka memerlukan bantuan sejumlah \$216 bilion. Soviet Union terus mengalami masalah dan memerlukan bantuan kewangan untuk menyelamatkannya daripada terus menghadapi kehancuran ekonomi. Jepun, walaupun selama ini merupakan gergasi ekonomi dunia yang tidak kurang pentingnya dengan perdagangan negara kita, mungkin menghadapi masalah keruntuhan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham berikutan pertukaran pemimpin utama, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Ini akan timbul ketidak-tentuan kepada perhubungan perdagangannya dengan negara-negara lain termasuklah Malaysia. Apatah lagi Timur Tengah yang baru sahaja menghadapi krisis Teluk, kini sedang rncenan jalan kcluar daripada masalah pembangunan masing-masing.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, peluang masih terbuka untuk diterokai seperti yang diramalkan oleh

peramal-peramalekonomi, contohnya negara Latin Amerika yang dikatakan sedang pesat membangun seperti Chile dan Mexico. Dan kemungkinan besar, boleh diterokai juga di negara Vietnam dan Myanmar yang mungkin boleh menjadi sasaran perdagangan kita. Negara-negara dunia ketiga yang lain harus juga diterokai untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, para perancang ekonomi antarabangsa kita haruslah mengenalpasti potensi-potensi perdagangan di tempat-tempat yang ada peluang itu untuk mengetahui berapa banyakkah yang boleh diharapkan memberi tambahan kepada eksport negara kita. Kita sedar Kerajaan akan terus mencari jalan untuk mengatasi detisit yang saya katakan tadi dengan cara seperti meningkat eksport barang-barang perkilangan. Namun selama ini, kita difahamkan bahawa sektor perkilangan utama yang mengeksport barangan-barangan elektronik, tekstil dan pakaian masih lagi bergantung lebih daripada 80% bekalan import untuk keperluan input, dengan izin, perkilangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amatlah membimbangkan dan perlu diperbaiki.

Sebelum Belanjawan ini dibentangkan banyak spekulasi yang telah dibuat oleh para peramal ekonomi termasuklah antara lainnya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi inflasi tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi seterusnya.

Kita telah difahamkan bahawa pertumbuhan ekonomi yang menggalakkandalam tahun 1991 ini, dijangka disertai dengan kenaikan inflasi pada kadar 4.5%. Walaupun kadar ini masih lagi di paras yang boleh lagi dikawal, namun kita harus sedar bahawa pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak dapat tidak akan menimbulkan kesan di masa depan.

Kita sedar Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal inflasi. Dan dalam Belanjawan ini, strategi yang diambil merupakan antara lainnya, langkah-langkah yang lebih menekankan kepada pengawalan harga yang stabil dan penggalakkan berjimat-cermat. Apakah langkah-langkah ini akan dapat memastikan harga-harga barangan di seluruh negara sentiasa dapat diawasi, supaya para peniaga tidak dengan sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan mereka.

Rakyat Malaysia di negeri Sabah selama ini telah mengalami masalah harga barangan yang tinggi dan diperhatikan bahawa tindakan-tindakan amatlah lembab untuk mengatasi masalah ini. Sebaliknya pula, pengawalan perbelanjaan pengguna walaupun ianya menghadkan kesemarakan inflasi, namun perbelanjaan pengguna juga menyumbangkan ke arah pertumbuhan ekonomi. Misalnya, peniaga akan memprolehi keuntungan yang berkurangan apabila kurangnya perbelanjaan pengguna. Kurangnya pendapatan syarikat bererti kurangnya jumlah cukai yang boleh dikutip. Oleh sebab itu, Kerajaan kenalah merancang langkah-langkah yang munasabah yang boleh mendatangkan faedah dan kebaikan kepada dua belah pihak tadi, pengguna dan peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kementerian Kewangan untuk mengenakan cukai yang tinggi terhadap import rokok dan minuman keras. Namun demikian saya juga meluahkan kekhuatiran sama ada kenaikan cukai rokok dan minuman keras boleh mengurangkan tabiat merokok dan meminum minuman keras oleh sebilangan rakyat kita.

Saya sedar bahawa kenaikan cukai ke atas import rokok dan minuman keras boleh menambah pendapatan negara, namun saya berpendapat bahawa hasrat Kerajaan untuk mengurangkan tabiat merokok dan minum minuman keras tidak akan tercapai semudahnya.

Saya rasa tabiat merokok misalnya akan berterusan walaupun tahap cukai ke atas product ini, dengan izin, bertambah tinggi. Ini adalah disebabkan oleh Kerajaan sendiri yang membiarkan promosi yang amat giat melalui pengiklanan jenis-jenis rokok yang kononnya sedap, lega dan menyejukkan di radio-radio dan juga di kaca-kaca televisyen. Kegiatan ini akan reinforce, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, labiat merokok itu dan dengan sendirinya menggalakkan rakyat seluruhnya untuk merokok.

Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya di samping meninggikan cukai-cukai ini, kempen-kempen kesedaran bahaya merokok dan minum minuman keras haruslah dipergiatkan di seluruh negara, sama ada melalui televisyen atau radio dan media-media lain atau dengan mengadakan kempen di merata-rata tempat untuk menyedarkan rakyat dengan masalah tabiat tersebut.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan akan terus memperluaskan kegiatan-kegiatan yang membawa kesedaran kepada rakyat betapa bahayanya merokok dan minum minuman keras itu kepada orang yang mengamalkannya dan juga kepada orang awam lain.

Sehubungan dengan ini, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan yang telah mendahului untuk mengadakan peraturan yang melarang merokok dibangunan-bangunan hospital dan juga di kawasan-kawasan hospital.

Saya bersetuju penguatkuasaan Rang Undang-undang tersebut bagi Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan Kerajaan lain amatlah sesuai dan diperlukan. Penguatkuasaan undang-undang ini juga haruslah diperluaskan di tempat-tempat awam seperti restoran-restoran, di dalam bas-bas pengangkutan dan lain-lain tempat awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya anti merokok, tetapi saya lebih senang dan lega di tempat-tempat yang bebas

daripada asap rokok, dan saya yakin ramai lagi rakyat lain yang seperasaan dengan saya. Tambahan kepada itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kempen-kempen kesedaran ketidakebaikannya merokok dan minum minuman keras ini haruslah diperluaskan di kalangan murid-murid sekolah rendah dan juga menengah, bagi menyedarkan para pelajar ini betapa tingginya kos tabiat ini terhadap perbelanjaan harian dan nyawa mereka sendiri, kerana kita dapati semakin ramai pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah yang merokok.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan dan kemudahan awam di kawasan luar bandar, saya bcrharap peruntukan sejumlah \$5.415 bilion yang telah disediakan untuk tahun 1992 itu bagi kemudahan asas seperti bekalan air dan bekalan elektrik yang telah menjangkakan 77% penduduk luar bandar menikmati bekalan air dan 84% penduduk golongan yang sama akan menikmati bekalan elektrik di akhir tahun 1992 nanti akan dilaksanakan meliputi seluruh negara, termasuklah kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Saya bagi pihak rakyat yang saya wakili mengalu-alukan langkah Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula kadar pemberian itu dengan mengikut bilangan orang atau dengan izin, capitation grant. Saya bcrharap Kerajaan Pusat akan mengambilkira sepenuhnya dalam pelaksanaan pemberian ini, masalah-masalah kadar kemiskinan yang tinggi seperti yang terdapat di negeri Sabah.

Sehubungan dengan ini, saya amat mengalu-alukan Kerajaan Pusat untuk terus menyediakan peruntukan-peruntukan yang cukup khusus untuk program pembasmian kemiskinan termasuklah pelaksanaan projek perumahan rakyat miskin, khusus untuk negeri-negeri yang mengalami kadar

kemiskinan yang tinggi seperti negeri Sabah dan negeri-negeri lain yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita merealisasikan Wawasan 2020 ini, kita harus melengkapi dahulu rakyat kita dengan pendidikan moral, kemantapan pemikiran serta kemahiran. Saya berpendapat latihan-latihan khusus bagi belia-belia dan beliawanis-beliawanis untuk melahirkan tenaga mahir yang secocok dengan keperluan kita haruslah dipergiatkan.

Kita tidak mahu mengalami keadaan di manatenaga-tenaga mahir yang kita lahirkan tidak sesuai dengan keperluan-keperluan pasaran tenaga, a mismatch of supply and demand of skilled labour, dengan izin. Kita tidak mahu keadaan serupa ini berlaku.

Saya menggesa Kerajaan agar mengkaji semula latihan-latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Perusahaan Awam dan agensi-agensinya. Langkah-langkah penyelarasan rapi mengenai latihan-latihan yang dijalankan itu amatlah diperlukan bagi memastikan segala sumber yang digunakan ke atas perjalanan latihan-latihan itu akan menghasilkan tenaga-tenaga yang sejajar dengan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai penyebaran dan liputan Berita-berita TV Malaysia yang masih lagi belum memuaskan, terutamanya liputan Berita serta lain-lain liputan bagi negeri Sabah. Saya berharap agar peruntukan sejumlah \$21 juta yang telah disediakan bagi tahun 1992 akan betul-betul meningkatkan liputannya ke kawasan-kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan ini, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan apakah rasionalnya menempatkan seorang pegawai ataupun kakitangan khas di Pejabat-pejabat Penerangan Daerah,

kerana saya dapati pegawai-pegawai ini merupakan lantikan politik dan menjalankan kegiatan politik. Ini adalah brcrintangan langsung dengan peraturan Perkhidmatan Awam kerana pegawai-pegawai ini menggunakan harta-harta dan kemudahan lain di pejabat tersebut bagi menjalankan kegiatan politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sektor pelancongan, sejumlah \$120jua telah disediakan bagi tahun 1992 untuk tujuan program pemasaran dan pelancongan serta aktiviti-aktiviti bersempena dengan kcmpcn 'Tahun Melawat Asean 1992'

Sehubungan dengan ini, saya menggesa Kementcrian berkenaan supaya menyenaraikan Sabah, Negeri di Bawah Bayu itu seberapa agresif yang boleh sebagai satu daripada tempat-tempat destinasi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk menggesa Kementerian Dalam Negeri, khususnya Jabatan Pendaftaran Negara supaya berhati-hati dalam proses pelaksanaan penukaran kad pengenalan baru.

Saya ingin mengingatkan Kementcrian berkenaan berwaspada dengan pemegang-pemegang kad pengenalan biru palsu yang mahu menukarkan kad pengenalan mereka. Di Sabah ramai pendatang tanpa izin didakwa mempunyai kad-kad pengenalan biru palsu, dan orang-orang seperti tnilah yang kita tidak mahu menggunakan peluang penukaran kad pengenalan ini untuk mcndapatkan kad yang sah, yang kemudiannya boleh menggugat keselamatan negara kita,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh dengan usaha Kementerian Pendidikan di dalatn penyediaan kemudahan kursus perguruan kepada guru-guru sandaran di seluruh negara.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian ini supaya mencari jalan bagi mengatasi masalah guru-guru sandaran, khususnya di negeri Sabah

yang didapati masih ramai yang belum mendapat peluang untuk memasuki Maktab Perguruan. Ada juga di kalangan mereka ini yang tidak dapat mengikuti kursus misalnya Kursus Dalam Cuti kerana umur yang melebihi daripada had yang dikenakan.

Saya merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya memberikan kelonggaran apabila mendapati keadaan serupa ini. Ada pula guru-guru terlatih yang mahu melanjutkan pendidikan mereka ke seberang laut untuk mengikuti kursus di peringkat Sarjana Muda dan seterusnya yang tidak diberikan perlepasan untuk cuti belajar tanpa gaji. Walaupun mereka ini sudah mendapat tempat pengajian yang diiktirafkan oleh Kerajaan sendiri dan juga Kementerian itu serta biasiswa atau pinjaman untuk menampung pengajian mereka. Kejadian serupa ini tidak harus berlaku dan semestinya ialah peluang-peluang serupa itu tidak disekat untuk dinikmati oleh guru-guru yang ingin terus membangunkan diri mereka bagi kepentingan profession, dengan izin, mereka dan juga Kementerian itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin mengulangi perkara yang pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini sewaktu sesi yang lalu iaitu mengenai kes tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah. Kita memikirkan Kerajaan Pusat adalah lembab dan juga memandang lidak berat terhadap perkara ini. Pemandangan pendatang-pendatang haram di negeri Sabah serta tempat-tempat tinggal mereka yang strategik memudahkan mereka menawan negeri Sabah dengan mudah sekiranya berlaku kekacauan di negeri itu.

Saya menyeru pemimpin Pusat terutamanya Kementerian Luar Negeri untuk mencari jalan diplomatik untuk mengambil tindakan segera untuk membawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Pilipina ke meja perundingan untuk menyelesaikan masalah tuntutan ini. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud yang juga

menyatakan bahawa rakyat Malaysia di Sabah tidak mahu menjadi orang pelarian di tanah air sendiri.

Saya melahirkan kekhuatiran saya sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi dengan segera ianya akan mengakibatkan hubungan Malaysia-Pilipina yang kini dianggap ada duri dalam daging, bukan sahaja menjadi duri malahan ianya akan mengakibatkan suatu hubungan diplomatik yang tegang dan kemungkinan membawa ke tahap persengketaan yang besar di antara negara kita dengan Pilipina. Oleh itu saya menggesa Kerajaan Pusat untuk mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Periua, sekian dan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juliar bin Haji Mahiruddin); Santubong.

5.52 *ptg.*

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah di atas pembentangan Belanjawan sulung Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1 November 1991 dan Belanjawan yang sesuai bagi menyediakan kita menghadapi cabaran dan memcenuhi hasrat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan strategi bagi mengatasi defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran termasuk usaha meningkatkan eksport barang-barang perkilangan. Sektor perkilangan utama kita yang mengeksport barangan elektronik, elektrik, tekstil dan pakaian mengimport lebih daripada 80% keperluan inputnya. Struktur eksport keluaran perkilangan negara pula perlu diperkukuhkan dengan mempelbagaikan asas-asas perindustrian dan mempertingkatkan tahap teknologi terutamanya di kalangan Industri-industri Kecil dan

Sederhana (IKS). Dengan cara ini industri kecil dan sederhana dapat mengurangkan pergantungan ke atas import dengan membekalkan alat-alat ganti serta komponen-komponen tertentu. Oleh yang demikian, industri kecil dan sederhana tempatan perlulah lebih berdaya saing dari segi kos dan mutu.

Saya juga amat tertarik hati dengan langkah supaya faktor pertalian antara industri kecil dan sederhana dengan industri-industri besar akan ditilik-beratkan dan penubuhan syarikat usahasama akan digalakkan dan juga rangkaian sub-kontrak dan pembekal yang ada sekarang akan diperkembangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan strategi Belanjawan yang dirangka untuk membantu usaha pembinaan ekonomi negara. Memang benar kejayaan ekonomi tidak akan bertahan lama tanpa komitmen untuk berjaya yang berterusan. Peruntukan berjumlah \$249 juta adalah dialu-alukan untuk latihan kemahiran yang dikendalikan melalui Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perusahaan Awam termasuk MARA serta lain-lain agensi atau institusi. Kerjasama Kerajaan dan sektor swasta juga dialukan melalui pembiayaan bersama Tabung Pembangunan Sumber Manusia.

Satu persoalan di sini ialah bagaimana cara pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dan swasta dapat menyelaraskan latihan kemahiran ini dan cara perlaksanaannya supaya tidak bertindih peranan. Kita sangat mengharapkan agar langkah ini akan menghasilkan tenaga pekerja yang mahir, profesional dan bersikap dinamik serta bersedia menghadapi cabaran masa kini.

Pengeluaran tenaga manusia ini adalah sejajar dengan pembangunan fizikal atau infrastruktur yang pesat pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini adalah sejajar dengan kehendak negara untuk membangunkan golongan usahawan atau mengujudkan industri berteknologi tinggi dan intensif dan menjadi Malaysia sebuah negara yang maju, pesat dan membangun seperti negara perindustrian yang lain.

Memang dialu-alukan hasrat Kerajaan untuk mengujudkan masyarakat berilmu yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi, bebas daripada tekanan psikologi dan perasaan rendah diri. Negara kita tidak akan mencapai kejayaan atau tahap pembangunan yang dihasratkan kalau pembanguan ekonomi tidak diimbangi oleh pembangunan mental. Oleh yang demikian, langkah bagi kelonggaran tahap pengecualian cukai ke atas royalti atau pendapatan daripada penulisan dan penterjemahan serta penubuhan Biro Penterjemahan adalah disanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang akan beroperasi penuh mulai 1992 dengan peruntukkan sebanyak \$100 juta modal berbayar, \$200 juta untuk kegiatan Yayasan Pelaburan Bumiputera. Dengan langkah ini adalah diharapkan agar negara ini dapat melahirkan usahawan bumiputera yang luhur dan disegani bukan sahaja dalam negara tetapi di pasaran antarabangsa. Pendekatan yang akan diambil oleh PUNB adalah sesuatu yang positif dan menyeluruh seperti atas bidang kemahiran, perniagaan, penguasaan, persoalan sikap dan nilai-nilai positif. PUNB nanti seharusnya dapat mencumbu pasaran atau industri yang belum lagi diterokai oleh usahawan bumiputera dan berani bersaing dengan usahawan dari negara-negara maju yang lain lebih-lebih lagi dengan pengujudkan EAEC. Tuan Yang di-Pertua, saya juga maklum bahawa kegiatan PUNB akan diselaras dengan penubuhan Tabung Industri Bumiputera untuk membantu bumiputera yang berkecimpung dalam industri kecil dan sederhana. Dengan

cara ini hasrat Kerajaan untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju sepertimana dijelaskan dalam Dasar Pembangunan Nasional dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pihak Kerajaan supaya apa-apa kemudahan ini dapat disebarkan seluas-luasnya terutama sekali kepada peniaga bumiputera di Sarawak. Mereka masih tertanya-tanya akan pemanjangan kemudahan-kemudahan ini kepada mereka. Malah ramai yang tidak mengetahui akan kemudahan yang disediakan dan kalau tahu pun tidak tahu agensi mana yang harus didatangi, yang dipertanggungjawabkan untuk mengendali kemudahan tersebut di Sarawak. Pengagihan kemudahan atau peluang ini harus diambil kira terutama sekali harus diberi kuota yang berpatutan kepada usahawan bumiputera di Sarawak. Kalau mereka ini dibiarkan bersaing dengan usahawan di Semenanjung secara tidak dikawal nyata sekali usahawan bumiputera dari Sarawak akan ketinggalan atau 'at adisadvantage', dengan izin. Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui perancangan atau pengagihan kemudahan ini khasnya untuk Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan langkah untuk mengkhususkan Tabung Industri Bumiputera untuk pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, bumiputera yang mengikuti skim payung untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan tabung tersebut. Peserla skim payung yang telah sedia wujud disamping skim-skim baru yang akan ditubuhkan kelak adalah layak menerima kemudahan skim ini. Justeru itu, saya ingin menyeru supaya beberapa peniaga bumiputera di Sarawak dikenal pasti (lelaki atau wanita) dan dijadikan anak angkat bagi skim payung yang dilaksanakan. Pendedahan atau pengalaman ini adalah titik permulaan dan akan menjadi contoh atau teladan kepada usahawan bumiputera Sarawak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru di sini supaya penyiaran maklumat mengenai kemudahan atau peluang sebegini dilakukan dengan seluas-luasnya dan supaya mempertanggungjawabkan agensi atau cawangan memperhebatkan penyiaran maklumat supaya kemudahan sebegini dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran yang ditujukan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ini, saya mengalu-alukan peruntukan berjumlah \$138 juta bagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan di mana dengan cara ini bidang-bidang baru atau teknologi baru dapat diperkembangkan untuk menerokai penemuan-penemuan baru untuk meningkatkan lagi kemajuan di bidang pengeluaran terutama sekali di pasaran baru. \$58 juta untuk sektor pertanian bagi meningkatkan hasil dan daya pengeluaran pertanian adalah sebagai langkah permulaan dan kalau dapat dipertambahkan lagi dalam usaha untuk meningkatkan teknologi pemerosesan makanan dan bidang kejuruteraan pertanian serta bioteknologi. \$43 juta pula ialah untuk penyelidikan dalam sektor perindustrian seperti bidang kaji logam dan seramik, rekabentuk dan kejuruteraan komputer dan sinaran radioaktif.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak banyak lagi potensi bagi industri-industri yang perlu diterokai dan diselidiki. Umpamanya di Sarawak masih lagi kedapatan banyak rizab sumber asli yang boleh diperbangunkan seperti silica sand, clay dan logam-logam lain. Rizab ini boleh digunakan untuk industri 'glass manufacturing' dan juga seramik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan pula, peruntukan berjumlah \$1.26 bilion adalah satu langkah yang baik bagi menjalankan reformasi pendidikan seperti kemudahan pra-sekolah bagi kanak-kanak, penekanan pendidikan teknik dan vokasional dan pendidikan komputer. Saya ingin mencadangkan supaya beberapa

penekanan diberi kepada beberapa perkara berikut bagi memperkukuhkan semangat pendemokrasian pendidikan. Pada masa yang sama, peluang dan kemudahan pendidikan dapat dirasai oleh seluruh masyarakat di negara ini. Peranan pendidikan adalah faktor terpenting bagi menjamin pembentukan bakal pemimpin di masa akan datang. Perkara-perkara yang perlu dipertekankan atau reinforce, dengan izin, ialah kemudahan di sekolah-sekolah di peringkat rendah dan menengah dan di universiti, harus dipertingkatkan atau dinaikgredkan selaras dengan teknologi baru, khususnya dalam bidang sains dan teknologi, terutama sekali seperti di Kampus UPM Sarawak.

Kedua ialah memperkukuhkan usaha bagi pendidikan tentang bahaya AIDS atau najis dadah dan bahan inhalant yang lain yang mengancam keselamatan negara yang mana kedua-dua ini adalah musuh nombor satu negara masa kini. Usaha ini harus diperkukuhkan di peringkat seawal-awalnya supaya tersemat di dalam sanubari kanak-kanak atas bahaya dan akibatnya ancaman-ancaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ini harus disepadukan dengan peningkatan pengajian moral dan agama di semua sekolah, di semua peringkat, sehinggake peringkat universiti dan penglibatan aktif PIBG dalam menjalankan berbagai aktiviti pendidikan tidak formal di sekolah-sekolah. Aktiviti ko-kurikulum sebegini harus melibatkan peranan aktif ibu-bapa supaya mereka sama-sama mengetahui dan terlibat di dalam aktiviti anak-anak. Jangan hanya melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak guru.

Adalah disarankan di sini supaya pihak Kerajaan mempertingkatkan peranan PIBG secara total dan memastikan bahawa setiap ibu dan bapa memberi sumbangan terhadap menjalankan segala aktiviti pendidikan tidak formal di sekolah. Ibu-bapa harus

melibatkan diri di dalam perancangan aktiviti tambahan atau ko-kurikulum dan dengan cara begitu mereka akan terasa bahawa diri mereka adalah sebahagian daripada perancang bagi sekolah anak-anak mereka. Mereka akan turut berbangga dan prihatin atas pencapaian serta kejayaan sekolah anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru di sini supaya Kerajaan mempercepatkan pembinaan sekolah gantian di kawasan pedalaman, asrama-asrama dan segala kemudahan pendidikan yang sangat-sangat diperlukan bagi mcngupgredkan pendidikan.

Mengenai pembangunan di luar bandar pula adalah disarankan di sini supaya dipertingkatkan dan diperhebatkan pembangunan di peringkat luar bandar, terutama di Sarawak. Langkah ini adalah bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk membangunkan kawasan di luar bandar atau pedalaman supaya mencapai satu tahap pembangunan yang menyeluruh dan bukan sahaja di bandar-bandar. Ini adalah satu cara untuk mengurangkan masalah kemiskinan, iaitu dalam purata 20% bagi negeri Sarawak, yang kebanyakannya terdapat di luar bandar. Langkah begini juga akan mengurangkan penghijrahan penduduk desa ke bandar yang telah banyak menyebabkan masalah sosial, iaitu akibat tekanan hidup di bandar. Cara-cara untuk mempercepatkan pembangunan di luar bandar adalah dengan beberapa strategi seperti berikut:

- (a) mengenalpasti kawasan perindustrian di luar bandar;
- (b) jenis perindustrian yang secukupnya bagi kawasan ini ialah yang berbentuk pertanian ataupun pemerosesan makanan dan industri kraftangan; dan
- (c) beberapa penyelidikan dan pembangunan harus dijalankan bagi mengenalpasti juga industri hi-tech serta mempertingkatkan saluran pemasaran.

Semua ini harus dijalankan serentak dengan mempercepat pembangunan infrastruktur bagi mencapai taraf pembangunan perindustrian yang intensif. Peluang-peluang pekerjaan akan dapat dipenuhi oleh penduduk-penduduk tempatan dari masa ke semasa dan pada masa yang sama, pemindahan teknologi dapat dirasakan oleh golongan ini. Bidang pertanian harus dipermodenkan supaya lebih berkesan dari segi menambahkan pendapatan petani. Aktiviti pertanian harus diusahakan secara komersial dan tidak hanya di peringkat 'subsistence' sahaja. Para petani harus mengambil sikap lebih 'selective' dalam memilih tanaman yang mempunyai 'demand' di pasaran, tempatan dan antarabangsa, iaitu jenis tanaman yang lebih kompetitif atau jenis yang 'export-oriented', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan industri luar bandar akan dapat dipertingkatkan dan diperhebatkan serta dipermodenkan dengan memberi galakan atau tekanan supaya bank-bank atau institusi kewangan dapat membuka cawangan-cawangan di luar bandar. Bank-bank serta institusi kewangan ini akan membantu dari segi menyediakan kemudahan kredit serta mengenalkan idea-idea baru bagi menggerakkan ekonomi masyarakat luar bandar. Sehubungan dengan ini adalah disarankan supaya bank-bank seperti Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan juga Bank Islam membuka cawangan-cawangan di luar bandar di Sarawak, termasuk juga anak-anak syarikat seperti Takaful diperluaskan ke luar bandar serta merangkumi masyarakat pelajar. Dengan memilih langkah positif ini akan mempertingkatkan aktiviti menambahkan pendapatan masyarakat luar bandar. Bank-bank juga disarankan bukan hanya membuka cawangan-cawangan di pusat bandar tetapi harusnya merancang cawangan-cawangan di luar bandar. Kadangkala adalah amat sukar bagi peminjam kredit ke bandar untuk menguruskan permohonan kemudahan kredit. Urusan

sebegini bukan dapat diselesaikan dalam masa satu dua hari sahaja dan semua ini membebankan bagi peminjam dari luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan cadangan memperhebatkan pembangunan luar bandar, di mana taraf ekonomi masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan, adalah disarankan supaya agensi-agensi pekerjaan jangan mudah mengelirukan belia-belua luar bandar, lelaki atau wanita, dengan janji-janji manis tentang pekerjaan di bandar-bandar, termasuk di Semenanjung. Janji-janji ini telah mengakibatkan ramai belia-belua, terutama sekali gadis-gadis, berhijrah ke bandar-bandar mengharapkan kerja-kerja yang halal. Malangnya kita banyak terdengar atau terbaca bahawa mereka ini telah tertipu dan akibatnya terjerumus di dalam kerja maksiat. Oleh yang demikian, adalah dipertekankan agar langkah konkrit dapat diatur bagi mewujudkan satu suasana yang sangat menarik di desa-desa atau di luar bandar supaya semua gejala negatif ini dapat dihapuskan.

Saya rasa dengan kemenangan Barisan Nasional yang cemerlang baru-baru ini di Sarawak, hasrat ini akan dipertimbangkan dengan serius oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Penduduk Sarawak telah memberi sokongan yang padu oleh kerana mereka masih memerlukan banyak pembangunan dari semua aspek dan menolak politik perkauman dan kedaerahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat berharap mandat yang diberikan pada masa Pilihanraya Negeri yang baru lalu adalah sebagai titik permulaan serta tenaga baru untuk memesatkan pembangunan di Sarawak supaya akan mencapai pembangunan dan kemajuan seperti negeri-negeri maju di Semenanjung. Harapan besar ini adalah satu cabaran bagi kita dan sama-samalah kita menghadapi cabaran ini dan membuktikan bahawa mandat yang diberikan tidak dipersia-siakan seperti tohmahan pihak Pembangkang. Tiada

kepura-puraan dan tiada janji-janji kosong. Semua janji harus ditunaikan dan semua kata-kata harus dikotakan. Kemenangan yang cemerlang membuktikan bahawa rakyat Sarawak sangat yakin kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional pada masa ini, iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan semua pemimpin Barisan Nasional yang lain di peringkat negeri dan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya pohon supaya pihak Kerajaan Pusat akan lebih 'liberal' dengan hasrat dan kehendak rakyat Sarawak dan mengagihkan segala kemudahan sama rata kepada rakyat di Sarawak, bukan sahaja dari segi peruntukan tetapi juga dari segi peluang-peluang.

Peluang-peluang ini adalah peluang pekerjaan, perniagaan, hak-hak dan keistimewaan dan juga sebaran maklumat.

Tuan Yang di-Perma, tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh mengenai peranan dan kedudukan wanita. Saya, bagi pihak kaum wanita keseluruhannya, khasnya wanita di Sarawak, mengucapkan jutaan terima kasih dan mengalu-alukan serta menyokong cadangan Kerajaan dalam program pembangunan wanita. Memang tidak dinafikan bahawa kaum wanita juga telah memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan negara. Hasrat Kerajaan hendak memperluaskan penyertaan wanita di zaman ini adalah langkah yang tepat sekali.

Penubuhan Pusat Sumber Maklumat Wanita bagi merancang program latihan kemahiran, teknikal, pengurusan dan keusahawanan adalah diharapkan akan membuka lagi banyak peluang serta meluaskan lagi penglibatan kaum wanita di dalam pembangunan negara. Harus diperingatkan di sini bahawa semua

pihak harus memandang serius perkara ini dan jangan melepaskan batuk di tangga sahaja. Saya sendiri telah mempunyai sedikit sebanyak pengalaman di mana bila perkara gender ini dibangkitkan, timbul pula pandangan endah tidak endah dan seakan-akan wanita hendak mengambil-alih bidang-bidang yang dahulunya 'men's domain', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan atau pandangan ini adalah satu pandangan yang cetek. Hak serta peluang adalah terbuka kepada semua lelaki atau wanita. Pihak lelakipun - ini mana yang berminat, dalam pekerjaan wanita adalah bebas untuk sama-sama menyertainya. Tetapi nyata sekarang ini didapati bahawa statistik mengenai penglibatan wanita adalah sangat berkurangan atau tidak lengkap. Statistik yang banyak didapati sekarang adalah menyeluruh, merangkumi kedua-dua gender untuk sesuatu perancangan yang baik. Data penting adalah diperlukan dengan pecahan tertentu.

Saya juga berharap agar data-data diperolehi dari semua peringkat disemua bidang bagi semua negeri-negeri di dalam Malaysia. Saya ingin mencadangkan di sini supaya pusat ini digabungkan dengan Pusat Maklumat Wanita yang pada masa ini diuruskan oleh pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan HAWA dan harus diperkembangkan dan diperkukuhkan dengan mengadakan rangkaian yang secara tetap dengan urusetia wanita di negara-negara maju yang lain dari segi pendedahan maklumat serta contoh-contoh yang baik.

Disarankan di sini supaya pihak HAWA mengawas dan menyelaras program pembangunan wanita yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Cara begini akan menjamin bahawa program ini dapat disepadukan dengan lebih berkcsan dan mengelakkan daripada masalah pertindihan (duplication),

dengan izin. HAWA juga seharusnya memainkan peranan lebih aktif dan agresif lagi serla harus dengan serius mempertimbangkan untuk mengembangkan sayapnya ke negeri-negeri. HAWA juga harus mempertimbangkan statusnya dinaik-gredkan ke peringkat jabatan supaya pengurusan serta authoritynya lebih efektif. Langkah ini adalah penting memandangkan bahawa pelaksanaan Dasar Wanita Negara harus diperhebaikan terutama sekali mengenai 'gender sensitizing'. Dengan pemusatan HAWA di Kuala Lumpur sahaja tidak dapat menjamin pengawasan atau pelaksanaan berkesan Dasar Wanita Negara terutama sekali di peringkat negeri-negeri. Oleh yang demikian, saya hendak mengetahui apakah perancangan dan pelaksanaan yang telah dirancang dalam masa lima tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas di atas satu Belanjawan yang begitu praktikal, bersesuaian dengan keadaan semasa. Ini adalah hasil daripada dasar Kerajaan yang bijaksana dan cekap dan juga akibat kestabilan politik dan sokongan kuat rakyat. Pembangunan infrastruktur asas yang kukuh di seluruh negara adalah teras kepada pembangunan yang dinikmati sekarang.

Di Sarawak khasnya, kita masih memerlukan pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik dan lain-lain kemudahan asas untuk membolehkan ekonomi membangun. Infrastruktur juga masih diperlukan bagi menampung peningkatan pelaburan masa hadapan untuk menjadikan negara kita sebuah negara industri yang maju khususnya di Sarawak. Hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeksport utama di rantau ini akan menjadi kenyataan dalam masa yang singkat melalui pembentukan Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). Wawasan 2020 adalah satu landasan, satu pegangan bagi semua

rakyat Malaysia bagi pembentukan masyarakat yang mampan serta pembinaan insan secara total yang dapat membina ketahanan daya hidup yang sedia menghadapi cabaran masa depan iaitu satu landasan yang akan membawa bangsa dan negara mencipta zaman yang gemilang dan yang disegani di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Padang Serai.

*5.55 ptg.*

**Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November 1991. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan yang benar-benar prihatin dengan masalah rakyat. Belanjawan ini mengambilkira semua pihak yang terlibat dengan semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana memperuntukkan sejumlah wang yang agak besar kira-kira \$6.7 bilion untuk Kementerian Pendidikan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sangat mengambil berat masalah-masalah pendidikan yang menjadi akar tunjang dalam kemajuan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada peruntukan pendidikan ini akan disalurkan ke sekolah-sekolah di luar bandar yang sememangnya masih perlukan pembelaan. Dalam konteks inilah saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang akan disalurkan ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang

juga merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan negara kita wajar juga diberi perhatian dan pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini parti MCA dan Kerajaanlah yang bertungkus-lumus menyelamatkan sekolah-sekolah Cina bukannya parti DAP yang hanya bijak berkata-kata tetapi tidak melakukan apa-apa tindakan juapun. MCA telah melakukan banyak pengorbanan untuk membantu sekolah-sekolah Cina. Mencrusi desakan MCA lah, Kerajaan kita yang baik hati ini telah banyak melakukan sesuatu untuk kebaikan sekolah-sekolah Cina. DAP hanya menjadikan sekolah Cina sebagai objek politik mereka untuk mencari publisiti murah. MCA membantu dengan penuh kesedaran dan keinsafan. Saya berharap agar pihak Kerajaan akan terus memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Cina ini.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1990 Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarah semua sekolah menengah menyediakan waktu pengajaran bahasa Cina. Satu waktu pada waktu pengajaran biasa iaitu waktu pertama hingga waktu kelapan. Kedua waktu lain harus ditetapkan di waktu kesembilan bagi sekolah sesi pagi atau waktu sifar bagi sekolah sesi petang. Kedua-dua waktu kesembilan atau waktu sifar itu adalah sangat tidak sesuai kerana masa itu cuaca panas terik. Tambahan pula kebanyakan sekolah di bandar menghadapi masalah kekurangan. . . . (Gangguan elektrik)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan.

**Puan Lim Lay Hoon:** Pada waktu kesembilan pelajar-pelajar di sesi petang sudah datang ke sekolah untuk memulakan pelajaran mereka. Kelas bahasa Cina terpaksa diadakan di kantin atau koridor sekolah. Keadaan yang penuh sesak, panas dan bising itu telah

menyebabkan ramai pelajar hilang minat belajar dan ponteng kelas bahasa Cina. Keadaan bertambah teruk setiap tahun. Akibatnya bilangan calon yang mengambil matapelajaran bahasa Cina bagi peperiksaan-peperiksaan SRP dan SPM makin tahun makin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah sekolah terdapat hanya seorang guru bahasa Cina sahaja. Guru itu terpaksa mengajar bahasa Cina dari tingkatan pralihan hingga ke tingkatan lima. Dia harus menyediakan enam rancangan pelajaran yang berlainan. Di samping itu, apabila dia membuat persediaan pengajaran, dia terpaksa membuat enam kali persediaan bagi enam tingkatan yang berbeza. Demikian juga apabila dia menyediakan soalan-soalan ujian dan peperiksaan. Ini merupakan satu beban kepada guru-guru bahasa Cina yang berkenaan. Maka jelaslah pengajaran semacam ini memang tidak ada berkesan. Ada juga guru berkeadaan demikian diarah mengajar bahasa Cina dari 8.00 pagi hingga ke 3.00 petang. Terdapat guru yang tidak dapat menanggung desakan ini terus balik pada pukul 2.00 tengah hari. Maka tiga waktu bahasa Cina dijadikan dua waktu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pelaksanaan KBSM, pengajaran bahasa Cina bertambah rumit. Bagi Tingkatan-tingkatan Empat dan Lima, khasnya aliran sains, syarat-syarat dan pilihan-pilihan yang ditetapkan begitu ketat sekali sehingga pelajar yang ingin belajar bahasa Cina tidak dapat berbuat demikian. Mulai tahun hadapan, mata pelajaran Kesusasteraan Cina yang sekian lama diadakan bagi peperiksaan SPM akan digugurkan. Adajuga sekolah tertentu mencantumkan tiga kelas pelajaran bahasa Cina menjadi satu kelas bahasa Cina. Bilangan pelajar kira-kira 45 orang. Di antara 45 orang pelajar bahasa Cina ini hanya lebih kurang 10 orang sahaja yang ingin mengambil bahasa Cina bagi peperiksaan SRP dan sebilangan besar yang tidak mengambil

bahasa Cina itu mengganggu mereka yang ingin belajar bahasa Cina itu sehingga pelajaran itu tidak dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ini bertambah serius, sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil oleh pihak tertentu, maka bekalan guru bahasa Cina bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina akan terputus dalam tempoh 10 tahun akan datang kerana 90% guru-guru sekolah ini adalah keluaran sekolah menengah Kcrajaan. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, maka saya mencadangkan waktu pengajaran bahasa Cina ditambahkan dari tiga waktu kepada 4 waktu dan 4 waktu bahasa Cina ini boleh dimasukkan ke dalam jadual waktu pengajaran biasa, iaitu dari waktu pertama ke waktu ke tapan bagi menggantikan 4 waktu pendidikan moral yang sedang berada dalam jadual waktu biasa. Ini bermakna pengajaran pendidikan moral akan mengambilalih waktu-waktu yang ditetapkan untuk pengajaran bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bagaimana seriusnya kekurangan guru-guru bahasa Cina, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan melatih lebih banyak lagi guru bahasa Cina bagi sekolah-skolah menengah. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru kepada Pusat Pengembangan Kurikulum Negara apabila menyusun, menggaris dan mengembangkan kurikulum baru, herilah peluang kepada pelajar-pelajar untuk belajar bahasa Cina dari Tingkatan Peralihan sehingga ke Tingkatan Enam. Di samping itu, mata pelajaran Kesusasteraan Cina patut dikekalkan sebagai mata pelajaran peperiksaan SPM kerana masih ramai pelajar dari sekolah menengah yang sanggup mengambil mata pelajaran ini dalam peperiksaan SPM. Oleh kerana masalah pengajaran bahasa Cina adalah satu masalah yang memerlukan perhatian, saya cadangkan setiap Jabatan

Pendidikan Negeri sepatutnya ditugaskan seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi mengendalikan hal-hal berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa parti DAP sentiasa mengeksploitasikan emosi pengundi Cina dengan membangkitkan sentimen kaum sebagai modal mereka. Mereka selalu memberi gambaran yang tidak berasas untuk memancing undi, misalnya, DAP sentiasa membangkitkan isu permuafakatan antara MCA dan UMNO dalam Barisan Nasional sebagai satu pakatan yang kononnya menggadai kepentingan kaum Cina.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka kaum Cina telah berganding bahu dengan kaum lain untuk membangunkan negara bersama-sama dan telah terbukti dengan menyaksikan taraf hidup rakyat kita yang semakin stabil. Oleh sebab itu saya menyeru kepada pihak parti DAP bcrhentilah menjadi political clown, dengan izin, di Dewan yang mulia ini. Politikal sendiwara DAP yang suka memutarbelitkan fakta-fakta untuk kepentingan politik mereka sendiri sudah diketahui oleh pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan Pembangunan sebanyak \$1.26 bilion adalah dengan tujuan, di antara lainnya untuk menyiapkan dan mengubahsuaikan sekolah rendah dan mcncngah, politekntk dan maktab latihan perguruan, sangatlah dialu-alukan. Tetapi pihak Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah yang lebih tegas ke atas kelengkapan pembinaan sekolah-sekolah oleh kontraktor-kontraktor yang kurang bertanggungjawab. Peruntukan tersebut tidak membawa kesan yang positif kerana kesalahan kontraktor yang terlibat, tetapi menjadikan satu punca kekecewaan yang dirasakan oleh rakyat ke atas kelewatan melaksanakan projek-projek pcmbinaan sekolah seperti di dalam kawasan saya iaitu kawasan Padang Serai. Ada dua buah sekolah

Tamil di Ladang Badenoch dan Ladang Wellesley yang masih belum dilengkapkan lagi. Ini akan menjatuhkan keyakinan rakyat terhadap kecekapan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan menyediakan peruntukan untuk kemudahan pra-sekolah adalah satu langkah yang bijak kerana ini akan memastikan kanak-kanak pada suatu hari kelak yang akan mengambilalih tugas membangunkan negara yang aman dan makmur mendapat kawalan dan pengajaran yang sesuai dari peringkat awal, matlamat mewujudkan kesefahaman antara kaum apabila dapat menanamkan perasaan "Kami adalah Rakyat Malaysia" dari permulaan dapat dicapai. Memandangkan kelas-kelas pra-sekolah atau setakat masa ini dikenali sebagai kelas-kelas TABIKA, telah dianjurkan oleh KEMAS, Jabatan Perpaduan dan juga Lembaga Pengurusan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil, adakah pihak Kementerian Pendidikan merancang mengambilalih pentadbiran kelas-kelas tersebut untuk memastikan pengurusan sukatan pelajaran dan matlamat pengajaran dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik dengan perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan yang diberikan terhadap keperluan kawasan luar bandar dengan tujuan membantu penduduk-penduduk di kawasan desa sebanyak \$ 1.523 bilion daripada \$5.415 bilion adalah diperuntukkan untuk projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengambil kesempatan ini untuk bercadang supaya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil berat tentang keadaan jalan-jalan di kampung-kampung. Kerja-kerja memperbaiki dan menurap jalan-jalan tersebut dengan tar harus diberi keutamaan. Mengikut satu kajian yang telah dibuat semasa lawatan ke kawasan desa, selain daripada kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, rakyat

sentiasa membangkitkan keadaan jalan-jalan yang begitu teruk.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan memuji sumbangan wanita terhadap pembangunan negara, saya merasa bangga di atas kenyataan itu.

Cadangan mengadakan Pusat Sumber Maklumat Wanita bagi merancang program latihan kemahiran teknikal, pengurusan dan keusahawanan adalah tepat pada masanya, memandangkan kaum wanita juga bertanggungjawab untuk memastikan matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai. Walaupun dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu hal ehwal wanita adalah disentuh, tetapi berapakah banyaknya peruntukan ini tidak dinyatakan. Maka saya menyeru supaya rancangan terperinci berkaitan dengan pelaksanaan projek yang dicadangkan dapat dikemukakan. Umpamanya, adakah Pusat Sumber Maklumat Wanita akan diadakan di setiap negeri, mahupun di setiap Bahagian? Apakah kriteria untuk memilih peserta-peserta menyertai program latihan kemahiran itu?

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengadakan cukai perkhidmatan 5% yang meliputi perkhidmatan firma-firma guaman, arkitek, akauntan, jurukur, jurutera, hospital persendirian, firma jurupcrunding, firma pengiklanan, agensi penghantaran serta pusat-pusat servis kereta akan mencapai matlamat Kerajaan iaitu menambahkan pendapatan Kerajaan. Tetapi ini akan mengakibatkan kekurangan wang yang akan dibawa balik ke rumah kerana firma-firma yang tersebut akan memindahkan cukai itu kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlalu bimbang di sektor servis kereta. Dengan tambahan 5% cukai di pusat-pusat servis kereta, sudah pasti ramai tuan punya kenderaan tidak akan pergi ke pusat-pusat itu tetapi akan cuba memperbaiki

kenderaan itu sendiri, dengan izin, maintenance kereta akan berkurangan dan ini akan menambahkan bilangan kemalangan di jalan raya. Mempunyai kereta sendiri pada masa ini dianggap sebagai suatu keperluan dan bukan suatu kemewahan dan adalah tidak wajar mereka itu dibebankan dengan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang sihat dan mempunyai rumahtangga yang bahagia. Orang ramai sedar bahawa meminum minuman keras yang berlebihan adalah salah satu daripada punca keluarga berpecah atau kes dera wanita dan kanak-kanak. Rakyat faham tujuan mulia Kerajaan, tetapi Kerajaan patut sedar juga perasaan setengah kaum di Malaysia di mana minuman keras digunakan untuk merayakan sesuatu perayaan atau majlis. Duti import dan duti eksais ke atas minuman keras yang begitu linggi akan hanya menguntungkan pihak yang membuat samsu haram itu dan para penyeludup yang akan mengambil kesempatan ini untuk menambahkan lagi kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, slogan "Merokok Membahayakan Kesihatan" pun telah disedari oleh semua lapisan masyarakat. Mengenakan cukai dan import duty yang berlebihan kepada rokok tidak akan tercapai matlamatnya seratus-peratus jika Kerajaan ingin orang ramai menjauhi daripada merokok. Seperti yang diramalkan tentang penyeludupan minuman keras, tambahan duti eksais dan duti import rokok akan menggalakkan penyeludupan rokok yang lebih giat dan berani kerana sekarang keuntungan mereka pasti bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, merokok itu mengakibatkan banyak penyakit dan tidak baik untuk kesihatan dan di sini saya berharap pihak Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk mengharamkan penjualan rokok kepada kanak-kanak dan tangkapan dibuat ke atas mereka yang menghisap rokok jika

beliau di bawah umur 18 tahun ini saya percaya akan memastikan bahawa bilangan yang merokok akan berkurangan.

Ekonomi Malaysia kian lama kian maju sehingga terdapat keadaan di mana peluang pekerjaan terlalu banyak yang tidak dapat dipenuhi oleh rakyat Malaysia. Ini terdapat di sektor perladangan. Mengenakan levi ke atas pekerja asing adalah satu langkah yang bijak kerana ia mempunyai beberapa tujuan yang baik. Contohnya, dengan pembayaran levi, Kerajaan dapat mengesan bilangan pekerja asing yang bekerja dan di samping itu dapat mengawal status kesihatan mereka, supaya mereka itu bukan pembawa penyakit seperti AIDS.

Insentif-insentif lumayan yang diberikan oleh Kerajaan untuk menarik pelabur asing telah mencapai matlamatnya dan kini terdapat kilang-kilang di merata tempat di Malaysia, tetapi malangnya kebanyakan jawatan-jawatan seperti teknikal, profesional, pengurusan profesional dan pengurusan atasan sengaja dijabat oleh rakyat asing, walaupun terdapat rakyat Malaysia yang berkelayakan dan berkemampuan memegang jawatan tersebut. Syabas ditujukan kepada Yang Menteri Kewangan yang sanggup mengambil tindakan tersebut, kerana dengan tindakan mengadakan levi ke atas pekerja-pekerja asing ini, pelabur-pelabur asing terpaksa membuat pilihan sama ada membayar levi atau memberi peluang jawatan itu kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, arahan Menteri Kewangan supaya Bank Negara membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan membuka lebih banyak cawangan adalah suatu tindakan yang patut mendapat sokongan orang ramai. Dengan arahan itu, penduduk di luar bandar boleh dapat menikmati segala kemudahan bank yang dirasai oleh rakan-rakannya di bandar sahaja. Dengan adanya lebih bank, persaingan

mesti wujud dan dengan ini pengguna-pengguna bank boleh mendapat layanan yang lebih bersopan dan baik kerana bank-bank itu akan merebut pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang pesat sejak beberapa tahun yang lalu telah menyebabkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih mewah dan boros. Tumpuan patut juga diberi terhadap inflasi yang berada di lingkungan 5% dan tindakan yang sewajarnya mesti diambil untuk membendung kenaikannya sebelum keadaan itu meningkat. Walaupun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah terhadap mengawal inflasi seperti menaikkan kadar faedah di institusi kewangan dan menghadkan kemudahan sewa-beli kenderaan. Langkah mengurangkan perbelanjaan pengguna mungkin menyumbang ke arah menghadkan kenaikan inflasi, tetapi corak perbelanjaan pengguna juga menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kad-kad kredit yang mudah juga didapati perlu dikawal oleh Bank Negara dengan mengetatkan syarat-syarat kelayakan permohonan kad kredit. Menurut laporan Malaysia Economy Association, pemegang kad kredit yang satu ketika terhad kepada golongan elit, sudah meningkat menjadi lebih kurang satu juta ahli dalam masa tiga tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat, satu minit lagi. Sila gulung.

**Puan Lim Lay Hoon:** Baiklah. Ini bererti sejuta rakyat Malaysia boleh membeli-belah tanpa wang tunai. Kalau keadaan dibiarkan begitu sahaja, sudah tentu kadar inflasi susah dapat dikawal. Di sini, Bank Negara patut mengambil tindakan dengan mengurangkan tabiat 'free spending spree', dengan izin, dengan mengadakan syarat-syarat seperti meninggikan jumlah pendapatan yang paling minimum, menurunkan nilai

kredit, mengadakan faedah yang lebih tinggi untuk pemohon kad-kad kredit yang baru. Kerajaan boleh mengadakan syarat-syarat, menggubal undang-undang untuk mengawal inflasi, tetapi cara yang berkesan sekali untuk mengawal inflasi ialah kita sendiri mesti mengamalkan perbelanjaan dengan cermat. Perancangan penggunaan perlu dibuat supaya lebih wang dapat disimpan bagi kegunaan di masa depan. Jika semua lapisan masyarakat berjimat-cermat, sudah tentu masalah inflasi dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Sadong.

6.20 ptg.

**Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga, dengan kesempatan ini, turut serta membahaskan Belanjawan 1992 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November yang lalu.

Belanjawan ini adalah merupakan Belanjawan yang meyakinkan, realistik, menyeluruh dan membina ketahanan ekonomi rakyat dan negara. Belanjawan berjumlah \$45.447 bilion itu mengandungi tambahan sebanyak \$6.973 bilion, jika dibandingkan dengan Belanjawan tahun yang lalu. Peruntukan sebanyak \$2.9 bilion bagi pembayaran tunggakan dan gaji di bawah sistem baru untuk kakitangan sektor awam, \$33.9 bilion untuk belanja mengurus dan selebihnya untuk sektor pembangunan amatlah dialu-alukan.

Pengurangan cukai dikenakan ke atas beberapa sektor yang menyumbangkan kepada pembangunan mental, khususnya royalti penghasilan buku dan penterjemahan. Royalti hasil penulisan yang boleh dikenakan cukai dinaikkan daripada \$6,000 kepada \$12,000 manakala terjemahan buku dan hasil

karya sastera daripada \$3,000 kepada \$6,000.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman pelepasan cukai ke atas royalti hasil penulisan ini tentunya menggembirakan para penulis dan penterjemah yang selama ini tidak mendapat perhatian, pembelaan dan publisiti yang meluas oleh masyarakat kita, sedangkan hasil karya mereka menyumbang kepada pembangunan mental masyarakat kita sendiri. Hal ini secara langsung menggalakkan perlumbaan menimba ilmu yang sihat dan berkuliti bagi mengimbangkan ekonomi dan mental.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan Kerajaan sedar bahawa kelebihan masyarakat berpengetahuan dan berilmu akan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, bebas daripada tekanan psikologi dan perasaan rendah diri dan tidak mudah berputus asa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas Menteri Pendidikan yang bertanggung jawab dalam bidang berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kewangan tentu sekali prihatin akan pentingnya ilmu pengetahuan untuk membina sebuah masyarakat Malaysia berkualiti dan bertanggungjawab.

Kenaikan paras pengecualian cukai pendapatan ke atas royalti hasil daripada penulisan setidak-tidaknya dapat mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks, karya-karya sastera dan sebagainya, dalam Bahasa Malaysia. Negara kita memerlukan ramai cerdik pandai, intelek, mahupun orang perseorangan yang berbakat dan berpengalaman dalam bidang penulisan, membukukan pengalaman mereka untuk tatapan generasi muda yang bakal mewarisi segala perjuangan kita hari ini dan dengan harapan ianya dapat mengekalkan kesinambungan budaya itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka diperuntukkan \$5 juta untuk

menubuhkan Biro Terjemahan adalah satu usaha yang harus disokong dan disambut baik oleh setiap lapisan masyarakat. Sebab budaya ilmu tidak lengkap jika segala jenis ilmu seperti sains, teknologi, pengurusan, perniagaan dan falsafah yang terkandung dalam pelbagai karya agung tidak diterjemahkan untuk kegunaan dan kemudahan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat secara keseluruhannya Belanjawan 1992 seharus dan sepatutnya disambut dengan hati terbuka oleh seluruh rakyat Malaysia kerana Belanjawan ini mempamerkan ciri-ciri ke arah kesediaan dan pencapaian Wawasan 2020. Di samping ianya memperlihatkan juga sikap bertanggungjawab dan penyayang Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyatnya, Belanjawan 1992 ini bukan sahaja mencerminkan langkah bijak Kerajaan yang boleh membawa pertumbuhan ekonomi yang lebih baik kepada negara untuk jangka panjang, malah ianya membuktikan kepada dunia bahawa negara kita mampu menyusun atur ke arah pemulihan dan pembangunan ekonominya sendiri di kala mana ekonomi dunia semakin mencabar dan rumit.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1992 itu telah berjaya mengutamakan keperluan rakyat secara menyeluruh dan tidak memberi perhatian dan tampanan yang khusus atau hukuman kepada mana-mana pihak walaupun terdapat kenaikan duti import bagi rokok dan arak. Kenaikan duti-duti import ini diharapkan akan memberi kesedaran agar dapat mendorong rakyat menghentikan tabiat merokok dan minum arak.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kita kepada rumah kos rendah. Rumah kos rendah adalah impian setiap lapisan masyarakat yang tidak mempunyai rumah untuk memilikinya. Dalam Belanjawan 1992 ini, kadar faedah pinjaman perumahan bagi rumah

berharga kurang daripada \$ 100,000 iaitu 9% sekarang dikekalkan. Harga rumah sudah lama menjadi tajuk perbualan dan keluhan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Yang ada sekarang ialah rendah pada nama dan tinggi pada harga. Keadaan ini amat berleluasa di kawasan bandar yang menjadi tumpuan perniagaan, perindustrian dan penduduk-penduduk seperti di sekitar bandaraya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini memang jarang sekali kita dapati adanya pemaju yang membina rumah kos rendah yang kurang daripada \$30,000 ke bawah dan yang bertaraf sederhana kurang daripada \$50,000 ke bawah untuk memenuhi permintaan golongan yang berpendapatan rendah ini. Permintaan untuk rumah sentiasa tinggi, lebih-lebih lagi di bandar-bandar besar. Justeru itu, memang menjadi hasrat pemaju-pemaju untuk mendapat keuntungan sebanyak mana yang boleh dengan membina rumah-rumah kos tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar syarat-syarat khas diketatkan ke atas pemaju-pemaju agar mereka tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan sesuka hati. Kini sudah menjadi satu trend atau fenomena bagi pemaju-pemaju hanya membina rumah untuk golongan pertengahan dan atasan sahaja kerana kategori ini bukan sahaja mendapat sambutan tetapi juga menjanjikan keuntungan yang lumayan. Bagi golongan dalam kelas ini, mereka membelinya ada kala bukan untuk kediaman sendiri semata-mata tetapi

sebagai pelaburan jangka panjang sama ada untuk disewa ataupun dijual pada masa yang akan datang.

Jadi, langkah Kerajaan untuk memperkenalkan konsep modular penyeragaman ataupun konsep pasang-siap amatlah dialu-alukan. Dan ini telah terbukti dapat menurunkan kos pembinaan dan harga. Tindakan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang kurang mampu memiliki rumah. Daripada pengalaman yang lalu, tidak diyakini pihak pemaju akan menerima dan melaksanakan konsep modular dan pasang siap sedemikian. Kaedah dan pendekatan ini hanya akan mencapai matlamat jika dilaksanakan menerusi penguatkuasaan undang-undang di mana pemaju-pemaju tidak akan ada pilihan lain kecuali mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Namun demikian, Kerajaan perlu berhati-hati terhadap kemungkinan berlakunya penyelewengan terutama di segi mutu pembinaan serta bahan yang digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta sambung esok, masa sudah cukup.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*